



Laporan Tahunan | 2011

Kementerian Kesihatan Malaysia



Kandungan

Laporan Tahunan

Kementerian Kesihatan Malaysia 2011

Sidang Pengarang	iv
Carta Organisasi Kementerian Kesihatan Malaysia	v
Visi dan Misi	vi
Bab	
1. Status Kesihatan	7
2. Pengurusan	17
3. Kewangan	51
4. Kesihatan Awam	105
5. Perubatan	199
6. Penyelidikan dan Sokongan Teknikal	245
7. Kesihatan Pergigian	265
8. Farmasi	337
9. Keselamatan dan Kualiti Makanan	363
10. Dasar dan Hubungan Antarabangsa	369
11. Perundangan Kesihatan	371
12. Audit Dalaman	375
13. Peristiwa Penting	

Sidang Pengarang

PENGERUSI

DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia

PENGARANG

DATO' DR. MOHD AZHAR B. HJ. YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan)

CIK CHIN PHAIK YOONG
Timbalan Ketua Setiausaha
(Kewangan)

DATUK DR. LOKMAN HAKIM B. SULAIMAN
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)

DATUK DR. NOOR HISHAM B. ABDULLAH
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Perubatan)

DATO' DR. MAIMUNAH BT. A. HAMID
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

DR. KHAIRIYAH BT. ABDUL MUTTALIB
Pengarah Kanan, Kesihatan Pergigian

DATO' EISAH BT. A. RAHMAN
Pengarah Kanan, Perkhidmatan Farmasi


PUAN NOORAINI BT. DATO' MOHD OTHMAN
Pengarah Kanan, Keselamatan Dan Kualiti Makanan

DATO' DR. NOORAINI BT. BABA
Pengarah, Perancang Dan Pembangunan

URUSETIA

DR. MD. KHADZIR B. SHEIKH AHMAD
Timbalan Pengarah,
Pusat Informatik Kesihatan

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN, MALAYSIA



VISI KESIHATAN

Negara menggembelng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

MISI KEMENTERIAN KESIHATAN

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

- Untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
 - √ mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - √ menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - √ mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:
mengutamakan pelanggan
 - √ saksama
 - √ tidak membebankan
 - √ cekap
 - √ wajar mengikut teknologi
 - √ boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - √ inovatif
- Dengan menekankan:
 - √ sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - √ sifat menghormati maruah insan
 - √ penglibatan masyarakat

1 | Status Kesehatan

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang dinamik menikmati pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kestabilan politik sejak mencapai kemerdekaan 54 tahun yang lalu. Rakyat Malaysia hari ini secara umumnya adalah lebih sihat, hidup lebih lama, dan lebih produktif. Tahap kesihatan menyeluruh yang tercapai merupakan salah satu petunjuk kejayaan negara. Kesihatan yang baik membolehkan rakyat Malaysia mengecapi kehidupan yang produktif dan lebih bermakna. Tambahan pula, kesihatan yang baik menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan sosial secara keseluruhan.

Struktur Populasi

Berdasarkan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, populasi pada 2011 berjumlah 28.96 juta orang dengan purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.3 per 1000 penduduk. Jumlah populasi pada 2011 meningkat sebanyak 0.63 juta berbanding 28.33 juta pada 2010. Taburan geografi menunjukkan Selangor mempunyai populasi tertinggi sebanyak 5.58 juta, manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan jumlah populasi terendah sebanyak 0.08 juta (Jadual 1). Walau bagaimanapun, Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan pertumbuhan tahunan tertinggi sebanyak 4.0 per 100 penduduk, sementara Perlis merekodkan pertumbuhan tahunan terendah pada kadar 0.7.

Secara keseluruhan, Malaysia mempunyai populasi yang muda dimana 36.6% daripada jumlah penduduk dibawah umur 20 tahun dan hanya 8.1% berumur 60 tahun dan ke atas (Jadual 2). Pada 2011, *economically-productive population* atau populasi yang menyumbang kepada ekonomi negara; iaitu mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun, adalah seramai 19.7 juta atau 68.0% daripada jumlah populasi, manakala *economically dependent* atau golongan yang berumur di bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun keatas adalah seramai 9.3 juta atau 32.0% daripada jumlah populasi.

Status Kesihatan

Status kesihatan boleh diukur melalui beberapa petunjuk status kesihatan. Contoh petunjuk kesihatan yang boleh diukur seperti jangkaan hayat semasa lahir, kematian dan morbiditi negara adalah antara petunjuk yang boleh diukur, ini adalah petanda keadaan kesihatan individu dan seterusnya tahap kesihatan populasi itu secara menyeluruh.

- **Jangkaan Hayat Semasa Lahir**

Jangkaan hayat ialah bilangan tahun secara purata seseorang itu dijangka hidup. Dengan kemajuan di dalam status pemakanan dan sosio-ekonomi populasi, rakyat Malaysia boleh menikmati jangkaan hayat lebih lama berbanding dahulu. Jangkaan hayat semasa lahir pada 2010 berdasarkan data preliminari meningkat kepada 71.9 tahun bagi lelaki dan 77.0 tahun bagi perempuan berbanding 70.8 tahun bagi lelaki dan 75.3 tahun bagi perempuan pada 2002 (Rajah 1). Perlu diketahui bahawa data untuk 2011 masih belum tersedia.

JADUAL 1
POPULASI DAN KADAR PERTUMBUHAN POPULASI TAHUNAN MENGIKUT NEGERI,
MALAYSIA 2010-2011

Negeri	Populasi ('000)		Purata Kadar Pertumbuhan Populasi Tahunan (%)
	2010	2011 ^P	2010/2011
Perlis	231.5	237.5	0.7
Kedah	1,947.7	1,973.1	1.2
Pulau Pinang	1,561.4	1,593.6	1.1
Perak	2,352.7	2,397.6	0.8
Selangor	5,462.1	5,577.4	1.4
WP Kuala Lumpur	1,674.6	1,694.5	1.2
WP Putrajaya	72.4	76.4	4.0
Negeri Sembilan	1,021.1	1,042.9	1.3
Melaka	821.1	833.0	1.1
Johor	3,348.3	3,401.8	1.1
Pahang	1,500.8	1,524.8	1.5
Terengganu	1,036.0	1,074.0	1.7
Kelantan	1,539.6	1,615.2	1.6
Sabah	3,206.7	3,316.4	1.7
WP Labuan	86.9	89.8	1.9
Sarawak	2,471.1	2,516.2	1.2
MALAYSIA	28,334.1	28,964.3	1.3

Nota:

1. Anggaran Populasi Penduduk pada Pertengahan Tahun berdasarkan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang telah disesuaikan.
2. Jumlah mungkin berbeza akibat pembundaran angka.
3. WP = Wilayah Persekutuan
4. Data negeri untuk tahun 2011 adalah data preliminari

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

JADUAL 2
STATISTIK BERKAITAN POPULASI, 2011


Populasi	2011	
	Bilangan ('000)	% Populasi
Lelaki	14,912.0	51.5
Perempuan	14,052.3	48.5
Kaum Muda (bawah 20 tahun)	10,599.0	36.6
Kaum Tua (60 tahun ke atas)	2,338.3	8.07
<i>Economically-productive</i> (umur 15-64 tahun)	19,704.5	68.0
<i>Economically-dependent</i> (bawah 15 tahun & atas 64 tahun)	9,259.9	32.0

Nota:

1. Anggaran Populasi Penduduk pada Pertengahan Tahun berdasarkan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang telah disesuaikan.
2. Jumlah mungkin berbeza akibat pembundaran angka

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

RAJAH 1
JANGKA HAYAT SEMASA LAHIR (TAHUN) MENGIKUT JANTINA, MALAYSIA, 2002-2010



Nota:

1. p = data preliminari
2. Data untuk tahun 2011 belum tersedia

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

• Kematian


Data kematian merupakan sumber yang berguna dalam pengukuran tahap kesihatan. Data-data ini menunjukkan tahap kesihatan komuniti secara komprehensif kerana ia meliputi setiap individu. Banyak lagi jenis pengukuran digunakan untuk menunjukkan tahap kesihatan daripada pelbagai perspektif.

Dalam tempoh 40 tahun (1971-2011) terakhir ini, kadar kematian di Malaysia mengalami penurunan. Tren kadar kematian ibu (MMR), kadar kematian bayi (IMR) dan kadar kematian neonatal (NMR) di Malaysia adalah seperti di Jadual 2.

MMR merujuk kepada nisbah kematian di kalangan wanita ketika mengandung, melahirkan anak atau tempoh 42 hari melahirkan anak, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh proses mengandung atau kelahiran, menunjukkan penurunan daripada 1.1 per 1,000 kelahiran hidup pada 1971 kepada 0.3 pada 2011. Walaupun terdapat peningkatan kecil dalam MMR pada 2001, kadar tersebut telah stabil sejak 10 tahun yang lepas, iaitu daripada 1991 hingga 2010. Ini mungkin disebabkan penggunaan sistem laporan yang ditambahbaik pada 1990, dengan tertubuhnya "Confidential Enquiry into Maternal Deaths" (CEMD) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

IMR per 1,000 kelahiran hidup telah bertambah baik daripada 37.2 pada 1971 kepada 6.6 pada 2011. Selain itu NMR per 1,000 kelahiran hidup pada tempoh yang sama juga menunjukkan penurunan bila dibandingkan dengan 20.8 pada 1971.

RAJAH 2
IMR, NMR DAN MMR, MALAYSIA, 1971-2011



Nota: p = data preliminari, semua data adalah per 1,000 kelahiran hidup

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Tren bagi kadar kematian yang lain kekal agak statik dari 2007 hingga 2011 (Jadual 3). Ini adalah hasil dari program imunisasi yang intensif dan juga program kesihatan lain yang dijalankan oleh sektor awam dan swasta. Peningkatan ini juga hasil daripada peningkatan status pemakanan kanak-kanak, penambahbaikan sistem imunisasi dan juga keadaan persekitaran yang bertambah baik.

JADUAL 3
KADAR KEMATIAN DI MALAYSIA, 2007-2011

Indikator	2007	2008	2009	2010	2011p
Kadar Kematian Kasar (per 1,000 populasi)	4.5	4.7	4.9	4.6	4.6
Nisbah Kematian Ibu (MMR) (per 100,000 kelahiran hidup)	29.0	28.9	27.0	26.1	25.5
Kadar Kematian Bayi (IMR) (per 1,000 kelahiran hidup)	6.2	6.2	6.9	6.7	6.6
Kadar Kematian Neonatal (NNR) (per 1,000 kelahiran hidup)	3.8	3.9	4.3	4.3	4.2
Kadar kematian bawah 5 tahun (per 1,000 kelahiran hidup)	7.9	8.0	8.5	8.4	8.1
Kadar Kematian Kenak-Kanak (per 1,000 populasi berumur 1-4 tahun)	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4
Kadar Kelahiran Mati (Stillbirth Rate) (per 1,000 kelahiran)	4.4	4.3	4.4	4.5	4.5
Kadar Kematian Perinatal (per 1,000 kelahiran)	7.2	7.3	7.6	7.7	7.6

Note : p = data preliminari, N/A = data tidak tersedia

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

- **Morbidity**

Status kesihatan sesebuah komuniti diukur berdasarkan kepada morbiditi, yang memfokuskan kepada insiden atau penularan penyakit, dan kematian yang menjelaskan kadar kematian di dalam satu populasi.

Kemasukan ke hospital menunjukkan tahap keseriusan penyakit yang memerlukan rawatan lanjut, penstabilan pesakit atau keperluan pengasingan pesakit untuk mencegah penularan penyakit. Bagi tempoh 2000-2011, jumlah kemasukan ke hospital KKM meningkat sebanyak 38.4% kepada 2,151,666 pada 2010 dari 1,555,133 pada 2000. 10 punca utama kemasukan ke hospital KKM untuk 2011 adalah seperti Jadual 4. Penyakit-penyakit dikelompokkan semula mengikut International Statistical Classification of Disease 10th Revision (ICD10). Pada 2011, "Pregnancy, childbirth and the puerperium" (25.94%) merupakan punca utama kemasukan ke hospital KKM diikuti oleh "Diseases of the respiratory system" (10.36%).

JADUAL 4
10 PUNCA UTAMA KEMASUKAN KE HOSPITAL KKM, 2011

Punca Utama	Bilangan Kemasukan	Peratus dari jumlah kemasukan
1. <i>Pregnancy, childbirth and the puerperium</i>	558,187	25.94
2. <i>Diseases of the respiratory system</i>	222,989	10.36
3. <i>Injury, poisoning and certain other consequences of external causes</i>	193,123	8.98
4. <i>Certain conditions originating in the perinatal period</i>	165,138	7.67
5. <i>Diseases of the circulatory system</i>	158,813	7.38
6. <i>Certain infectious and parasitic diseases</i>	147,544	6.86
7. <i>Diseases of the digestive system</i>	108,106	5.02
8. <i>Diseases of the genitourinary system</i>	103,687	4.82
9. <i>Factors influencing health status and contact with health services</i>	76,812	3.57
10. <i>Endocrine, nutritional & metabolic diseases</i>	71,484	3.32
Jumlah Kemasukan (Semua Punca)	2,151,666	100

Nota: Berdasarkan pengelompokan kod 3-digit, ICD10

Sumber: Pangkalan Data PPT2, Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Jumlah bilangan kematian (bagi semua punca) di Hospital KKM bagi tempoh 2000-2011 meningkat 58.0% dari 30,319 pada 2000 kepada 47,899 pada 2011. "Diseases of the circulatory system" merupakan punca kematian yang tertinggi di Hospital KKM yang dicatatkan pada 2010 (25.64%), diikuti oleh "Diseases of the respiratory system" (19.48%) dan "Certain infectious and parasitic diseases" (17.02%). 10 punca utama kematian di hospital KKM pada 2010 adalah seperti pada Jadual 5.

JADUAL 5
10 PUNCA UTAMA KEMATIAN DI HOSPITAL KKM, 2011

Punca Utama	Bilangan Kematian	Peratus daripada jumlah kematian
1. Diseases of the circulatory system	12,282	25.64
2. Diseases of the respiratory system	9,332	19.48
3. Certain infectious and parasitic diseases	8,151	17.02
5. Neoplasms	5,328	11.12
4. Diseases of the digestive system	2,479	5.18
7. Injury, poisoning and certain other consequences of external causes	2,407	5.03
6. Diseases of the genitourinary system	2,107	4.40
8. Certain conditions originating in the perinatal period	1,792	3.74
9. Endocrine, nutritional and metabolic diseases	899	1.88
10. Diseases of the nervous system	848	1.77
Jumlah Kematian (Semua Punca)	47,899	100

Nota: Berdasarkan pengelompokan kod 3-digit, ICD10

Sumber: Pangkalan Data PPT2, Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Fasiliti Kesihatan dan Penggunaan Fasiliti

Bagi Fasiliti Kesihatan pula, terdapat 879 Klinik Kesihatan, 1,864 Klinik Desa dan 106 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak pada 2011. Terdapat 132 hospital kerajaan dan 6 institusi dengan bilangan katil masing-masing sebanyak 31,650 dan 4,498. Kadar Hunian Katil (Bed Occupancy Rate, BOR) untuk Hospital dan Institusi KKM pada 2011 adalah 68.63% (Jadual 6).

JADUAL 6
FASILITI KESIHATAN BERDASARKAN JENIS, BILANGAN KATIL DAN BOR, 2007-2011

Fasiliti	2007	2008	2009	2010	2011
Bilangan Hospital KKM	130	130	130	131	132
Bilangan Intitusi Perubatan Khas	6	6	6	6	6
Bilangan Katil ¹	37,149	38,004	38,057	37,793	36,148
Kadar Hunian Katil, BOR (%) ¹	64.23	65.46	65.45	66.26	68.63
Bilangan Klinik Kesihatan	806	802	808	813	879
Bilangan Klinik Desa	1,927	1,927	1,920	1,916	1,864
Bilangan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	97	95	90	104	106

Nota: ¹ merujuk kepada bilangan dan BOR di Hospital dan Institusi Perubatan Khas KKM

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Penerbitan

Penerbitan utama KKM seperti Fakta Kesihatan, Laporan Tahunan dan Petunjuk Kesihatan boleh diakses melalui portal rasmi KKM dibawah tab Penerbitan dan Rujukan (<http://moh.gov.my/v/mmh>). Begitu juga untuk garis panduan dan rujukan tentang tajuk-tajuk khusus, ia boleh diakses dari lajur sisi pada antaramuka yang sama. Keputusan untuk menyediakan penerbitan atas talian adalah untuk membantu orang awam untuk memperoleh maklumat kesihatan Malaysia.

2 | Pengurusan

PENGENALAN

Program Pengurusan terdiri daripada enam (6) bahagian/unit dibawah Ketua Setiausaha lima (5) bahagian dibawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan tiga (3) bahagian dibawah Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan). Objektif utama program ini adalah untuk mempermudah dan menyokong pencapaian dasar dan objektif Kementerian dengan memberi bantuan kepada program-program lain melalui penyediaan sistem perkhidmatan yang cekap dan berkesan dari segi pengurusan sumber manusia, pengurusan teknologi maklumat, kecekapan dan perkembangan latihan dan pengurusan kewangan.

Bahagian dibawah Pengurusan disenaraikan seperti berikut:

- i. Bahagian Sumber Manusia;
- ii. Bahagian Pengurusan Latihan;
- iii. Bahagian Pembangunan Kompetensi;
- iv. Bahagian Khidmat Pengurusan;
- v. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi;

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Sumber Manusia (BSM) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan sumber manusia dan struktur organisasi KKM. Ia melibatkan anggota, skim dan saraan, perkhidmatan, disiplin dan integriti, dan perihal HRMIS.

Dalam melaksanakan pengurusan sumber manusia di KKM, BSM menghadapi beberapa cabaran sepanjang 2011. Cabaran utama adalah dasar Kerajaan untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang mantap. Ini melibatkan penubuhan jawatan, penstrukturan semula organisasi dan membekukan pengisian jawatan untuk gred lantikan. Walaupun begitu, BSM telah melaksanakan aktiviti yang telah dirancang untuk tahun 2011 dengan jayanya.

Pada 31 Disember 2011, jawatan yang diisi di KKM adalah 195,041 (88.2%) daripada 221,110 jawatan. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 4.6% berbanding dengan tahun 2010 (185,997). Peningkatan ini menunjukkan komitmen dan usaha BSM untuk memudahkan pengurusan sumber manusia di KKM. Maklumat lanjut berkenaan penubuhan dan pengisian jawatan pada 2011 adalah seperti Jadual 1.


JADUAL 1
STATUS PERJAWATAN DI KKM, PADA 31 DISEMBER 2011

Bil.	Kumpulan	Jawatan	Pengisian	Peratus pengisian (%)	Kekosongan	Peratus Kekosongan (%)
1.	Pentadbiran & Lantikan secara undang-undang	3	3	100	0	0
2.	Pengurusan dan Profesional	44,459	35,088	78.9	9,371	21.1
3.	Paramedik dan Aukiliari	112,998	101,687	90.0	11,311	10.0
4.	Gunasama dan Sokongan	63,650	58,263	91.5	5,387	8.5
Jumlah		221,110	195,041	90.1	26,069	9.9

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Daripada jumlah keseluruhan perjawatan di KKM, kumpulan Paramedik dan Aukiliari merupakan kumpulan terbesar yang terdiri daripada 51%, diikuti oleh Gunasama dan Sokongan (29%) dan Pengurusan dan Professional (20%). Sila rujuk Rajah 1.


RAJAH 1
PENJAWATAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN DI KKM, 2011



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Dalam kumpulan Pengurusan dan Professional, Pegawai Perubatan adalah skim perkhidmatan terbesar yang merangkumi 21,765 pegawai. Skim perkhidmatan Jururawat adalah bilangan terbesar (46,356) dalam kumpulan Paramedik dan Aukiliari. Maklumat tentang lima (5) jawatan skim perkhidmatan terbesar adalah seperti Rajah 2.

RAJAH 2
MAKLUMAT TENTANG PENJAWATAN UNTUK PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN, PEGAWAI FARMASI, JURURAWAT DAN PEMBANTU PEGAWAI PERUBATAN DI KKM, 2011



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Kakitangan


Penyampaian perkhidmatan kesihatan yang cekap memerlukan struktur organisasi yang kukuh bagi memenuhi kehendak pelanggan. Dalam hal ini, fungsi BSM adalah untuk memastikan struktur organisasi di Bahagian/Jabatan adalah sejajar dengan tugas dan beban kerja organisasi tersebut.

Sepanjang tahun 2011, BSM telah melaksanakan sebanyak tujuh (7) kajian utama tentang penyusunan semula organisasi dan perwujudan jawatan di KKM. Antara kajian yang dijalankan adalah Dasar Penstrukturan Semula Bahagian, Hubungan Korporat & Antarabangsa, Kajian Semula ke atas Pegawai Tadbir Diplomatik yang tidak menjalankan tugas generik, dan Penstrukturan Bahagian Kesihatan Pergigian.

Manakala, untuk perihal perwujudan jawatan, ia melibatkan perwujudan jawatan di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu (KSKB) Ulu Kinta (Perak), Mengukuhkan Program Kesihatan Awam dengan mewujudkan 25 jawatan di Klinik 1Malaysia, Cadangan untuk Mewujudkan Jawatan Pegawai Sains di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Penyelarasan Terperinci Aktiviti Jawatan di bawah Program Kesihatan Pergigian.

Pada 2011, KKM telah meluluskan 9,353 penjawatan baru, termasuk lantikan baru dan kenaikan pangkat untuk pelbagai skim perkhidmatan dan gred melalui Anggaran Belanjawan Malaysia (ABM) 2011. Jawatan yang telah diluluskan dibahagikan berdasarkan keperluan perkhidmatan bagi menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkesan. Maklumat tentang jawatan yang telah diluluskan pada 2011 diperincikan dalam Rajah 3.


RAJAH 3
BILANGAN PENJAWATAN BERDASARKAN SKIM PERKHIDMATAN YANG DILULUSKAN MELALUI ABM 2011



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan dan lebih mudah diperolehi untuk rakyat, KKM telah melancarkan inisiatif Klinik 1Malaysia pada tahun 2010. Bagi menyokong usaha murni ini, BSM telah mewujudkan 688 jawatan untuk pelaksanaan Klinik 1Malaysia pada 2011. Jawatan yang terbabit adalah Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Jagaan Kesihatan. Pecahan berdasarkan skim perkhidmatan adalah seperti Rajah 4.

RAJAH 4
BILANGAN JAWATAN YANG DILULUSKAN UNTUK KLINIK 1MALAYSIA BERDASARKAN SKIM PERKHIDMATAN, 2011



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Skim, Saraan dan Hubungan Pekerja

Dalam usaha menarik dan mengekalkan pegawai yang cemerlang untuk menyertai dan menyambung perkhidmatan di KKM, BSM telah melaksanakan beberapa kajian penambahbaikan elaun dan kemudahan yang telah diluluskan oleh Agensi Pusat pada 2011. Penambahbaikan elaun dan kemudahan adalah pengiktirafan kerajaan kepada kakitangan perubatan yang menunjukkan komitmen yang tinggi untuk menjalankan tugas. Antara penambahbaikan elaun yang diluluskan adalah seperti berikut:

a. Elaun Insentif Pakar

Elaun Insentif Pakar diwujudkan bagi mengiktiraf sumbangan dan kemahiran Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian yang diperlukan oleh negara. Ia juga merupakan insentif bagi menggalakkan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian untuk menyambung bidang pengkhususan klinikal/kesihatan awam yang diperlukan. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan No 7 tahun 2011 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2011, Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian menerima penambahan Elaun Insentif Pakar antara 18-28 peratus berbanding dengan kadar sebelumnya. Jadual perbandingan kadar adalah seperti di Jadual 2.

JADUAL 2
KADAR PERBANDINGAN ANTARA KADAR LAMA DAN BARU ELAUN INSENTIF PAKAR

No.	Gred	Kadar Bulanan (RM)		Peratus Kenaikan (%)
		Lama	Baru	
1	JUSA C ke atas	2,400	3,100	22.6
2	UD53 dan UD54	2,200	2,800	21.4
3	UD51 dan UD52	1,800	2,500	28.0
4	UD47 dan UD48	1,700	2,200	22.7
5	UD 45	-	2,000	-
6	UD43 dan UD44	1,400	1,900	26.3
7	UD41	1,300	1,600	18.8

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

b. Elaun kerja selepas waktu bekerja biasa (On-Call)

Elaun *oncall* diberikan untuk mengiktiraf pengorbanan dan dedikasi Pegawai Perubatan dalam memikul tanggungjawab tambahan dengan bekerja berterusan bagi memastikan perhidmatan kesihatan dan perubatan terhadap pesakit tidak terjejas. Menurut surat Ruj: JPA SARAAN(S) 215/8/2-4/Klt.6 (11) bertarikh 16 Disember 2011 yang berkuatkuasa sejak 1 September 2011, pegawai perubatan menerima tambahan elaun *oncall* sebanyak 22-45 peratus. Perbandingan antara kadar lama dan baru adalah seperti Jadual 3.

JADUAL 3
PERBANDINGAN ELAUN ONCALL BAGI TAHUN 2011 DAN SEBELUM TAHUN 2011

Syarat	Kadar (RM)		
	Sebelum 2011	2011	
	Pakar dan Pegawai Perubatan	Pakar	Pegawai Perubatan
Panggilan Aktif			
Tugas kerja berterusan lebih dari 16 jam pada;			
- Hari Bekerja	150.00	230.00	200.00
- Hujung Minggu dan Cuti Am	170.00	250.00	230.00
Panggilan Pasif			
Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas lebih daripada 4 jam pada;			
- Hari Bekerja	90.00	150.00	130.00
- Hari Mingguan dan Cuti Am	100.00	160.00	140.00
Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas kurang daripada 4 jam atau tidak dipanggil bertugas pada;			
- Hari Bekerja	50.00	100.00	80.00
- Hari Mingguan dan Cuti Am	55.00	105.00	85.00

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

c. Elaun *Flexi-Hours*

Elaun *flexi-hours* diberi kepada Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dengan tujuan untuk memendekkan jumlah waktu bekerja agar mereka boleh menumpukan perhatian sepenuhnya kepada latihan mereka dan seterusnya meningkatkan kualiti rawatan perubatan. Menurut surat Ruj: JPA.SARAAN(S) 215/8/2-4/Klt.6 (22) bertarikh 30 Disember 2011 yang berkuatkuasa mulai 1 September 2011, PPS akan dibayar sebanyak RM 600 setiap bulan dengan waktu bekerja tidak melebihi 72 jam seminggu. Sejajar dengan memperkenalkan elaun *flexi-hours* ini, BSM telah menyediakan garis panduan perlaksanaan yang telah diedarkan kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri sebagai rujukan.

d. Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian (BIKAPP)

BIKAPP diberi sebagai galakan dan penghargaan kepada Pegawai Pergigian yang mempunyai persijilan yang lebih tinggi dan menggunakan kepakaran mereka untuk menjalankan tugas di dalam bidang kesihatan awam bagi kepentingan perkhidmatan kesihatan. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 2011 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2011, Pegawai Pergigian layak untuk BIKAPP antara RM 1,280 hingga RM 2,480 sebulan berdasarkan gred. Maklumat lanjut mengenai kadar BIKAPP adalah seperti Jadual 4.

JADUAL 4
KADAR BIKAPP


GRED	KADAR BULANAN (RM)
JUSA keatas	2,480
53 dan 54	2,240
51 dan 52	2,000
47 dan 48	1,760
45	1,600
43 dan 44	1,520
41	1,280

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Hal Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat

Untuk mengiktiraf pegawai yang berkhidmat dengan cemerlang, sepanjang 2011, BSM telah dengan berjaya menguruskan kenaikan pangkat bagi 19,063 kakitangan di KKM. Dari jumlah ini, sebanyak 3,578 memangku jawatan dan 15,485 dinaikkan pangkat. Jumlah pegawai yang memangku jawatan dan dinaikkan pangkat mengikut kategori adalah seperti pada Rajah 5 dan 6.


RAJAH 5
BILANGAN PEGAWAI YANG BERJAYA MEMANGKU JAWATAN DAN DINAIKKAN PANGKAT



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM


Selain daripada kenaikan pangkat secara laluan biasa seperti di atas, BSM juga mempromosikan laluan kerjaya untuk Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Pada tahun 2011, sebanyak 5,041 pegawai telah berjaya dinaikkan pangkat melalui laluan kerjaya. Pecahan kenaikan pangkat secara skim perkhidmatan adalah seperti di Rajah 7.

RAJAH 6
BILANGAN PEGAWAI YANG BERJAYA DINAIKKAN PANGKAT MENGIKUT KATEGORI PERKHIDMATAN



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

RAJAH 7
BILANGAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI YANG BERJAYA DINAIKKAN PANGKAT MELALUI LALUAN KERJAYA




Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Perkara Berkaitan Perkhidmatan


Pada 2011, BSM telah menguruskan seramai 8,487 pegawai lantikan baru dari pelbagai gred dan skim perkhidmatan melalui pelantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Di samping itu, dibawah kuasa perwakilan oleh SPA, BSM telah melantik 560 pegawai dari Kumpulan Sokongan II, dan ini menjadikan jumlah pegawai baru yang dilantik pada 2011 seramai 9,047. Maklumat terperinci adalah seperti di Rajah 8 and 9.

RAJAH 8
BUTIRAN PERLANTIKAN STAF KKM OLEH SPA, 2011



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

RAJAH 9
BUTIRAN PERLANTIKAN STAF SOKONGAN II DIBAWAH KUASA PERWAKILAN SPA



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Selain penjawatan baru, BSM juga menguruskan penempatan bagi Pegawai Perubatan dan Pergigian yang telah berjaya menamatkan pelajaran di bidang Kepakaran. Pada tahun 2011, seramai 336 Pegawai Perubatan dan 27 Pegawai Pergigian yang berjaya menamatkan di bidang Kepakaran dan telah kembali berkhidmat di KKM. Mereka ditempatkan berdasarkan bidang kepakaran di fasiliti kesihatan yang menyediakan perkhidmatan pakar yang berkaitan di seluruh negara.

BSM juga menguruskan lantikan Pegawai Perubatan, Pakar Perubatan dan paramedik secara kontrak. Pada 2011, seramai 667 Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan kontrak di kalangan warganegara dan bukan warganegara berkhidmat di KKM. Manakala, seramai 529 anggota paramedik berkhidmat secara kontrak di fasiliti kesihatan KKM.

Pada 2011, seramai 441 Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan telah meletakkan jawatan dari KKM, masing-masing sebanyak 311 dan 130 orang. Bilangan ini mewakili 2.08% dari jumlah Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan di KKM. Walau bagaimanapun, kekosongan ini diisi secara berperingkat dengan pengambilan baru dan juga oleh Pegawai Perubatan yang telah berjaya menamatkan pelajaran dalam bidang Kepakaran.

Sebuah kaji selidik yang dilaksanakan ke atas Pakar Perubatan yang telah meletakkan jawatan dari KKM mendapati sebab-sebab perletakan jawatan adalah seperti pada Jadual 5.

JADUAL 5
SEBAB PERLETAKAN JAWATAN PAKAR PERUBATAN DARI KKM, 2011

Bil.	Sebab Perletakkan Jawatan	Jumlah
1	Sebab Peribadi	108
2	Pensyarah di Universiti	11
3	Bekerja di sektor swasta	7
4	Tidak bersetuju dengan penempatan	2
5	Sambung Belajar di Luar Negara	1
6	Menjaga anak	1
Jumlah Besar		130

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Integriti dan Tindakan Tatatertib

Bagi memastikan integriti dan disiplin pegawai KKM adalah pada tahap yang cemerlang, BSM telah melaksanakan pelbagai aktiviti berorientasikan keutuhan dan integriti. Dalam hal ini, BSM telah berjaya melaksanakan tiga (3) mesyuarat jawatankuasa kerja untuk Jawatankuasa Pentadbiran pada tahun 2011, dan juga menubuhkan sebanyak lapan (8) siri kursus di kalangan ahli bagi memantapkan KKM.

Sebagai langkah punitif, BSM telah mengambil tindakan tatatertib keatas 557 pegawai dari pelbagai gred dan skim perkhidmatan di KKM yang terlibat dengan pelbagai masalah disiplin sepanjang tahun 2011. Daripada kajian yang dijalankan keatas pegawai perubatan, didapati bahawa punca utama tindakan tatatertib diambil adalah kerana tidak hadir bertugas, iaitu sebanyak 146 kes. Maklumat lanjut berkaitan dengan jenis-jenis kesalahan disiplin di kalangan pegawai perubatan adalah seperti di Rajah 10.


Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)

Antara aktiviti asas penemaskinian maklumat HRMIS melibatkan Maklumat Anggota, Profil Perkhidmatan, Rekod Peribadi dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan juga perlaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemandu HRMIS, yang juga merupakan Key Performance Indicator (KPI) Ketua Setiausaha KKM. Pada 2011, BSM telah berjaya melaksanakan dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS dan tiga (3) Mesyuarat Jawatankuasa Perlaksanaan HRMIS, seperti yang ditetapkan oleh Agensi Pusat. Sementara itu, bagi pengemaskinian maklumat asas, prestasi adalah 96.9 peratus. Purata kriteria asas HRMIS untuk pengemaskinian maklumat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 11.

Rumusan


Secara keseluruhan, pada tahun 2011, BSM telah berjaya mencapai kesemua sasaran yang ditetapkan. Pelbagai penambahbaikan dan pembaharuan telah dilaksanakan pada 2011 dan ia merupakan proses yang berterusan untuk BSM menambahbaikan perkhidmatan. Ini juga menunjukkan komitmen pegawai di BSM dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik selaras dengan kerajaan.

RAJAH 10
JENIS KESALAHAN DISIPLIN DI KALANGAN PEGAWAI PERUBATAN, KAJIAN OLEH BSM-KKM, 2011



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

RAJAH 11
PENCAPAIAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT ASAS DI KKM, 2011



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM


PENGURUSAN LATIHAN

Aktiviti teras Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) adalah untuk membangunkan modal insan Kementerian agar dapat menghasilkan sistem penyampaian kesihatan yang berkesan dan cekap. Bahagian ini sedar dan mengambil maklum akan perubahan dinamik akan jangkaan masyarakat awam yang semakin tinggi dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan kelas pertama. Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, aktiviti-aktiviti dilaksanakan melalui pelbagai program latihan pengurusan yang bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin, dan didokong dengan etika kerja yang kukuh, nilai dan komitmen untuk mencapai kecemerlangan. Secara ringkas, fokus BPL adalah untuk meningkatkan peluang-peluang untuk menjalani latihan dan pendidikan yang berkualiti dengan tujuan untuk mengukuhkan asas sumber manusia.

Perancangan Tenaga Manusia


Kajian semula unjuran permintaan dan bekalan kakitangan Doktor Perubatan, Doktor Gigi, Farmasi dan Sains Kesihatan Bersekutu (SKB) menunjukkan bahawa sebarang peningkatan dalam bekalan Doktor Perubatan, Doktor Gigi, Perubatan, Farmasi dan SKB dalam tahun semasa adalah masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan negara. Walau bagaimanapun, adalah diperhatikan bahawa jurang antara permintaan dan bekalan ini kategori kakitangan penjagaan kesihatan semakin dikurangkan dengan kapasiti latihan yang diperluaskan oleh institusi latihan/institusi pengajian tinggi selama ini. Rajah 12, Rajah 13 dan Rajah 14 menunjukkan keperluan semasa dan unjuran negara bagi bekalan Doktor Perubatan, Doktor Gigi dan Pegawai Farmasi.

RAJAH 12
KEPERLUAN DAN BEKALAN DOKTOR PERUBATAN, KINI DAN UNJURAN, DENGAN NISBAH 1:6,000 TERHADAP POPULASI




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Majlis Perubatan Malaysia

RAJAH 13
KEPERLUAN DAN BEKALAN DOKTOR GIGI, KINI DAN UNJURAN, DENGAN NISBAH 1:4,000
TERHADAP POPULASI



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Majlis Pergigian Malaysia

RAJAH 14
KEPERLUAN DAN BEKALAN PEGAWAI FARMASI, KINI DAN UNJURAN, DENGAN NISBAH
1:2000 TERHADAP POPULASI



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi

Program Latihan

Latihan adalah pelaburan yang berterusan untuk menghasilkan tenaga kerja yang terlatih dan cekap di dalam pelbagai bidang penjagaan kesihatan. Dalam memastikan anggota penjagaan kesihatan KKM memperolehi kemahiran dan pengetahuan, BPL telah menyediakan sarana bagi menawarkan pelbagai program latihan sepanjang tahun yang merangkumi Latihan Asas, Latihan *Post Basic*, Latihan di peringkat Sarjana untuk Pegawai Perubatan/ Pegawai Pergigian/ Pegawai Farmasi, Latihan Sub-kepakaran Pegawai Perubatan, Program Doktor Falsafah, dan Kursus Jangka Pendek Dalam Perkhidmatan.

Terdapat peningkatan dalam pengambilan peserta bagi pelbagai kategori latihan/kursus yang ditawarkan kecuali Latihan Asas dan Kursus Jangka Pendek Dalam Perkhidmatan pada 2011, berbanding dengan 2010. Pada 2011, pengambilan kakitangan untuk latihan mengikut kategori adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

JADUAL 6
PENGAMBILAN KAKITANGAN BERDASARKAN JENIS LATIHAN, 2010-2011

Bil.	Jenis Latihan	2010	2011
1.	Latihan Asas di Kolej Latihan KKM	6,880	6,738
2.	Latihan Asas melalui Program Outsourcing	1,263	345
3.	Latihan Post Basic	2,741	3,409
4.	Latihan Kepakaran (Pegawai Perubatan)	647	690
5.	Latihan Sub-Kepakaran (Pegawai Perubatan)	144	149
6.	Program Sarjana / Doktor Falsafah	130	133
7.	Kursus-kursus Jangka Pendek Dalam Perkhidmatan (Luar Negara)	370	253

Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

Latihan Asas

Pada tahun 2011, 6,738 pelatih telah mendaftar bagi kursus yang ditawarkan oleh Kolej Sains Kesihatan Bersekutu (KSKB) KKM dan 345 telah mendaftar melalui program outsourcing yang dimulakan bersama kolej swasta yang terpilih. Bilangan pelatih yang telah didaftarkan untuk Latihan Asas pada 2011 telah menurun sebanyak 13% berbanding 8,143 pada 2010. Pecahan bilangan pelatih yang telah didaftarkan berdasarkan bidang yang dijalankan di KSKB dan juga program outsourcing untuk tahun 2011 adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 7.

Latihan *Post Basic*

Pada tahun 2011, seramai 3,409 Ahli Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) mengikuti program latihan *Post Basic* dalam 39 disiplin berlainan di pelbagai Kolej Sains Kesihatan Bersekutu (KSKB), yang ditunjukkan dalam Jadual 8. Bilangan ASKB yang menghadiri program latihan *Post Basic* pada tahun 2009 telah meningkat berbanding tahun 2010. Tambahan pula, terdapat tiga disiplin *Post Basic* baru ditawarkan pada 2011 yang seterusnya menawarkan peserta dengan pilihan yang lebih luas. Program latihan *Post Basic* yang menjadi pilihan utama dan mempunyai paling banyak permintaan adalah Kebidanan, di mana terdapat 964 peserta yang mendaftar, diikuti oleh Jagaan Intensif dengan 211 dan Jagaan Preoperatif dengan 201.

JADUAL 7
PENGAMBILAN KAKITANGAN UNTUK LATIHAN ASAS, 2010-2011

Bil.	Disiplin	2010	2011
1	Jururawat	3,279	2,298
2	Jururawat Masyarakat	1,425	1,844
3	Pembantu Pegawai Perubatan	962	806
4	Pembantu Farmasi	141	195
5	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	413	234
6	Pegawai Teknologi Makmal Perubatan	496	364
7	Pegawai Radiografi	132	111
8	Jururawat Pergigian	138	96
9	Pegawai Teknikal Pergigian	79	49
10	Pegawai Terapi Cara Kerja	139	202
11	Pegawai Fisioterapi	164	168
12	Pembantu Pembedahan Pergigian	310	261
13	Pembantu Kesihatan Awam	465	455
Jumlah		8,143	7,083

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

JADUAL 8
PENGAMBILAN KAKITANGAN UNTUK LATIHAN POST BASIC, 2010-2011

Bil.	Disiplin	2010	2011
1	Kebidanan	846	964
2	Jagaan Intensif	160	211
3	Jagaan Preoperatif	144	201
4	Jagaan Kecemasan	150	200
5	Jagaan Pediatrik	148	191
6	Kejururawatan Renal	94	186
7	Kejururawatan Kesihatan Awam	155	168
8	Penjagaan Koronari	93	130
9	Pengurusan Diabetik	81	130
10	Kejururawatan Neonatal	92	126
11	Kawalan Jangkitan	92	98
12	Penjagaan Perianestesia	67	85
13	Kejururawatan Onkologi	42	62
14	Pengurusan Kakitangan Kesihatan	61	55
15	Penjagaan Neurosains	20	54
16	Kejururawatan Ortopedik	45	47
17	Rawatan Otorinolaringologi	41	45
18	Endoskopi Gastrointestinal	40	45
19	Kejururawatan Oftalmik	36	41
20	Kejururawatan Psikiatri	66	40
21	Gerontologi	22	36
22	Kaunseling HIV/AIDS	16	31
23	Hematologi	-	28
24	Sitologi	-	26
25	Parasitologi	-	24
26	Tomografi Berkomputer	26	23
27	Rawatan Ortodontik	-	23
28	Farmaseutikal Steril	15	22
29	Perubatan Sukan	9	21
30	Pengimejan Perubatan (Mammography)	-	20
31	Jagaan Kesihatan Primer	27	19
32	Kejururawatan Rehabilitasi	32	14
33	Forensik	19	13
34	Perundangan dan Pendakwaan	14	10
35	Anestesiologi	-	10
36	Neurofisiologi Klinikal	7	10
37	Perubatan Tranfusi	35	-
38	Jagaan Pergigian Pediatrik	23	-
39	Histopatologi	23	-
	Jumlah	2,741	3,409

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Program Sarjana untuk Pegawai Perubatan dan Latihan Sub-Kepakaran

Pada 2009, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memberikan kuasa kepada KKM untuk memberikan meluluskan Cuti Belajar Bergaji bagi kursus-kursus jangka panjang seperti Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Ini telah memberi kelebihan kepada KKM untuk memendekkan masa pemprosesan dan seterusnya meningkatkan efisiensi. Seramai 690 pegawai perubatan telah ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk mengambil Ijazah Sarjana dalam bidang Perubatan dalam pelbagai bidang pengkhususan pada 2011, seperti yang dibentangkan di Jadual 9. Bilangan Pegawai Perubatan yang ditawarkan biasiswa meningkat sebanyak 6.6% pada 2011 berbanding tahun sebelumnya.

JADUAL 9
PENGAMBILAN PEGAWAI PERUBATAN UNTUK PROGRAM IJAZAH SARJANA, 2009 - 2010

Bil.	Disiplin	2010	2011
1	Obstetrik & Ginekologi	25	39
2	Anestesiologi	81	78
3	Pediatrik	35	41
4	Perubatan Dalaman	49	43
5	Psikiatri	29	34
6	Radiologi	42	44
7	Pembedahan Am	52	60
8	Oftalmologi	36	39
9	Ortopedik	42	47
10	Otorinolaringologi	24	25
11	Patologi	29	44
12	Perubatan Keluarga	51	52
13	Kesihatan Awam	61	48
14	Perubatan Sukan	4	5
15	Perubatan Rehabilitasi	10	8
16	Perubatan Kecemasan	44	52
17	Pembedahan Neuro	7	7
18	Pembedahan Plastik	3	4
19	Onkologi Klinikal	7	9
20	Pembedahan Pediatrik	4	3
21	Perubatan Transfusi	6	5
22	Perubatan Nuklear	6	3
Jumlah		647	690

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Pada tahun 2010, 149 Pakar Perubatan telah menerima HLP untuk menjalani latihan sub-kepakaran dalam pelbagai bidang perubatan, seperti pada Jadual 10.

JADUAL 10
PENGAMBILAN PAKAR PERUBATAN UNTUK LATIHAN SUB-KEPAKARAN, 2010-2011

No.	Disiplin	2010	2011
1	Perubatan	19	47
2	Pembedahan	14	18
3	Pediatric	10	15
4	Obstetrik & Ginekologi	6	9
5	Anestesiologi	12	11
6	Ortopedik	6	13
7	Otorinolaringologi	4	13
8	Oftalmologi	9	13
9	Psikiatri	3	6
10	Patologi	56	-
11	Radiologi	5	4
Jumlah		144	149

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Program Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah

Pada tahun 2011, 133 pegawai KKM dari pelbagai perkhidmatan kesihatan telah ditawarkan HLP untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana (119 pegawai) dan di peringkat Doktor Falsafah (14 pegawai) dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan sektor kesihatan. Bilangan biasiswa yang ditawarkan pada tahun 2010 mencatat peningkatan sebanyak 2.3% berbanding dengan tahun 2010 (118 pegawai dalam program Sarjana dan 12 pegawai dalam program Doktor Falsafah). Di samping itu, sebahagian besar daripada biasiswa yang tersedia juga ditawarkan kepada Pegawai Pergigian (44 pegawai) dan Pegawai Farmasi (37 pegawai).

Kursus Jangka Pendek dalam Perkhidmatan

Kakitangan KKM digalakkan untuk memohon dan mengikuti kursus jangka pendek dalam perkhidmatan yang dibiayai daripada peruntukan pembangunan RMK10. Pada tahun 2011, 253 kakitangan mengikuti kursus jangka pendek dalam perkhidmatan di Luar Negara berbanding dengan 370 pada tahun 2010.

Pengurusan Peperiksaan

Bagi pengurusan peperiksaan pada 2011, BPL telah memperkukuhkan pengurusan peperiksaan asas dan post basic bagi semua kursus diploma dan sijil yang dijalankan di KSKB. Sepanjang tahun, soalan peperiksaan baru telah dibangunkan dan dikaji semula untuk mengukuhkan pangkalan soalan dalam 'sistem Q-Bank' untuk peperiksaan asas dan *post basic*.

Pembangunan Kurikulum

Pada tahun 2011, BPL telah berusaha untuk memperkukuhkan kurikulum post basic bagi memenuhi keperluan ASKB untuk kelayakan akademik yang lebih tinggi. Terdapat empat kurikulum Diploma Lanjutan yang telah diselesaikan untuk tahun 2011, iaitu Mammografi, Hematologi, Perbidanan dan Sitologi.

Pembangunan Tutor

Dalam usaha untuk menyediakan latihan yang berkualiti, para tutor mestilah terlatih dan dilengkapi dengan pengetahuan perubatan semasa. Pelbagai program seperti Program Attachment Dalam, Program Attachment Luar Negara, Program Ijazah dan Ijazah Sarjana untuk Tutor, dan juga 24 Kursus-kursus Pengemaskinian yang diadakan dan dilaksanakan pada tahun 2011. Program-program ini bertujuan memberi pendedahan tutor kepada pelbagai kemudahan kesihatan di dalam atau di luar negara dengan objektif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pelbagai disiplin yang ada.

KHIDMAT PENGURUSAN

Objektif utama Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) ialah untuk memberi sokongan dan khidmat nasihat yang cekap dan berkesan dalam pengurusan bagi memastikan semua aktiviti di Ibu Pejabat KKM dilaksanakan secara profesional ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan. BKP juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan telah disediakan bagi membolehkan setiap Bahagian di Ibu Pejabat dapat menjalankan fungsi mereka dengan cemerlang. BKP terdiri daripada tiga cawangan yang terdiri daripada beberapa unit:

A. Cawangan Pentadbiran Am

- i. Unit Pengurusan Sumber Manusia;
- ii. Unit Inovasi;
- iii. Unit Penyelarasan Parlimen;
- iv. Unit Perkhidmatan Kaunseling Psikologi; dan
- v. Unit Pentadbiran;

B. Cawangan Kewangan dan Pengurusan Aset

- i. Unit Kewangan; dan
- ii. Unit Pengurusan Aset.

C. Cawangan Sumber Informasi

- i. Unit Sumber Informasi.

Pengurusan Kakitangan

BKP bertanggungjawab dalam menguruskan semua perkara berkaitan dengan perkhidmatan untuk 4,281 pekerja di ibu pejabat. Pekerja-pekerja ini terdiri dari pelbagai bidang, seperti yang diringkaskan pada Jadual 11.

JADUAL 11
BILANGAN PEKERJA DI IBU PEJABAT KKM MENGIKUT KATEGORI, 2010-2011

Bil.	Kategori	Bilangan Pekerja	
		2010	2011
i.	Pentadbiran	3	3
ii.	Pengurusan Tertinggi	63	97
iii.	Pengurusan & Professional	1,247	1,320
iv.	Sokongan	1,887	1,975
v.	Sambilan	289	240
vi.	Simpanan Latihan	527	628
vii.	Tambahan Sementara	4	3
viii.	Kumpulan	13	15
Jumlah		4,033	4,281

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Aktiviti-aktiviti utama Unit ini termasuk penyediaan dan merekod laporan perubahan, memproses Pengesahan Tarikh Lantikan, pengesahan perkhidmatan dan pengeluaran pensijilan bagi pengesahan tersebut. Prestasi bagi setiap aktiviti ditunjukkan di Jadual 12.

JADUAL 12
PRESTASI PENCAPAIAN MENGIKUT AKTIVITI PENGURUSAN KAKITANGAN, 2011

Bil	Aktiviti	Prestasi
i.	Menyedia dan merekod laporan perubahan	9,250 laporan
ii.	Merekod hal-hal perkhidmatan	20,582 laporan
iii.	Memproseskan perkara berikut: i. Pengesahan tarikh lantikan ii. Perakuan dan pengesahan dalam perkhidmatan iii. Pemberian taraf pencen	750 kakitangan
iv.	Memproses kertas persaraan wajib/pilihan/terbitan	54 persaraan
v.	Memproses dan memperakukan permohonan pinjaman komputer, perumahan & kenderaan	66 - Komputer 63 – Perumahan 2 – Kenderaan
vi.	Memproses dan memperakukan permohonan bayaran elaun pakaian panas dan istiadat	34 – Pakaian Panas 72 – Pakaian Istiadat
vii.	Memproses urusan kenaikan pangkat & pemangkuan	658 permohonan
viii.	Surat perakuan pengesahan untuk kemudahan perubatan	175 surat
ix.	Perakuan Elaun Tanggung Kerja	459 permohonan
x.	Urusan tatatertib	48 kes
xi.	Menguruskan Kursus Berkaitan Perkhidmatan	33 kursus

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Dalam lingkungan skop pengurusan kakitangan, BKP telah dilantik sebagai urusetia bagi pelbagai jawatankuasa utama yang berkaitan dengan perkhidmatan. Salah satu daripada jawatankuasa ini adalah Panel Pembangunan Sumber Manusia, yang bersidang secara berkala bagi membincangkan pelbagai isu seperti kenaikan gaji tahunan dan pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Aktiviti panel tersebut bagi tahun 2011 telah diringkaskan dalam Jadual 13.

JADUAL 13
RINGKASAN AKTIVITI PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, 2011

Bil.	Aktiviti	Prestasi
i.	Bersidang sekali untuk membincangkan dan memperakukan pergerakan gaji bagi anggota yang menghantar Laporan Penilaian Prestasi	5,358 anggota Bersidang pada 15 Mac 2011.
ii.	Bersidang sekali untuk pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.	432 dipilih dari 5,358 kakitangan
iii.	Bersidang empat kali untuk mempertimbangkan dan memberikan anjakan gaji tahunan	226 anggota

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

BKP juga merupakan urusetia Majlis Bersama Jabatan (MBJ), yang ditubuhkan bagi membolehkan ahli berbincang dan menangani isu berkaitan sistem kerja, urusan pentadbiran dan hal ehwal pekerja. Pada tahun 2011, MBJ bersidang sebanyak 4 kali iaitu bilangan mesyuarat minimum yang diperlukan untuk bersidang.

Sejajar dengan wawasan kerajaan untuk memodenkan lagi jentera pentadbiran dan untuk mewujudkan persekitaran tanpa kertas (*paperless*), Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (*Human Resource Management Information System*, HRMIS). KKM terpilih sebagai salah satu agensi perintis untuk melaksanakan sistem ini. BKP dipertanggungjawabkan untuk memastikan HRMIS dilaksanakan dan digunakan secara efektif untuk memberi perkhidmatan di Ibu Pejabat KKM. HRMIS melibatkan pelbagai proses berkaitan dengan sumber manusia seperti kemasukan data peribadi pekerja, pewujudan jawatan, permohonan cuti dan kemasukan maklumat perkhidmatan anggota. Pada tahun 2010, pencapaian kemasukan data peribadi anggota KKM diringkaskan dalam Jadual 14.

JADUAL 14
STATUS PENGEMASKINIAN PROFIL HRMIS DI IBU PEJABAT KKM PADA OF 31 DECEMBER 2011

Jenis Data	Peratus (%)
Peribadi	97.26
Keluarga	99.20

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Pengurusan Kewangan

BKP menguruskan semua urusan berkaitan kewangan bagi anggota di Ibu Pejabat dan permohonan urusan ke luar negara (kurang dari 14 hari) untuk tujuan peribadi atau rasmi. Ini termasuk bayaran gaji, elaun, ganjaran dan bonus. BPK juga bertanggungjawab terhadap Program Pengurusan Ibu Pejabat di mana sejumlah RM 1.026 billion telah diperuntukkan di bawah bajet operasi. Perbelanjaan berdasarkan prestasi sehingga Disember 2011 termasuk Akaun Berbayar adalah 91.61% (Jadual 15 and Jadual 16).

JADUAL 15
JUMLAH PERUNTUKAN MENGIKUT AKTIVITI SEHINGGA DISEMBER 2011

Jabatan	Peruntukan (RM)	Peratus (%)
Pengurusan Ibu Pejabat	163,397,503.00	15.92
Sumber Manusia	10,630,000.00	1.04
Kewangan	326,074,777.00	31.77
Latihan	465,583,140.00	45.37
Teknologi Maklumat	57,001,810.00	5.55
Pembangunan Kompetensi	3,569,200.00	0.35
JUMLAH	1,026,256,430.00	100

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

JADUAL 16
PENCAPAIAN PERUNTUKAN BERDASARKAN JUMLAH PERBELANJAAN MENGIKUT
AKTIVITI, 2011

Jabatan	Perbelanjaan (RM)	%	Baki (RM)	%
Pengurusan Ibu Pejabat	161,482,693.37	98.83	1,914,809.63	1.17
Sumber Manusia	10,598,742.76	99.71	31,257.24	0.29
Kewangan	325,017,004.35	99.68	1,057,772.65	0.32
Latihan	382,941,349.09	82.25	82,641,790.91	17.75
Teknologi Maklumat	56,796,411.08	99.64	205,398.92	0.36
Pembangunan Kompetensi	3,334,750.17	93.43	234,449.83	6.57
JUMLAH	940,170,950.82	91.61	86,085,479.18	8.39

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang lebih dikenali sebagai PTJ 1, BKP juga berperanan untuk menerima dan mengagihkan waran peruntukan kepada PTJ lain dibawahnya. Pada tahun 2011, sejumlah 482 waran telah diterima dan 770 sub-waran diagihkan.

BKP juga merupakan urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) PTJ-1. Jawatankuasa ini telah bersidang empat kali seperti yang dijadualkan untuk memantau penggunaan akaun dan kewangan bagi 16 PTJ2 dan 32 PTJ3 di bawah bidang kuasanya. Tanggungjawab lain unit ini termasuklah perakaunan dan kutipan hasil untuk Ibu Pejabat. Sejumlah RM 17.75 juta telah dikutip sebagai hasil pada tahun 2011. Selain itu, BKP juga menganjurkan kursus secara berkala untuk anggota kewangan bertujuan untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran bagi melaksanakan tugas dengan efisien dan berkesan. Pada tahun 2011, dua kursus telah diadakan iaitu Kursus S3PK dan Kursus Pengumpulan Hasil.

JADUAL 17
RINGKASAN PERMOHONAN KE LUAR NEGARA

Bil	Aktiviti	Pencapaian
i.	Permohonan Peribadi atau Rasmi ke Luar Negara	Urusan Peribadi – 6,867 permohonan telah diproses Urusan Rasmi – 750 permohonan telah diproses

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Pengurusan Pentadbiran

BKP bertanggungjawab bagi urusan pentadbiran di Ibu Pejabat. Ini termasuk pentadbiran am, pengurusan kenderaan, laporan kad perakam waktu, kawalan keselamatan serta pengurusan fail dan surat-menyurat. Aktiviti dan prestasi bagi unit ini bagi tahun 2009 adalah seperti di Jadual 18.

Sepanjang tahun 2011, empat kursus telah dilaksanakan. Kursus tersebut adalah Kursus Tahsin Bacaan Al-Quran dan 3 Kursus Pembangunan Insan Islam. Di samping itu, 23 ceramah bagi menyemai nilai-nilai murni Islam di kalangan kakitangan KKM juga telah dilaksanakan.

JADUAL 18
RINGKASAN AKTIVITI PENTADBIRAN , 2011

Bil	Aktiviti	Pencapaian
i.	Menyediakan laporan kad perakam waktu	- 12 laporan disediakan
ii.	Urusan penyewaan kereta SPANCO	- 53 kereta rasmi untuk JUSA/Gred Khas; - 60 penggantian kenderaan rasmi; and - 68 penggantian kereta rasmi tamat pajakan
iii.	Kawalan Keselamatan • Pelantikan Syarikat Kawalan Keselamatan untuk Ibu Pejabat • Pengeluaran pas/tag keselamatan	- Syarikat telah dilantik dan dipantau - 815 pas telah dikeluarkan
iv.	Perhimpunan Bulanan	- 11 perhimpunan telah dilaksanakan
v.	Pengurusan Fail	Pendaftaran Fail: - Fail Peribadi: 18,104 fail; - Fail Terbuka: 286 fail; - Fail Terperingkat : 982 fail; dan - Permohonan pelupusan fail = 10,612 fail
vi.	Pengurusan Surat-menyurat	- 215,036 surat telah diterima, disusun dan diagihkan. Surat yang dihantar dengan khidmat pos: - Surat Domestik = 94,448; - Surat Berdaftar= 15,899; - Surat Udara = 837; - Surat Ekspres = 63,507; - Bungkusan = 1,206; dan - Penghantar = 6,102.
vii.	Pemilihan Wakil Perubatan untuk Musim Haji	256 Wakil Perubatan telah dipilih
viii.	Pengurusan Acara	Menganjurkan 17 acara

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Pengurusan Inovasi

BKP juga bertanggungjawab dalam mengurus perkhidmatan Inovasi berkaitan dengan KKM seperti Sistem Penarafan STAR (SSR), Mesyuarat Jawatankuasa Inovasi dan ISO BKP. Pada 14 Oktober 2011, audit persijilan semula telah diadakan di Bahagian ini dan BKP berjaya mengekalkan sijil MS ISO 9001:2008 untuk 9 Januari 2012 – 5 November 2014 bagi aktiviti-aktiviti teras:

- i. Pengurusan Peribadi;
- ii. Pengurusan Kewangan;
- iii. Pengurusan Pentadbiran;
- iv. Penyelarasan Hal Elwal KKM di Parlimen;
- v. Pengurusan Aset;
- vi. Pengurusan Sumber Maklumat; dan
- vii. Perkhidmatan Kaunseling Psikologi

Pencapaian bagi setiap aktiviti pada tahun 2011 adalah seperti pada Jadual 19.

JADUAL 19
RINGKASAN PENGURUSAN INOVASI

Bil	Aktiviti	Pencapaian
i.	Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti & Produktiviti	- Telah bersidang tiga kali
ii.	Mesyuarat ISO	- Telah bersidang enam kali

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Penyelarasan perihal KKM di Parlimen

BKP juga bertanggungjawab dalam penyelarasan hal ehwal KKM di Parlimen. Pencapaian untuk Unit Penyelarasan Parlimen pada tahun 2011 adalah seperti pada Jadual 20.

JADUAL 20
RINGKASAN PENGURUSAN PARLIMEN

Bil	Aktiviti	Pencapaian
i.	Parlimen (terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara)	- Persediaan untuk pembentangan, bacaan dan pembahasan Rang Undang-undang KKM di kedua-dua Dewan. - Rang Undang-undang yang diterima: i. Rang Undang-undang Bekalan (2010) Tambahan 2011 (dengan Kementerian Kewangan) ii. Rang Undang-undang Penganalisa Makanan 2010 iii. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 iv. Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 v. Rang Undang-undang Bekalan 2012 (dengan Kementerian Kewangan) - Penyediaan ucapan oleh YB Menteri Kesihatan di kedua-dua Dewan • Menyediakan 13 ucapan untuk 3 sesi mesyuarat. - Menyelaras dan mengumpul jawapan untuk soalan Parlimen berkaitan dengan KKM. - Menjawab 259 soalan untuk Dewan Rakyat dan 125 untuk Dewan Negara pada 3 sesi mesyuarat pada tahun 2011.

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Pengurusan Aset

Unit Pengurusan Aset bertanggungjawab dalam pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan aset, penyewaan premis, penyelenggaraan dan perolehan. Prestasi setiap aktiviti bagi tahun 2011 adalah seperti pada Jadual 21.

JADUAL 21
RINGKASAN AKTIVITI PENGURUSAN ASET

Bil	Aktiviti	Pencapaian
i.	Penyelenggaraan Bangunan • Kompleks Pejabat Putrajaya • Bangunan Pejabat Cenderasari ○ Perkhidmatan Pembersihan ○ Kawalan Keselamatan ○ Ubahsuai Bangunan	4 mesyuarat penyelenggaraan telah diadakan - Syarikat Penyelenggaraan telah dilantik - Syarikat Keselamatan telah dilantik - Ubahsuai Blok B dan C selesai pada Disember 2011
ii.	Urusan sewaan ruang dan premis	- 1,215 permohonan penyewaan ruang pejabat telah diproses. - 44 permohonan penyewaan kediaman telah diproses.
iii.	Pendaftaran Aset di BKP	- Inventori : 296 units - Aset : 83 units

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Pengurusan Sumber Maklumat

Perpustakaan Ibu Pejabat KKM juga tertakluk di bawah Bahagian ini, di mana skop fungsi termasuk perancangan dan pembangunan koleksi bacaan, sistem dan perkhidmatan yang berkenaan, serta menyediakan akses kepada dua pangkalan data iaitu NSTP E-media dan Lawnet. Aktiviti dan prestasi berkaitan dengan bahagian ini untuk tahun 2011 terdapat di dalam Jadual 22.

JADUAL 22.
RINGKASAN AKTIVITI PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT

Bil	Aktiviti	Pencapaian
1.	Pengurusan Perpustakaan	- Pembelian 40 majalah. - Khidmat pelanggan yang disediakan termasuk: i. Bahan rujukan – 235 permohonan; ii. Peminjaman Koleksi – 4,120 buku; dan iii. Peminjam – 1,547 peminjam.

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Khidmat Kaunseling Psikiatri

BKP merancang dan membangunkan dasar, halatuju dan menyelaras aktiviti-aktiviti seperti Program Bantuan Kakitangan untuk IPKKM. Kes-kes diuruskan dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia. BKP juga menyediakan khidmat kaunseling kepada semua anggota di IPKKM. Pada tahun 2011, Unit Kaunseling Psikologi telah menjalankan 325 sesi kaunseling secara individu dan berkumpulan.

Sebagai usaha untuk berkongsi ilmu di kalangan pegawai di Bahagian, sesi perkongsian ilmu diadakan secara berkala. Pada setiap sesi, pegawai-pegawai digalakkan untuk berkongsi ilmu yang diperolehi dari kursus-kursus yang dihadiri atau dari yang telah dibaca. Maklumbalas dari pegawai menunjukkan sesi yang diadakan adalah bermanfaat.

Kesimpulan

Sebagai sebuah Bahagian yang menyediakan perkhidmatan sokongan, aspirasi BKP adalah untuk mempersingkat dan memudahkan segala proses kerja dan untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk semua Bahagian di IPKKM. BKP terus berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dan tugas secara berkesan cekap dan berkesan agar kepuasan pelanggan dimaksimumkan dan semua bahagian-bahagian lain boleh menjalankan dasar dan tanggungjawab masing-masing dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif Kementerian.

PEMBANGUNAN KOMPETENSI

Berikutan pemansuhan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2011, Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK) telah mengemukakan beberapa proposal kepada Agensi Pusat (Jabatan Perkhidmatan Awam) berkenaan kaedah baru penilaian kecekapan untuk kakitangan kerajaan yang dikenali sebagai Program Bersepadu Pembangunan Kompetensi (PROSPEK). Beberapa perbincangan diadakan dengan ketua-ketua perkhidmatan di KKM untuk mendapat maklumbalas mengenai proposal tersebut, yang sangat berkait dengan perkhidmatan penjawat awam di kementerian.

Bahagian ini juga mengendalikan Peperiksaan Jabatan untuk skim perkhidmatan tertentu bagi tujuan pengesahan lantikan. BPK juga mengadakan Latihan untuk Pelatih (*Training of Trainers*) untuk Latihan Berasaskan Kompetensi (CBT) untuk Pegawai-pegawai Eksekutif dan Pembantu Pentadbir Kanan. CBT bertujuan untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan yang bertumpu pada kakitangan perkeranian. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti di Jadual 23.

JADUAL 23
AKTIVITI LATIHAN BERASASKAN KOMPETENSI (CBT), 2011

Bil.	Aktiviti	Skim Perkhidmatan Terlibat	Bil. Calon
1.	Latihan untuk Pelatih	2	348
2.	CBT untuk kakitangan perkeranian	2	3,577
3.	Peperiksaan Jabatan	11	81

Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

PENGURUSAN MAKLUMAT

Bermula pada tahun 2011, halatuju Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) KKM adalah untuk Memperkukuh ICT melalui Integrasi dan Perkongsian Maklumat dan kemudian untuk menjadi Pemangkin untuk Transformasi Perkhidmatan Jagaan Kesihatan. Antara aktiviti penting yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut.

Mempertingkatkan dan Memantapkan Prasarana ICT

BPM telah melaksanakan System Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System ISMS*) sejak 25 April 2011 dalam usaha untuk memperbaiki pengurusan prasarana ICT di seluruh Kementerian. Audit dijalankan pada 9-15 September 2011, dan didapati penambahbaikan diperlukan sebelum memohon untuk pensijilan.

IMEJ 1
BENGKEL ISMS 2011



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Memperkasa Sistem, Aplikasi dan Pangkalan Data

Pada 2011, pembangunan HIS@KKM (Sistem Maklumat Hospital versi KKM) dijangka 90% siap. Menjelang Julai 2012, pembangunan dijangka mencapai 100% dan akan dilaksanakan di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

GAMBAR 2
BENGKEL HIS, 2011



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Meningkatkan Budaya ICT dan Pengurusan Penggantian di kalangan Kakitangan KKM

Di sepanjang tahun 2011, 10 sesi latihan Automasi Pejabat (OA) telah dilaksanakan untuk 150 kakitangan KKM. Disebabkan oleh keterbatasan kapasiti bilik latihan BPM, setiap sesi hanya boleh menampung tidak lebih daripada 18 peserta.

IMEJ 3
SESI LATIHAN KAKITANGAN OA BPM 2011



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

BPM telah menerbitkan 2 Buletin pada tahun 2011. Kandungan Buletin-buletin ini adalah untuk mendidik dan memberikan maklumat tambahan kepada kakitangan KKM berkenaan maklumat ICT.

IMEJ 4
BULETIN YANG DITERBITKAN BPM, 2011



Muka Depan Buletin 1/2011



Muka Depan Buletin 2/2011

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Menyediakan Akses bagi Penglibatan Komuniti dalam Penggunaan ICT KKM

Portal rasmi KKM (www.moh.gov.my) turut serta dalam Penilaian Portal dan Laman Sesawang Kerajaan Malaysia pada tahun 2011. Kementerian telah menerima 98 markah semasa penilaian 5-Star Rating, yang meletakkannya pada tempat ketiga di kalangan semua Kementerian di Malaysia. KKM juga menerima Sijil Kecemerlangan untuk pencapaian tersebut.

IMEJ 5

PENILAIAN PORTAL DAN LAMAN SESAWANG KERAJAAN MALAYSIA 2011 – PENCAPAIAN & SIJIL

5.4 Ministry

Ministry ranking consists of 25 ministries of which 18 are portal and 7 are website. The score ranges between 71 to 106 with Ministry of Housing and Local Government at the top. All of the ministries are rated 5-star, except for Ministry of Transport, Malaysia.

Rank	Portal/Website Name	2011		2010		
		Score	Star	Ministry Ranking	Score	Star
1	Ministry of Housing and Local Government	106	5	1	94	5
2	Prime Minister's Department	101	5	19	47	3
3	Ministry of Health, Malaysia	98	5	8	80	5
3	Ministry of Natural Resources and Environment	98	5	17	66	4
4	Ministry of Domestic Trade, Cooperative and Consumerism	97	5	13	74	4
5	Ministry of Works, Malaysia	96	5	11	76	4
6	Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry	95	5	6	84	5
6	Ministry of Higher Education	95	5	10	77	4
7	Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing	94	5	12	75	4
8	Ministry of Education	93	5	5	85	5
8	Ministry of Rural and Regional Development, Malaysia	93	5	8	80	5

Pencapaian Keseluruhan



Sijil Kecemerlangan

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Menaiktaraf Kualiti dan Pengurusan Tadbir Urus ICT KKM

a. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KKM

Mesyuarat ini, yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kesihatan, telah dilaksanakan 4 kali sepanjang tahun 2011. Butiran mesyuarat adalah seperti pada Jadual 24.


JADUAL 24
MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KKM PADA 2011

Bil.	Tarikh	Bilangan Kertas Kerja yang Dibincangkan	Kertas Kerja yang Diluluskan
1/2011	22 Februari 2011	5 (3 Aplikasi, 2 Dasar)	Semua
2/2011	30 Mei 2011	4 (3 Aplikasi, 1 Dasar)	Tiga, 1 (Aplikasi) Ditangguhkan
3/2011	16 Ogos 2011	7 (4 Aplikasi, 2 Dasar, 1 Rangkaian)	Semua
4/2011	25 Oktober 2011	5 (2 Aplikasi, 1 Rangkaian, 1 Perkhidmatan, 1 Konsep)	Tiga, 1 Ditolak, 1 Ditangguhkan

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Pada tahun 2011, Urusetia JPICT telah menerima 21 kertas cadangan (projek) untuk dibentangkan dan dibincangkan semasa mesyuarat. Daripada 21 projek, 18 diluluskan dengan anggaran kos RM 2,836,514. Satu kertas kerja ditolak, manakala 2 lagi ditangguh. Empat dari 18 projek yang diluluskan dibangunkan secara *in-house*.

RAJAH 15
STATISTIK KERTAS CADANGAN YANG DIBINCANGKAN DAN DILULUSKAN MENGIKUT BILANGAN MESYUARAT, 2011



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

a) Mesyuarat Pegawai ICT KKM

Pembukaan mesyuarat ini dirasmikan oleh Timbalan SUB BPM pada 28 Julai 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh SUB BPM dan dihadiri oleh semua Pegawai Gred F48 ke atas, serta pegawai teknikal daripada Ibu Pejabat dan semua agensi KKM di Malaysia.

b) Pemeriksaan Projek Jaminan Kualiti (QA) ICT

Empat sesi pemeriksaan dilaksanakan sepanjang tahun 2011, pada tarikh-tarikh berikut:

- i. Projek Teleprimary Care (TPC) – 31 Mac 2011
- ii. Sistem Maklumat Klinikal Kesihatan Pergigian (OHCIS) - 25 Mei 2011
- iii. Sistem Maklumat Hospital Ampang - 24 Ogos 2011
- iv. Projek Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) - 20 Disember 2011

Rancangan ICT Masa Depan

32 kolej telah menggunakan rangkaian 1Gov*Net dengan kelajuan minimum 2Mbps tahun ini, menggantikan rangkaian MOH*Net yang digunakan sebelumnya. Pada tahun 2012, rangkaian 1Gov*Net dijangka untuk diperluas ke 1000 lokasi KKM yang disasarkan, masing-masing dengan kelajuan minimum 2 Mbps.

Pembangunan HIS@KKM juga dijangka siap 100% pada Julai 2012, dan akan dilaksanakan di Hospital Raja Permaisuri Bainun (Ipoh). Pelaksanaan ini akan dilakukan serentak dengan Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) versi 3.0.

IMEJ 6**LAWATAN KETUA SETIAUSAHA KE HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN**

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

KESIMPULAN

Objektif utama Program Pengurusan adalah untuk mendayakan pencapaian visi dan misi KKM dengan memberikan perkhidmatan sokongan seperti pembangunan sumber manusia, pentadbiran, pengurusan Kewangan, pengurusan sistem maklumat, dan pembangunan infrastruktur ICT. Pada masa hadapan, penambahbaikan dan inovasi berterusan akan dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan di KKM.

3 | Kewangan

PENGENALAN

Sektor Kewangan diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian Kewangan, Bahagian Akaun dan Bahagian Perolehan dan Penswastaan. Sektor ini bertanggungjawab untuk mengurus segala hal berkaitan kewangan seperti belanjawan dan perbelanjaan, pengurusan akaun, pembayaran, perolehan aset dan penswastaan di KKM.

Dua fungsi utama Bahagian Kewangan adalah untuk memformulasi dasar kewangan dan belanjawan bagi Kementerian. Aktiviti utama Bahagian ini adalah untuk memastikan pengagihan peruntukan, pemantauan perbelanjaan, kewangan am, pengurusan pendapatan, pengagihan bantuan kewangan dan kajian sistem perbelanjaan.

Peranan Bahagian Akaun adalah untuk menyediakan perkhidmatan perakaunan yang berkesan dan berkualiti dalam memproses, menyediakan cek dan meluluskan bayaran termasuk emolumen untuk semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di kawasan Lembah Klang. Ia juga bertanggungjawab untuk memproses kutipan hasil. Di samping menyediakan laporan kewangan dan pengurusan, ia juga menyemak Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (e-SPKB) dan pengauditan tunai di semua PTJ. Bahagian Akaun dibahagikan kepada dua cawangan iaitu Pengurusan dan Operasi. Dengan penstrukturan semula ini, peranan Bahagian Akaun diperluaskan kepada penasihat dan penyedia maklumat bagi penyelesaian kewangan, sebagai sokongan kepada pelbagai keputusan peringkat pengurusan di samping menjalankan tugas rutin memproses transaksi kewangan.

Semua perolehan diurus secara berkesan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan. Bahagian ini adalah agensi utama untuk perolehan, penswastaan, aset dan pengurusan stor untuk Kementerian. Ini memastikan perolehan KKM adalah yang terbaik, berkesan, tulus, adil dan paling menjimatkan kos. Ia juga memastikan semua program penswastaan di laksanakan sejajar dengan dasar penswastaan nasional dan dipantau secara berkesan bagi memperbaiki piawaian, kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam. Ia juga memastikan stor-stor, inventori-inventori dan aset-aset KKM diurus dengan berkesan, tulus, cekap dan berintegriti.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN BELANJAWAN

Pada tahun 2011, sebanyak RM 16.28 bilion telah diperuntukkan kepada KKM yang terdiri daripada RM14.30 bilion untuk Bajet Mengurus (Jadual 1) dan RM1.98 bilion untuk Bajet Pembangunan. Bajet Mengurus berdasarkan program adalah seperti di Jadual 1.

Prestasi Perbelanjaan Bajet Mengurus untuk Tahun 2011

Bajet Mengurus yang diperuntukkan pada 2011 adalah RM 14.30 bilion yang mewakili peningkatan sebanyak RM2.54 bilion berbanding RM 11.76 bilion yang diperuntukkan pada 2010. Tetapi, jumlah perbelanjaan untuk 2011 adalah RM 14.90 bilion, iaitu 4.17% lebih dari jumlah yang diperuntukkan. Perbelanjaan yang melebihi peruntukan adalah terutamanya kerana bayaran bonus untuk 2011, emolumen tambahan untuk memenuhi jawatan kosong dan sebagai bayaran insentif pakar perubatan. Ia juga kerana pembayaran utiliti kerana pertambahan bilangan fasiliti kesihatan.

Prestasi Keseluruhan Bajet Mengurus dari Tahun 2007-2011


Dalam lima tahun terakhir (2007-2011), peruntukan Bajet Mengurus bagi KKM telah meningkat dari RM 9.57 bilion pada tahun 2007 kepada RM 14.30 bilion pada tahun 2011. Manakala, perbelanjaan untuk bajet mengurus dicatatkan meningkat dari RM 9.77 bilion pada tahun 2007 kepada RM 14.90 bilion untuk 2011. Rajah 1 menunjukkan prestasi keseluruhan Bajet Mengurus pada tahun 2007-2011.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAJET MENGURUS 2011, MENGIKUT PROGRAM

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Pengurusan	1,131,146,299	1,120,118,600
Kesihatan Awam	2,689,616,727	2,843,515,000
Perubatan	8,993,843,980	9,419,186,546
Penyelidikan & Sokongan Teknikal	160,861,800	161,934,374
Kesihatan Pergigian	501,209,742	539,321,716
Perkhidmatan Farmasi	125,112,927	124,932,031
Keselamatan & Kualiti Makanan	66,907,479	67,704,051
Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia	12,700,000	12,700,000
Dasar Baru	441,892,489	437,079,275
One-Off	178,808,557	172,178,514
Jumlah	14,302,100,000	14,898,670,107

Sumber :Bahagian Kewangan, KKM

RAJAH 1
PRESTASI KESELURUHAN BAJET MENGURUS, 2007-2011



Sumber :Bahagian Kewangan, KKM

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan untuk Tahun 2011

Jumlah perbelanjaan Bajet Pembangunan adalah RM 1.96 bilion atau 98.65% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM 1.98 bilion. Bajet Pembangunan berdasarkan butiran projek adalah seperti di Jadual 2.

JADUAL 2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MENGIKUT BUTIRAN PROJEK, 2011


Butiran Projek	Tajuk	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan (%)
00100	Latihan	182,516,196	171,939,621	94.21
00101	Pembinaan Kolej Baru	74,832,384	69,640,657	93.06
00102	Naiktaraf Projek Latihan	560,228	560,226	100.00
00103	Asrama Pelatih Pra-Perkhidmatan	1,447,384	1,000,000	69.09
00104	<i>Outsourcing</i>	45,676,200	40,940,628	89.63
00105	Latihan Dalam Perkhidmatan	60,000,000	59,798,110	99.66
00200	Kesihatan Awam	283,662,440	281,310,270	99.17
00201	Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar	89,777,825	88,892,998	99.01
00203	Perkhidmatan Kesihatan Bandar	193,884,615	192,417,272	99.24
00300	Kemudahan Hospital	641,573,826	640,794,547	99.88
00400	Hospital Baru	440,724,486	440,717,364	100.00
00500	Penyelidikan & Pembangunan	21,545,672	21,144,282	98.14
00600	Penstrukturan Semula, Naiktaraf & Pembaikan	86,000,000	75,383,938	87.66
00700	Perolehan & Penyelenggaraan Tanah	11,500,000	11,499,067	99.99
00800	Kemudahan ICT	46,085,745	46,085,301	100.00
00900	Kemudahan Anggota	127,113,351	126,685,917	99.66
00901	Kemudahan Kuarters Luar Bandar	2,730,625	2,311,696	84.66
00902	Kemudahan Kuarters Bandar	79,203,992	79,212,176	100.01
00904	Pejabat Kesihatan	45,178,734	45,162,045	99.96
01100	Peralatan & Kenderaan	143,734,094	142,202,158	98.93
JUMLAH		1,984,455,810	1,957,762,465	98.65

Sumber :Bahagian Kewangan, KKM

Prestasi Keseluruhan Bajet Pembangunan 2007- 2011

Rajah 2 menunjukkan prestasi keseluruhan peruntukan dan perbelanjaan Bajet Pembangunan dari tahun 2007 sehingga tahun 2011. Pada amnya, perbelanjaan pembangunan dalam lima tahun terakhir adalah kurang daripada jumlah yang diperuntukkan tetapi telah naik daripada 90.32% pada tahun 2007 kepada 98.65% pada tahun 2011.

RAJAH 2
PRESTASI KESELURUHAN BAJET PEMBANGUNAN, 2007-2011



Sumber :Bahagian Kewangan, KKM

PENGURUSAN HASIL

• Kutipan Hasil

Jumlah kutipan hasil oleh KKM pada tahun 2011 adalah RM 330,227,443.55 iaitu 6% (RM 18,999,835) lebih tinggi daripada kutipan hasil untuk tahun 2010. Sebahagian daripada RM 245,618,133.65 dikutip dari caj perkhidmatan kesihatan di hospital dan klinik manakala RM 84,659,299.90 (25.63%) merupakan hasil lain seperti denda, sewaan, jualan dan lain-lain. Pecahan kutipan hasil mengikut klasifikasi untuk tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di Jadual 3.

JADUAL 3
JUMLAH KUTIPAN HASIL KKM 2010 & 2011

Kod	Klasifikasi Hasil	Amaun (RM)	
		2011	2010
60000	Hasil Cukai	-	-
71000	Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	8,039,559.78	7,472,111.96
72000	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	263,636,734.64	243,667,341.24
73000	Perolehan dari Jualan Barang	3,095,273.38	6,118,422.57
74000	Sewaan	15,181,553.73	14,014,540.58
75000	Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	123,115.27	119,145.90
76000	Denda dan Hukuman	12,389,055.25	9,509,931.38
80000	Pelbagai Terimaan	26,006,571.28	28,392,704.90
90000	Hasil daripada Wilayah Persekutuan	1,805,537.22	1,933,410.01
Jumlah		330,227,443.55	311,227,608.54

Sumber :Bahagian Kewangan, KKM

- **Tunggakan Hasil**

Jumlah tunggakan hasil pada tahun 2011 meningkat sebanyak 50.29% kepada RM 44,892.036.51 dari RM 29,870,506.15 pada 2010. Daripada jumlah tunggakan tersebut, sejumlah RM 31,391,911.27 adalah tunggakan daripada caj-caj perkhidmatan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982, manakala RM 15,012,530.36 adalah tunggakan daripada lain-lain hasil seperti denda, sewaan dan jualan.


- **Kutipan dan Tunggakan hasil bagi Perkhidmatan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 bagi tahun 2011**

Jumlah kutipan hasil untuk perkhidmatan kesihatan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 bagi tahun 2011 adalah RM 245,618,133.65 di mana sebanyak RM 171,277,845.34 adalah disumbangkan oleh pesakit Warganegara Malaysia sama ada pesakit luar atau pesakit dalam dan Pesakit yang Membayar Penuh bagi perkhidmatan yang disediakan di klinik/hospital, manakala RM 74,340,288.31 disumbangkan oleh pesakit Warganegara Asing.

Pada tahun 2011, sebanyak RM 31,391,911.27 daripada tunggakan hasil adalah disebabkan oleh bayaran caj-caj perkhidmatan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang tidak dijelaskan oleh pesakit. Daripada jumlah tunggakan hasil tersebut, sebanyak RM 12,536,607.70 dan RM 18,855,303.57 masing-masing disumbangkan oleh pesakit Warganegara Malaysia dan Warganegara Asing.

Jumlah kutipan hasil di bawah Perintah Fi (Perubatan) dari tahun 2007 hingga 2011 menunjukkan purata peningkatan sebanyak RM 14,636,381.26 ataupun 25% setahun. Kutipan hasil bagi tahun 2011 telah meningkat sebanyak RM 18,005,301.80 berbanding RM 227,612,831.85 yang dikutip pada tahun 2010 (Rajah 3). Sementara itu, tunggakan hasil kutipan bagi perkhidmatan kesihatan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 bagi tahun 2011 telah meningkat sebanyak 15.33% atau RM 4,171,684.32 berbanding tahun 2010.

RAJAH 3
KUTIPAN DAN TUNGGAKAN HASIL DI BAWAH PERINTAH FI (PERUBATAN) 1982, 2007-2011



Sumber :Bahagian Kewangan, KKM

KKM sangat komited dalam memastikan penurunan tunggakan hasil hospital dengan mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- Penguatkuasaan bayaran deposit oleh pesakit sebelum kemasukan ke hospital.
- Menggalakkan syarikat swasta untuk menandatangani perjanjian Jaminan Bank dengan KKM bagi kemasukan pekerja-pekerja mereka dan tanggungannya di hospital-hospital Kerajaan.
- Malaksanakan Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA)
- Membolehkan pembayaran bil hospital melalui perbankan internet
- Membolehkan E-Payment (bayaran menggunakan kad kredit).

BANTUAN KEWANGAN DAN SUBSIDI KEPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NON GOVERNMENTAL ORGANISATION (NGO))

Terdapat tiga jenis bantuan kewangan yang diberikan oleh KKM kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan iaitu:

1. *Bantuan Untuk Program Kesihatan*

Pada tahun 2011, sebanyak RM 8,345,500.00 telah diperuntukkan oleh KKM kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGOs) dalam bentuk bantuan kewangan untuk menyokong program dan aktiviti berkaitan dengan kesihatan seperti lawatan ke rumah pesakit paliatif, kempen kesedaran, dan aktiviti lain berkaitan dengan pesakit. Peruntukan tersebut diberikan kepada Majlis Hospis Malaysia, Institut Diabetes Negara (NADI), Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia dan sebagainya. Jumlah peruntukan pada tahun 2011 telah dikurangkan sebanyak 31.3% kerana kekangan kewangan. KKM juga memberi bantuan kewangan sebanyak RM 1.5 juta kepada Majlis AIDS Malaysia pada tahun 2011 untuk membiayai kos pengurusan organisasi tersebut.

2. *Bantuan Geran Modal*

Geran diberikan kepada pusat-pusat dialisis baru yang diuruskan oleh NGO dengan had maksima 10 buah mesin dialisis. Pada tahun 2011 sejumlah RM 380,500.00 telah diperuntukkan kepada NGO dalam bentuk bantuan geran.

3. *Bantuan Subsidi Hemodialisis*

Subsidi ini diwujudkan untuk membantu pesakit miskin yang menjalani rawatan hemodialisis akibat kegagalan kronik buah pinggang di Pusat Hemodialisis, dengan bantuan subsidi sebanyak RM 50.00 bagi setiap rawatan dan subsidi sebanyak RM 30.00 untuk suntikan erythropoetin. Setiap pesakit akan diberi secara purata subsidi sebanyak RM 1040.00 setiap bulan. Pada tahun 2011, KKM telah peruntukkan bayaran subsidi sebanyak RM 34.018 juta untuk rawatan hemodialisis.

HALATUJU

Secara asasnya, dalam cabaran menghadapi suasana ekonomi dan sosial yang sentiasa berubah-ubah, kecekapan organisasi adalah sangat penting untuk memastikan kemampuan Sektor Kewangan dalam memenuhi tanggungjawabnya dengan cemerlang. Tenaga kerja yang sentiasa menitikberatkan pencapaian adalah antara batu loncatan utama sektor ini. Sehubungan itu, kami akan terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam memenuhi tanggungjawab dan menunaikan amanah yang telah diberikan.

4 | Kesehatan Awam

PENGENALAN

Program Kesihatan Awam diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam). Pada 15 April 2011, Datuk Dr. Lokman Hakim Bin Sulaiman dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) menggantikan Dato' Sri Dr. Hasan Bin Abdul Rahman, yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Matlamat Program Kesihatan Awam adalah (1) untuk berkhidmat kepada masyarakat terutamanya penduduk di kawasan luar bandar dengan perkhidmatan kesihatan yang berkaitan dengan pendidikan pencegahan dan penjagaan asas kesihatan, dan (2) membantu individu dan masyarakat untuk turut serta dalam perubahan tingkahlaku bagi mencapai dan mengekalkan status kesihatan yang optimum dan mencegah penyebaran penyakit yang boleh menjejaskan kesihatan mereka dari segi sosial dan ekonomi.

Terdapat empat Bahagian di Program Kesihatan Awam, iaitu Bahagian Kawalan Penyakit, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Bahagian Pendidikan Kesihatan dan Bahagian Pemakanan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

KAWALAN PENYAKIT

Cawangan Kesihatan Antarabangsa

- **Kerjasama Kesihatan Antarabangsa**

- a) Kawalan Kesihatan Antarabangsa (IHR) 2005

Kursus IHR 2005 diadakan dua kali setahun untuk Pegawai Kesihatan Daerah, Pakar Epidemiologi, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran. Bagi tahun 2011, ia diadakan pada 23-25 Oktober 2011 dan 19-21 Disember 2011.

Penyeliaan keatas pelaksanaan IHR 2005 di Pintu Masuk, Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri dan Kementerian Kesihatan diadakan sepanjang tahun 2011 dan penilaian pelaksanaan IHR 2005 diadakan secara tahunan.

Sektor Kesihatan Antarabangsa akan menyediakan laporan penilaian tahunan status pelaksanaan IHR 2005 berdasarkan rangka kerja Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Laporan penilaian ini akan dihantar kepada WHO setiap tahun untuk dikumpulkan dan untuk berkongsi kejayaan dikalangan negara ahli WHO.

- b) Penyelarasan dengan Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Pada 2011, Cawangan Kesihatan Antarabangsa terlibat dengan beberapa mesyuarat, seperti;

- i. Persidangan Kesihatan Awam ke-15 - Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand (BIMST)

- ii. Mesyuarat Pegawai Kanan berkenaan Pembangunan Kesihatan (SOHMD) ke-6

- a. SOMHD Pertama

- b. SOMHD ASEAN *Plus Three* Pertama

- c. SOMHD ASEAN-China Pertama


- iii. Sesi ke-62 Mesyuarat Jawatankuasa Serantau Persidangan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk Pasifik Barat

- Pintu Masuk dan Kesihatan Antarabangsa**

a) Pintu Masuk Antarabangsa.

Pada 2011, 2,468 permit import/eksport telah dikeluarkan bagi mayat manusia atau mana-mana bahagian daripadanya, tisu manusia atau mana-mana bahagian daripadanya, dan organism dan bahan patogenik atau mana-mana bahagian daripadanya. 2,136 permit import/eksport telah dikeluarkan bagi mayat manusia atau mana-mana bahagian daripadanya, 228 permit import/eksport tisu manusia atau mana-mana bahagian daripadanya, dan 108 permit import/eksport organism dan bahan patogenik atau mana-mana bahagian daripadanya. Rajah 1 menunjukkan perbandingan bagi permit import/eksport untuk mayat manusia, tisu manusia, organisme dan bahan patogenik atau mana-mana bahagian daripadanya bagi tahun 2011.

RAJAH 1
PENGIMPORAN DAN PENGEKSPORTAN MAYAT MANUSIA, TISU MANUSIA,
MIKROORGANISMA DAN BAHAN PATOGENIK, 2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

b) Kesihatan Pekerja Asing dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing

Perkhidmatan Kawalan dan Penyeliaan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing dikendalikan oleh FOMEMA dengan matlamat untuk memastikan semua pekerja asing di Malaysia boleh bekerja dan bebas dari penyakit berjangkit. Semua pekerja asing disaring untuk enam (6) penyakit berjangkit iaitu tuberkulosis (melalui penemuan x-ray dada yang abnormal), Hepatitis B, Sifilis, HIV, Malaria dan Kusta. Saringan untuk kehamilan, dadah (Opiat dan Ganja) dan penyakit tidak berjangkit seperti penyakit Psikiatri, Epilepsi, Barah dan Penyakit Kronik juga dijalankan ke atas pekerja asing. Pada tahun 2011, seramai 934,390 pekerja asing menjalani saringan. Berikut adalah senarai 12 negara teratas untuk pemeriksaan kesihatan pekerja asing

- i. Indonesia
- ii. Nepal
- iii. Myanmar
- iv. India
- v. Vietnam
- vi. Pakistan
- vii. Kemboja
- viii. Filipina
- ix. Bangladesh
- x. Sri Lanka
- xi. China
- xii. Thailand

Di Malaysia, pekerja asing bekerja di enam (6) sektor pekerjaan iaitu;

- i. Sektor Perindustrian – 431,694 pekerja (46.2%)
- ii. Sektor Domestik – 135,244 pekerja (14.5%)
- iii. Sektor Pembinaan – 103,591 pekerja (11.0%)
- iv. Sektor Agrikultur – 103,312 pekerja (11.1%)
- v. Sektor Pertanian – 87,880 pekerja (9.4%)
- vi. Sektor Perkhidmatan – 72,669 pekerja (7.85%)

Pekerja asing yang didapati tidak sesuai untuk bekerja di Malaysia adalah seramai 24,416 (2.61%). Bilangan ini merupakan yang terendah bila dibandingkan antara tahun 2007 ke 2010, daripada jumlah pekerja asing yang disaring, ia adalah antara 2.74% to 3.15% pekerja yang didapati tidak sesuai. Penyakit berjangkit adalah penyakit yang paling lazim dengan 13,957 kes (56.5%), diikuti oleh penyakit tidak berjangkit 7,870 (31.8%).

Di antara penyakit berjangkit, tuberkulosis (melalui penemuan x-ray dada yang tidak normal) adalah penyakit yang paling lazim dengan 7,062 kes (50.6%), diikuti oleh Hepatitis B dengan 4,982 kes (35.7%); Sifilis dengan 1,399 kes (10.0%); HIV dengan 424 kes (3.0%) dan Malaria dengan 88 kes (0.6%).

Di antara penyakit tidak berjangkit, penyakit kronik adalah penyakit yang paling lazim dengan 7,683 kes (97.6%) diikuti oleh penyakit Psikiatri dengan 135 kes (1.7%), Epilepsi dengan 45 kes (0.6%) dan Barah dengan 7 kes (0.1%). Terdapat 1,417 kes (49.1%) positif untuk Ujian Kehamilan (Urin), 1,054 kes (36.5%) positif untuk opiat dalam urin dan 415 kes (14.4%) positif untuk cannabis dalam urin.


Program Kawalan Kanser

Daftar Kanser Kebangsaan,(NCR) ditubuhkan di Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCDC), Bahagian Kawalan Penyakit pada Jun 2006. Semua Daftar Kanser Negeri diperlukan untuk menghantar data kanser yang dikumpul di peringkat negeri kepada Kementerian Kesihatan untuk didaftarkan di pangkalan data NCR.

Dari 1hb Januari 2007 hingga 31hb Disember 2011, sebanyak 57,800 kes kanser didiagnosa pada tahun 2007 hingga 2011 telah didaftarkan di dalam Daftar Kanser Kebangsaan. Ia terdiri daripada 44.85 lelaki dan 55.2% perempuan. Daripada semua kes yang berdaftar di pangkalan data NCR, 39.5% adalah Melayu, 40.7% Cina, 6.4% India dan 13.4% lain-lain.


Pengumpulan maklumat kanser adalah proses yang berterusan, maka, terdapat juga kes yang belum lagi dinotifikasikan dan didaftarkan di NCR. Pada ketika ini, NCR sedang menyediakan laporan kanser 2008. Terdapat sebanyak 17,763 kes kanser yang didiagnosa pada 2008 dan didaftarkan di NCR. Rajah 2 menghuraikan senarai kanser yang utama dikalangan rakyat Malaysiapada tahun 2008, manakala Rajah 3 dan 4 menghuraikan senarai kanser yang utama dikalangan rakyat Malaysia berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Senarai kanser yang utama dikalangan rakyat Malaysia adalah kanser payudara (18.8%), kolorektal (12.7%) dan paru-paru (10.1%). Di kalangan lelaki, senarai kanser yang utama adalah paru-paru (15.8%) diikuti oleh kolorektal (15.7%) dan nasofaring (9.4%) manakala dikalangan perempuan, senarai utama adalah kanser payudara (32.3%) diikuti oleh kolorektal(10.4%) dan pangkal rahim (8.5%). Senarai utama ini seumpama pada laporan 2007. Didapati juga bahawa insiden kanser berlaku pada setiap peringkat umur, dan ia meningkat dengan umur. Kadar insiden kanser lelaki melebihi kadar kanser perempuan selepas umur 60 tahun.

RAJAH 2
SEPULUH KANSER UTAMA, SEMUA PENDUDUK, MALAYSIA, 2008




Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

RAJAH 3
SEPULUH KANSER UTAMA DI KALANGAN LELAKI, MALAYSIA, 2008



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

RAJAH 4
SEPULUH KANSER UTAMA DI KALANGAN PEREMPUAN, MALAYSIA, 2008




Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Program Pengawasan *Influenza-Like Illness* (ILI)

Sistem Pengawasan Influenza Malaysia (MISS) diperkenalkan pada September 2003. Pada May 2009, Pengawasan ILI dipertingkatkan ketika pandemik Influenza A (H1N1). Pada 2011, pengawasan yang lebih rapi diteruskan dan Rajah 5 menunjukkan kadar khidmat nasihat adalah kurang daripada purata bergerak 5 minggu +1 *standard deviation* (SD) kecuali pada minggu epidemiologi 12, 18, 34, 40 dan 44 pada 2011. Didapati kadar khidmat nasihat ILI adalah lebih daripada purata pada tempoh tujuh (7) minggu pertama. Pada tempoh yang sama, terdapat peningkatan dalam bilangan kelompok ILI dan juga pada bilangan kelompok Influenza A (H1N1) yang positif dilaporkan.

RAJAH 5
KADAR KHIDMAT NASIHAT INFLUENZA-LIKE ILLNESS (ILI) DI KLINIK KESIHATAN
KERAJAAN DI MALAYSIA, MINGGU EPIDEMIOLOGI 01/2011 SEHINGGA 52/2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM


Program Pencegahan Penyalahgunaan Arak dan Dadah

Susulan terhadap kemudaratan berkaitan arak yang begitu rumit, *Global Strategy to Reduce Harmful Use of Alcohol* telah diluluskan oleh Persidangan Kesihatan Sedunia ke-63 pada Mei 2010. Seterusnya, mesyuarat sulung *Global Network of WHO National Counterparts for Implementation of the Global Strategy* telah diadakan di Geneva pada 8-11 Februari 2011. Bersama-sama ini adalah pelancaran *Global Status Report on Alcohol and Health 2011*, dimana Unit Alkohol bertanggungjawab ke atas laporan profil negara Malaysia.

Training of Trainers (TOT) di peringkat kebangsaan tentang pengurusan penyalahgunaan dadah telah dijalankan pada 28-30 Jun di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson. Kursus yang berlangsung selama tiga hari itu menyentuh beberapa tajuk termasuk pengurusan penyalahgunaan haram dadah, arak dan nikotin. Ia dianjurkan bersama Institut Kesihatan Kebangsaan. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang pengurusan penyalahgunaan dadah di kalangan kakitangan KKM yang bekerja di klinik kesihatan primer, meningkatkan keupayaan sumber manusia di dalam bidang perubatan ketagihan (*addiction medicine*) di Malaysia. Ini merupakan TOT yang ketiga diadakan di peringkat kebangsaan dan anggaran seramai 105 pelatih yang telah dilatih sejak ia bermula pada tahun 2009.

Empat klinik kesihatan di kawasan pedalaman di Tuaran dan Keningau, Sabah telah terpilih untuk melaksanakan saringan, intervensi singkat (*brief intervention*) dan rujukan untuk rawatan (SBIRT) sebagai projek perintis. Projek dijalankan dari Ogos 2010 sehingga Julai 2011 dengan jumlah seramai 526 pelanggan yang telah disaring untuk corak penggunaan arak dengan menggunakan *Alcohol Use Disorder Identification Test* (AUDIT). Rajah 6 menunjukkan risiko pengambilan arak mengikut jantina.

RAJAH 6
RISIKO PENGAMBILAN ARAK BERDASARKAN JANTINA, 2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Daripada 526 pelanggan, 144 pelanggan dikenalpasti mengamalkan penggunaan alcohol yang berisiko dan seterusnya telah mendapat intervensi, tetapi hanya 105 pelanggan (80%) datang untuk menerima intervensi. Data pasca intervensi menunjukkan daripada 105 pelanggan, 93 pelanggan (88.6%) telah mengurangkan pengambilan alcohol mereka. Dari segi risiko pengambilan alcohol, 6 hingga 12 bulan selepas intervensi, 53 pelanggan (50.5%) adalah kumpulan berisiko rendah, 52 (49.5%) pelanggan masih dalam kumpulan berisiko dan tiada pelanggan dalam kumpulan berisiko tinggi.

Pencegahan dan Kawalan Tibi & Kusta

• Kawalan Tibi

Program Kawalan Tibi Kebangsaan (NTBCP) di Malaysia telah dilancarkan pada 1961 sebagai program berbentuk vertikal dengan matlamat untuk mengawal dan mengurangkan prevalens tibi sebagai usaha kesihatan awam. Program vaksinasi BCG diperkenalkan sebagai salah satu strategi NTBCP pada tahun yang sama. Sejak pelaksanaan NTBCP pada 1961, bilangan kes TB yang dilaporkan telah berjaya dikurangkan dari 350 kes per 100,000 kepada kurang dari 100 per 100,000 pada tahun 1980an. Walau bagaimanapun, sejak dari itu, kes tibi yang dilaporkan kekal sama; 60-68 per 100,000 penduduk. Didapati terdapat sedikit peningkatan kes tibi yang dilaporkan sejak 2004.

Terdapat 20,666 kes tibi yang dinotifikasi pada 2011, menunjukkan kadar notifikasi sebanyak 72.4 per 100,000 penduduk. Terdapat 12,771 (61.8%) kes *smear positive*, 4,855 (23.5%) *smear negative*/ *smear* tidak dijalankan/tidak diketahui dan 3,040 (14.7%) kes *extra pulmonary* TB. Terdapat 1,644 kematian tibi yang dilaporkan pada 2011, peningkatan sebanyak 5.8 kematian tibi per 100,000 penduduk. Kadar Pengesanan Kes adalah 84.1% telah menunjukkan tren yang semakin baik sejak tahun 1990. Kadar Sembuh juga semakin baik dari 69% pada 2006 kepada 79% pada 2011.

RAJAH 7
KADAR NOTIFIKASI (NR) TIBI DI MALAYSIA, 1985-2011




Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

- Program Kawalan Kusta**

Malaysia telah capai sasaran eliminasi yang telah ditetapkan oleh WHO (Kadar Prevalens : < 1 kes / 10,000 penduduk) sejak tahun 1994 dan kekal begitu sehingga kini. Malah tren adalah berkurangan sejak itu, seperti yang ditunjukkan dalam graf dibawah (Rajah 8). Walau bagaimanapun, pencapaian kebangsaan mungkin menutup beberapa 'dibawah pencapaian' pada peringkat sub kebangsaan iaitu peringkat daerah. Kusta masih merupakan beban di beberapa kawasan yang dikenali sebagai 'poket endemik'. Kawasan tersebut kebanyakannya didiami oleh Orang Asli Semenanjung dan Pribumi Sabah dan Sarawak. Sudah tiba masa Pegawai Program Kawalan Kusta untuk menetapkan sasaran khas dan strategi berkaitan aktiviti kawalan Kusta, dengan tumpuan kepada kawasan poket tersebut.


RAJAH 8
KADAR PREVALENS KUSTA UNTUK MALAYSIA, 1987-2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pada 2011, Sabah kekal sebagai penyumbang utama beban kusta dikalangan negeri lain, diikuti Selangor dan Sarawak (Rajah 9).

RAJAH 9
KES BARU KUSTA YANG DINOTIFIKASIKAN MENGIKUT NEGERI, 2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Bagi 5 tahun kebelakang, didapati purata sebanyak 40% kes baru kusta dilaporkan dikalangan warga asing/pendatang (sah atau tanpa izin). Rancangan masa depan untuk kawalan kusta perlu menangani isu dan menyusun atur aktiviti berkaitan kawalan kusta untuk kumpulan ini.

Kawalan Penyakit Zoonotik

Penyakit Zoonotik dikendalikan oleh Sektor Zoonosis. Penyakit zoonosis yang perlu dinotifikasi dibawah Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit (PCID)1988 termasuk Ebola, Leptospirosis, Nipah, Plague dan Rabies. Jangkitan Selsema Burung Avian juga perlu dinotifikasi dibawah Akta PCID sebagai 'apa-apa jangkitan mikrob yang mengancam nyawa'. Tambahan lagi, Sektor Zoonosis juga mengendalikan dua lagi penyakit bukan zoonotik; Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) dan Influenza A (H1N1).

- **Ebola, Plague, Nipah, Rabies dan Selsema Burung**

Tiada kes Ebola, Nipah, Plague, dan Rabies dilaporkan pada 2011. Malaysia belum mencatat kes pesakit Selsema Burung, setakat ini.

- **Leptospirosis**

Leptospirosis adalah endemik di Malaysia dan dijadikan penyakit perlu dinotifikasi sejak 9 Disember 2010. Pada 2011, terdapat 2268 kes Leptospirosis dicatat dari system e-Notifikasi CDCIS dengan 55 kematian (kadar kes kematian 2.4%). Tujuh puluh lima (75%) peratus kes leptospirosis dicatatkan adalah lelaki dan 52% adalah dikalangan kumpulan umur 25 hingga 60 tahun. Terdapat 19 wabak leptospirosis pada 2011. Jadual 1 menunjukkan bilangan kes kematian dan wabak mengikut negeri.

JADUAL 1
KES LEPTOSPIROSIS, KEMATIAN DAN WABAK MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA, 2011

NEGERI	KES			KEMATIAN	WABAK
	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH		
Johor	44	11	55	2	0
Kedah	90	21	111	1	0
Kelantan	192	84	276	1	3
Melaka	125	66	191	3	2
Negeri Sembilan	116	39	155	3	3
Pahang	105	28	133	2	0
Perak	176	66	242	7	0
Perlis	15	4	19	1	1
Pulau Pinang	25	8	33	0	0
Sabah	55	13	68	0	0
Sarawak	131	26	157	9	3
Selangor	334	108	442	13	3
Terengganu	110	27	137	9	1
WP Kuala Lumpur	191	55	246	2	1
WP Labuan	3	0	3	2	0
MALAYSIA	1712	556	2268	55	17

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

- **Brucellosis**

Pada 2011, terdapat 69 kes *Brucellosis* termasuk satu (1) wabak dilaporkan dikalangan orang yang minum susu tidak dipastur yang didapati dari ladang kambing di Pulau Pinang. Enam puluh enam (66) kes dilaporkan semasa wabak dan kesemua kes telah pulih.

- **Sarcocystosis**

Pada 31 Oktober 2011, beberapa kawasan GeoSentinel (program pengawasan Persatuan Pelancongan Perubatan Antarabangsa dan CDC) melaporkan kluster dengan lebih kurang 23 kes kemungkinan jangkitan *Sarcocystosis* di kalangan pelancong dari 6 negara yang bercuti di Pulau Tioman antara Jun dan Ogos 2011. Pelancong tersebut, sesetengah yang berkumpul, mengalami gejala-gejala berikut; demam, sakit otot dan sendi dan *peripheral eosinophilia*. Seterusnya, sebanyak 32 kes dikesan dan biopsi otot dari kedua-dua kes telah mengesahkan *Sarcocystosis*. Kesemua kes telah baik sama ada kerana haluan alami penyakit ini atau rawatan simptomatik. Ujian lapangan oleh EIP Malaysia, Pusat Penyelidikan Kesihatan Persekitaran (EHRC) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) mendapati tiada kes *Sarcocystosis* dikalangan penduduk atau haiwan di Pulau Tioman.

- **Melioidosis**


Melioidosis disebabkan bakteria *Burkholderia pseudomallei*, sejenis *free-living saprophyte* yang didapati didalam tanah. Pada 2011, dua (2) kelompok *melioidosis* dilaporkan di Sarawak. Kelompok pertama adalah di Projek Hidroelektrik Bakun, Belaga (3 kes dan dua kematian). Kelompok kedua adalah di Kem Pembalakan Iron Wall, Kapit (3 kes dan tiada kematian). Dalam kebanyakan kes, faktor penyumbang adalah kerja-kerja yang melibatkan tanah.

- Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD)**

Sektor Zoonosis juga menguruskan Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut, sejenis penyakit bukan zoonotik. HFMD adalah endemik di Malaysia dan perlu dinotifikasi dibawah Akta PCID 1988. Bagi 2011, terdapat 7,002 kes HFMD dilaporkan dalam Sistem e-Notifikasi CDCIS dan tiada kematian dilaporkan di Malaysia. Terdapat 182 wabak HFMD pada 2011. Tren untuk HFMD adalah seperti dalam Rajah 10.

Strain HFMD yang utama beredar di Semenanjung Malaysia adalah Coxsackie A16 (85%) yang melibatkan 234 daripada 276 penilaian positif. Walaubagaimanapun, virus yang utama beredar di Sarawak adalah EV71 yang melibatkan 107 daripada 131 (82%) penilaian positif. Majoriti jangkitan Cox A16 adalah ringan manakala EV71 berpotensi untuk komplikasi seperti miokarditis dan ensefalitis tetapi komplikasi tersebut tidak didapati di Malaysia pada 2011.

RAJAH 10
TREN HFMD DI MALAYSIA, 2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

- Influenza A (H1N1)**

Pada 2011, terdapat 869 kes H1N1 dilaporkan yang disahkan dengan ujian makmal dengan 10 kematian. Jadual 2 menunjukkan bilangan kes H1N1 yang dilaporkan mengikut negeri.

JADUAL 2
KES INFLUENZA A (H1N1) YANG DILAPORKAN MENGIKUT NEGERI, 2009-2011

NEGERI	2009		2010		2011	
	KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
Johor	1131	12	422	3	40	2
Kedah	777	7	148	2	5	0
Kelantan	518	1	154	1	53	0
Melaka	577	11	236	0	48	0
Negeri Sembilan	693	3	2	0	2	1
Pulau Pinang	662	1	217	3	68	1
Pahang	628	4	319	0	35	0
Perak	1112	8	300	3	103	1
Perlis	72	0	21	0	0	0
Sabah	1006	4	80	0	0	0
Sarawak	890	5	136	0	93	1
Selangor	2567	15	1072	5	114	2
Terengganu	457	2	478	3	302	2
WP Labuan	34	0	8	0	0	0
WP KL & Putrajaya	1189	4	121	0	6	0
MALAYSIA	12313	77	3714	20	869	10

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

• **Latihan Simulasi Penyakit Selsema Burung 2011**

KKM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Malaysia mengadakan Latihan Simulasi di lapangan dalam menangani wabak Selsema Burung/HPAI A (H5N1) dari 20-22 September 2011 di Muar, Johor. Perancangan latihan simulasi melibatkan staf KKM dan DVS peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Seramai 34 pegawai dilantik sebagai ahli kawatankuasa termasuk pengawal dan penilai untuk latihan ini. Jawatankuasa perancangan juga berjumpa dengan Pegawai Daerah Muar dan agensi lain yang berkaitan di daerah. Terdapat 21 pegawai yang mengambil bahagian sebagai pemerhati untuk KKM dalam latihan termasuk juga Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Berjangkit, Kementerian Kesihatan Singapura. Tambahan pula terdapat tiga pegawai dari Pihak Berkuasa Pertanian dan Veterinar (AVA) Singapura yang mengambil bahagian sebagai pemerhati dalam latihan padang DVS.

Senario latihan yang digambarkan adalah wabak penyakit selsema burung dalam kalangan ayam di sebuah kampung di Muar, Johor, dan juga kejadian sekumpulan kes pesakit yang menghidap influenza yang mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan tempatan. Skop latihan terhad kepada, dan merupakan peluang seterusnya untuk mengawal penyebaran wabak influenza dalam kalangan haiwan dan manusia. Latihan direka untuk membantu pemahaman dan mengenalpasti kekuatan dan peluang untuk penambahbaikan proses membuat keputusan bagi mendapatkan respon dan kerjasama dan susunan komunikasi yang pantas antara semua peringkat.

Objektif latihan simulasi adalah:

- Bagi mengesahkan peranan, tanggungjawab dan proses membuat keputusan yang sedia ada, jika berlakunya wabak penyakit selsema burung
- Bagi mengesahkan keberkesanan susun atur penyelarasan dan komunikasi antara kesemua peringkat KKM dan DVS
- Melatih perkembangan dan pelaksanaan komunikasi risiko
- Membina upaya dan memberi peluang untuk berkongsi pengalaman dengan negeri lain

GAMBAR 1
AVIAN FLU SIMULATION EXERCISE 2011



Pegawai Veterinar mengambil sampel dari ayam di Kampung Sungai Renggam, Panchor, Muar



Pasukan Perubatan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah merawat pesakit yang 'disyaki' menghidap Selsema Burung



Pusat Saringan Influenza di KK Bukit Pasir

Latihan simulasi dijalankan dengan jayanya. Hasil latihan menyediakan KKM dan DVS, Malaysia dengan pelbagai maklumat dan pendekatan dalam menjalankan operasi pengawalan yang pantas (*rapid containment*). Ini mengukuhkan keperluan untuk adanya komunikasi yang lancar intra dan antara agensi bagi membantu untuk mendapatkan respon yang sesuai dari segi masa dan tegas.

Sebagai sebahagian daripada persediaan, negeri telah diarahkan untuk mengadakan latihan simulasi dan latihan kawalan jangkitan tahunan kepada pekerja penjagaan kesihatan. Tambahan pula, negeri telah diarahkan untuk mengadakan mesyuarat tahunan jawatan kuasa antara agensi bagi mengurangkan risiko penyakit yang baru di antaramuka haiwan-manusia-ekosistem sebagaimana kaedah 'One Health'.


Program Penyakit Bawaan Air dan Makanan dan Penyakit Cegahan Vaksin

Malaysia kekal bebas dari poliovirus liar sejak 1992 dan diisytiharkan bebas polio pada Oktober 2000, bersama dengan Negara-negara lain di Kawasan Pasifik Barat. Pada 2010, Malaysia telah menggunakan sepenuhnya *Inactivated Polio Vaccine* (IPV) untuk mengimmunisasi kanak-kanak berumur 2, 3, 5 dan 18 bulan. Pada 2011, *Contingency Plan for Importation of Wild Poliovirus* diluluskan oleh Jawatankuasa Pensijilan Eradikasi Polio Kebangsaan dan diedarkan ke Jabatan Kesihatan Negeri sebagai rujukan.

Terdapat peningkatan kes demam campak (*measles*) pada 2011 berbanding 2010, dari 73 kes kepada 1,569 kes dengan kadar insidens 5.50/100,000 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 11. Peningkatan yang mendadak disebabkan 30 kelompok wabak campak berbanding dengan hanya 3 kelompok pada 2010. Terdapat 7 kelompok dengan lebih 10 kes setiap kelompok, maka menunjukkan immunisasi kelompok (*herd immunity*) yang rendah dalam kalangan komuniti yang terbabit. Terdapat 4 kes kematian campak di Sabah dan kesemua kes tidak pernah mendapat imunisasi campak.

Kadar insidens Hepatitis B di Malaysia adalah 4.38/100,000 pada 2011, berbanding dengan 2.27/100,000 pada 2010 seperti ditunjukkan dalam Rajah 11. Bilangan kes di kalangan warganegara Malaysia yang lahir selepas 1989 pada tahun permulaan imunisasi hepatitis B untuk kanak-kanak adalah 37 kes pada tahun 2011 berbanding dengan hanya 4 kes pada 2010; dan kebanyakan mereka (56.7%) berumur 18 tahun dan ke atas. Peningkatan kes sebahagiannya adalah kerana peningkatan kesedaran dikalangan pengamal perubatan tentang keperluan untuk menotifikasi kes Hepatitis B.

RAJAH 11
KADAR INSIDENS CAMPAK DAN HEPATITIS B PER 100,000 PENDUDUK DI MALAYSIA, 1988-2011




Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Di Malaysia, kadar insidens difteria, neonatal tetanus dan pertusis kekal kurang dari 1/100,000 sejak 20 tahun ke belakang. Walau bagaimanapun terdapat peningkatan kes pertusis dari 46 kes pada 2010 kepada 249 kes pada 2011. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh adanya PCR sebagai ujian pengesanan, yang lebih sensitif berbanding dengan pengesanan bakteria melalui kultur. Terdapat peningkatan kes tetanus neonatal dari 10 kes pada 2010 kepada hanya 3 kes pada 2011, kesemuanya dari Sabah melibatkan bukan warganegara Malaysia. Tiada kes difteria pada 2011 berbanding 3 kes dilaporkan pada 2010. Walaubagaimanapun, pengumpulan stok antitoksin difteria di 6 hospital major berdasarkan zon masih dilaksanakan.

Di Malaysia, terdapat 5 penyakit bawaan makanan dan air (FWBD) yang dipantau melalui system notifikasi dibawah Akta PCID 1988 (Akta 342) iaitu kolera, tifoid, keracunan makanan, Hepatitis A dan disentri.

Insidens kolera, tifoid, keracunan makanan, Hepatitis A dan disentri menunjukkan tren menurun bagi 10 tahun ke belakang (Rajah12). Purata insidens penyakit tersebut kurang dari 5 kes per 100,000 penduduk. Terdapat peningkatan insidens kolera dari 1.57 per 100,000 penduduk pada 2010 kepada 2.05 per 100,000 penduduk pada 2011, dengan 11 kematian.

RAJAH 12
TREND KOLERA, TIFOID/PARATIFOID, HEPATITIS A DAN DISENTRI DI MALAYSIA, 2000-2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pada 2011, Kadar kejadian keracunan makanan adalah 57.06 per 100,000 penduduk, iaitu lebih tinggi dari tahun 2010. Kes tersebut dari 434 episod keracunan dengan 257 (59.2%) episod berlaku di sekolah termasuk 98 episod melibatkan Program Susu 1Malaysia (PS1M); yang menyumbang kepada 22.6% jumlah episod keracunan makanan.


Program Pencegahan dan Kawalan HIV/STI

Dalam menggunakan Pelan Strategik Kebangsaan (NSP) Pencegahan AIDS 2011-2015 sebagai lanjutan NSP 2006-2010, kerajaan Malaysia terus berkomitmen tinggi bagi menangani epidemik sebagai salah satu agenda kebangsaan yang penting, dan telah mendorong pelbagai sektor yang telah berkembang dengan dana dengan sumber yang bagus dan respon. Disasarkan pada 2015, kita dapat mengurangkan kadar notifikasi kes baru HIV kepada 11.0 per 100 000 penduduk dan menghapuskan hampir semua kes jangkitan vertical dan menghapuskan kes sifilis kongenital, serta pengurangan HIV secara perkongsian jarum melalui program pengurangan kemudahan.

Dengan epidemik HIV yang tertumpu, dengan kadar jangkitan yang kekal tinggi (lebih 50%) di kalangan populasi paling berisiko tinggi (*most-at-risk populations*, MARPS), terutamanya dikalangan IDU, pekerja seks dan populasi transgender, sejak kes pertama HIV/AIDS yang dikesan di negara ini 25 tahun dahulu sehingga Disember 2011, bilangan orang yang menghidap HIV (*people living with HIV*, PLHIV) dianggarkan sebanyak 81,009. Pada penghujung 2011, Malaysia mempunyai jumlah terkumpul 94,841 HIV, 17,686 AIDS dan 14,986 kematian, menjadikan PLHIV yang dilaporkan sebanyak 79,855.

Bilangan tahunan kes baru HIV telah menurun dengan stabil dari kemuncaknya sebanyak 6,978 pada 2002 (Rajah 13). Pada 2011, terdapat 3,479 kes baru dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan, lebih kurang separuh dari yang dilaporkan pada 2002 dengan purata 9 kes baru setiap hari. Kadar notifikasi HIV juga terus mengalami penurunan dari 28.4 pada 2002 kepada 23.4 pada 2005 dan kepada 12.2 kes per 100,000 penduduk pada 2011.

RAJAH 13
HIV DAN KEMATIAN BERKAITAN AIDS YANG DILAPORKAN, MALAYSIA, 1986-2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

• Pengurangan Kemudaratan

Inisiatif pengurangan kemudaratan melibatkan Terapi Gantian Metadon (*Methadone Maintenance Therapy, MMT*) dan Program Pertukaran Jarum dan Picagari (*Needle and Syringe Exchange Program, NSEP*) telah menjadi sebahagian dari tindakan Malaysia untuk beberapa tahun. Bersama, program tersebut disasarkan untuk capai 102,000 (60%) orang dari anggaran populasi IDU sebanyak 170,000 pada 2015. Penyediaan perkhidmatan pengurangan kemudaratan diteruskan dan di *up-scale* melalui 297 tapak NSEP dan 674 cawangan MMT yang ditubuhkan di fasiliti kesihatan kerajaan, tapak NGO, fasiliti kesihatan swasta, pusat perkhidmatan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan penjara.

Dimulakan pada Februari 2006 dan kini memasuki tahun keenam operasi, NSEP kebanyakannya disediakan oleh NGO (74%) dan klinik kesihatan kerajaan (26%). Bilangan pusat *outreach* diuruskan oleh NGO adalah 221 manakala lokasi NSEP di klinik kerajaan adalah 76. Pada 2011, program ini telah capai sebanyak 34,244 IDU dengan purata pemberian jarum dan picagari sebanyak 116 setiap IDU setahun. Walau bagaimanapun, sejak dua (2) tahun kebelakangan ini, pecahan pelanggan yang dirujuk kepada VCT dan MMT adalah rendah dimana purata untuk VCT adalah 10% dan hanya 4% tukar kepada terapi gantian oral (MMT). Program ini perlu diperbaiki lagi bagi mendapatkan hasil yang lebih baik iaitu mengurangkan mudarat dengan menganjak penggunaan dadah secara suntikan kepada OST (terapi gantian oral).

Kerajaan telah menggunakan sepenuhnya program OST setelah projek perintis berjaya pada 2006. Pada 2011, program ini disediakan oleh hospital dan klinik kerajaan (242), pengamal perubatan swasta (382) dan telah diperluaskan untuk melibatkan pusat perkhidmatan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) (32) dan penjara (18); secara keseluruhan berjumlah sebanyak 674 pusat MMT di seluruh negara. Program ini melibatkan 44,428 pengguna dadah seluruh negara. Melalui perkhidmatan pengurangan kemudaratan, sebanyak 78,872 dicapai. Data dari program pengawasan di Pusat Rehabilitasi Dadah dan Pengurangan Kemudaratan pada 2011 menunjukkan prevalens HIV dalam kalangan IDU adalah 8.7%.

- **Saringan HIV**

Malaysia memperkenalkan saringan HIV sejak 1985. Kini, kesemua fasiliti kesihatan kerajaan (813 klinik kesihatan dan 135 hospital) menyediakan perkhidmatan percuma saringan HIV. Malaysia telah menjalankan pelbagai program saringan dan menggalakkan penggunaan kaedah sukarela, beretika dan diterima pakai antarabangsa dalam saringan HIV seperti *Provider Initiated Testing and Counselling* (PITC).

Sejak lima tahun yang lepas, secara purata sebanyak 1.3 juta saringan telah dijalankan. Didapati walaupun dengan mengekalkan program pengawasan dan aktiviti saringan yang lebih intensif, kadar pengesanan HIV makin menurun dan ini sejajar dengan penurunan kes HIV yang dilaporkan (3,479 kes HIV positif pada 2011). Ia juga mengesahkan pengurangan kes HIV dalam negara seperti yang dianggarkan melalui latihan anggaran dan unjuran.

- **Pencegahan Pemindahan Ibu kepada Anak (PMTCT)**

PMTCT dirintis pada 1997 dan dilaksanakan seluruh negara pada 1998 di kesemua fasiliti kesihatan kerajaan. Program ini merangkumi saringan HIV melalui kaedah *opt-out*. Pada 2011, sebanyak 443,453 (100%) ibu mengandung yang mendapat rawatan penjagaan antenatal di fasiliti KKM telah menjalani saringan HIV. Tambahan pula, pada 2011 KKM juga memulakan saringan HIV di dewan bersalin untuk memastikan ibu yang terlepas (*missed-opportunity*) juga disaring; lebih kurang 10,105 ibu mengandung yang status HIV tidak diketahui telah disaring. Prevalens HIV dikalangan *missed-opportunity* adalah 0.27%, iaitu lebih tinggi dari kumpulan yang mendapat saringan semasa rawatan antenatal (0.07%).

PMTCT disasarkan untuk menghapuskan transmisi vertikal kepada kurang 2% kes HIV bayi baru lahir di kalangan ibu yang menyusui badan dan Malaysia telah mencapai sasaran 1.3%.


Program Kawalan Penyakit Bawaan Vektor

- **Kawalan Demam Denggi**

Demam denggi merupakan salah satu masalah kesihatan awam di Malaysia. Kes denggi yang dilaporkan telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. (Rajah 14) Pada 2011, sebanyak 19,884 kes dan 36 kematian dilaporkan. Ini bersamaan lebih kurang 68 kes per 100,000 penduduk. Negeri yang menunjukkan Kadar Insidens (IR) daripada kesemua kes denggi (per 100,000 penduduk) adalah Selangor (144), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (120), Pulau Pinang (96) dan Negeri Sembilan (70).

Kadar kes kematian pada 2011 adalah 0.18%, penurunan berbanding tahun sebelumnya yang mencatat 0.29%. Sejalan dengan bilangan kes denggi yang dilaporkan, Selangor mempunyai jumlah tertinggi dengan 14 kematian diikuti oleh Johor dengan 7 kematian, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang dengan 3 kematian, Perak, Wilayah Persekutuan KL & Putrajaya dan Sabah dengan 2 kematian, Pahang, Terengganu dan Kelantan dengan 1 kematian. Tiada kematian dilaporkan dari Perlis, Kedah, Melaka, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

RAJAH 14
TREN KES DENGGI DILAPORKAN DI MALAYSIA, 2000-2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Terdapat 3,065,080 premis yang diperiksa untuk tempat pembiakan nyamuk pada 2011 didapati 44,511 daripadanya positif untuk pembiakan Aedes berbanding 3,836,714 premis yang diperiksa dengan 59,793 premis yang positif untuk pembiakan Aedes pada 2010. Bilangan premis yang diperiksa dan bilangan premis yang positif untuk pembiakan Aedes berkurang sebanyak 20% dan 26% pada 2011 berbanding tahun sebelumnya. Terdapat penurunan sebanyak 31% dalam aktiviti pengkabusan pada 2011 berbanding 2010. Ini mungkin boleh dijelaskan dengan penurunan kes yang dilaporkan pada 2011 berbanding 2010. Terdapat 770,499 premis yang disembur menggunakan Temephos pada 2011 berbanding 851,328 premis pada 2010 yang menunjukkan penurunan sebanyak 9%.

Keputusan dari aktiviti pemeriksaan premis menunjukkan indeks Aedes tertinggi adalah dari tapak pembinaan iaitu 17.1% diikuti oleh kilang 9.13%, tanah lapang 8.82%, sekolah 8.67% dan pusat rekreasi 6.42%.


• Kawalan Malaria

Malaria masih berlarutan di kawasan pedalaman dan terpencil di negeri Sabah dan Sarawak. Pada 2011, bilangan kes malaria di Malaysia adalah 5,306 kes, iaitu penurunan sebanyak 1,344 kes (20%) berbanding 2010 (6,650 kes). Sabah melaporkan 2,032 kes, jumlah tertinggi kes malaria yang menyumbang kepada 38% dari jumlah keseluruhan, diikuti oleh Sarawak dengan 1,761 kes (33%) dan negeri di Semenanjung dan WP Labuan dengan 1,513 kes (29%). Lapan (8) negeri menunjukkan peningkatan kes malaria berbanding 2010; iaitu Pahang (96 kes), Selangor (90 kes), Negeri Sembilan (86 kes), Perak (83 kes), Kelantan (64 kes), Terengganu (28 kes), Melaka (2 kes) dan WP Labuan (1 kes).

Kadar insiden malaria untuk 2011 adalah 18.6 per 100,000 penduduk, penurunan dari 23.5 per 100,000 penduduk dari tahun sebelumnya. (Rajah 15) Sarawak mencatat kadar insiden malaria

tertinggi dengan 69.3 per 100,000 penduduk, diikuti oleh Sabah 63.1 per 100,000 penduduk. Kesemua negeri lain mempunyai kadar insiden malaria kurang dari kadar kebangsaan kecuali Pahang yang mempunyaidar insiden 18.8 per 100,000 penduduk. Terdapat 4,164 kes jangkitan tempatan (78%) iaitu penurunan sebanyak 1,030 kes berbanding 2010 (5,194 kes). Kadar insiden untuk kes jangkitan malaria tempatan menurun daripada 37.0 per 100,000 penduduk pada 2001 kepada 14.6 per 100,000 penduduk pada 2011.

RAJAH 15
KES MALARIA DAN KADAR INSIDEN (PER 100,000 PENDUDUK) DI MALAYSIA, 2001-2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pada 2011, sebanyak 18 kematian dilaporkan berbanding 33 kematian pada 2010, penurunan sebanyak 45%. Daripada jumlah ini, 7 kematian dilaporkan di Sabah, 7 lagi di Sarawak dan 2 lagi di Semenanjung Malaysia.

Kira-kira 78% (4,152 kes) adalah lelaki manakala dikalangan perempuan, 6.5% adalah ibu mengandung, pertambahan berbanding 2010 (1.8%). Daripada 5,306 kes, malaria tertinggi di kalangan kumpulan umur 20-24 tahun dan 25-29 tahun (13% masing-masing), diikuti oleh 30-34 tahun (11%). Kanak-kanak dibawah lima tahun merupakan 3.5% daripada semua kes, penurunan dari 7.4% pada 2010.

Sejumlah 1,700 (32%) kes malaria dikesan di kalangan warga asing, pengurangan sebanyak 11% berbanding 2010 (1,911 kes). Kumpulan terbesar warga asing yang dijangkiti adalah dari Indonesia (46%), Filipina (19%) dan Myanmar (12%).

Sejumlah 503 kes (9%) dilaporkan di kalangan pekerja lading peningkatan sebanyak 43% berbanding tahun sebelumnya dan daripadanya 51% merupakan pekerja asing. Hanya 67 (1%) kes yang dilaporkan di kalangan Orang Asli, 5% kes lebih dari tahun sebelumnya.

Plasmodium vivax merupakan parasit utama malaria dalam 2,422 kes (46%), diikuti *P. falciparum* (18%), *P. malariae* (17%), *P. knowlesi* (16%) dan jangkitan campuran (3%).

Kebanyakan kes (81%) dikesan melalui Pengesanan Kes secara Pasif (PCD). Jumlah slaid yang diperiksa pada 2011 adalah 1,568,990 slaid, 3% kurang berbanding tahun sebelumnya. Hampir kesemua kes (99%) diperiksa dengan lebih lanjut dan menerima rawatan radikal penuh. Ini mewakili

peningkatan sebanyak 1% dalam pemeriksaan lanjut dan 2% peningkatan dalam penyempurnaan rawatan berbanding tahun sebelumnya.

Aktiviti kawalan vektor dipusatkan di kawasan malaria (melebihi 1 kes per 1,000 penduduk) dan kawasan cenderung malaria (*malaria prone areas*)(kurang 1 kes per 1,000 penduduk). Dua strategi utama kawalan vector yang digunakan adalah semburan residual dalam bangunan (*indoor residual spraying*, IRS) dan penggunaan kelambu yang dicelup racun serangga (*insecticide treated nets*, ITN). Pada 2011, dua kitaran berkala dijalankan dalam jarak masa enam bulan di lima negeri di Malaysia iaitu Sabah, Sarawak, Pahang, Perak dan Kelantan. Pada kitaran pertama, 2613 lokaliti di sembur meliputi 83,203 rumah/bangunan dan 333,350 penduduk dilindungi, manakala kitaran kedua, 2,478 lokaliti diliputi dengan 96,330 rumah/bangunan disembur melindungi 307,769 penduduk. Semburan fokal residual dijalankan di 910 lokaliti dengan 19,292 rumah/bangunan disembur melindungi 72,115 penduduk. Dua kitaran semburan khas juga dijalankan meliputi 3,981 rumah di 324 lokaliti melindungi 15,424 penduduk pada kitaran pertama dan meliputi 2,851 rumah di 255 lokaliti melindungi 11,144 penduduk pada kitaran kedua.

Strategi menggunakan ITN adalah untuk menampung liputan rendah semburan residual di kawasan yang disebabkan rumah tidak mempunyai permukaan yang tidak boleh disembur, penduduk yang enggan menyembur dikawasan dalam rumah dan sebagai kaedah tambahan kawalan vektor untuk mencegah transmisi malaria di lokaliti dalam kawasan malaria dan lokaliti wabak dalam kawasan cenderung dan bebas malaria dikawasan yang dikenalpasti. Pada 2011, sebanyak 459,390 penduduk dilindungi dengan penggunaan 297,393 ITN melibatkan 104,667 rumah dalam 3,124 lokaliti.

• Program Eliminasi Filariasis Limfatik (LFEP) di Malaysia

Program Eliminasi Filariasis Limfatik (LFEP) di Malaysia bermula pada 2001 dengan sasaran mencapai status eliminasi filariasis (menghentikan transmisi jangkitan) pada 2013. Walau bagaimanapun setelah penilaian dan strategi WHO dikaji semula pada 2011, sasaran eliminasi diubah kepada 2018. Pemberian ubat skala besar (MDA) dijalankan untuk 5 tahun (2004-2008) menggunakan *Diethylcarbamazine* dan *Albendazole* kepada kesemua penduduk di kawasan endemik dengan sasaran liputan MDA lebih 80 peratus.

Pada 2011, sebanyak 37 Unit Pelaksanaan (IU) endemik di Sabah dan Sarawak telah menjalankan aktiviti MDA kitaran keenam. (Jadual 3) Semua IU endemik di Semenanjung Malaysia telah menjalankan TAS melibatkan 67 IU di 24 daerah dari 6 negeri Semenanjung Malaysia (Kedah, Perak, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan) dengan jumlah penduduk 584,8916. Keputusan menunjukkan 4 IU (Lepar, Bera, Temai and Bebar) di Pahang melaporkan prevalens antibodi >2% dan memerlukan pengulangan 2 lagi kitaran MDA pada 2012.

JADUAL 3
RINGKASAN LIPUTAN MDA PADA 2011 UNTUK SABAH DAN SARAWAK (KITARAN MDA KE6)


Negeri	Bil. IU	Jumlah penduduk IU	Jumlah penduduk Layak	Jumlah penduduk mengambil ubat	% Liputan jumlah penduduk
Sabah	8	78,984	76,045	70,296	88.44%
Sarawak	29	393,601	370,232	370,100	94.03%
Jumlah	37	472,585	446,277	440,396	91.24%

*Nota : *Hanya 8 IU di Sabah menyempurnakan kitaran ke6 MDA pada 2011. Selebihnya 9 IU akan mula MDA 6 pada awal 2012.*
Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Sejumlah 387 kes filariasis dilaporkan pada 2011 menunjukkan peningkatan bilangan kes (148%)

berbanding dengan tahun sebelumnya (156 kes). Peningkatan kes filariasis pada 2011 dipengaruhi oleh peningkatan aktiviti pengesanan dimana jumlah sampel slaid waktu malam meningkat sebanyak 30% berbanding 2010. Pada 2011, kadar insidens filariasis adalah 1.36 per 100,000 penduduk (Rajah 16).

RAJAH 16
KES FILARIASIS DAN TREND KADAR INSIDENS DI MALAYSIA, 2000-2011



Sumber: Seksyen Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Kadar mikrofilaria untuk 5 tahun tahun kebelakangan ini adalah antara 2.14 hingga 1.41 per 1000 orang. Daripada 387 jumlah kes, 201 kes (52%) dikesan di kalangan penduduk tempatan dan 186 kes (48%) adalah di kalangan imigran.

Pada 2011, spesis parasit yang utama adalah *Wuchereria bancrofti* yang menyumbang 45.5% diikuti oleh *Brugia malayi (periodic)* sebanyak 36.2% dan *Brugia malayi (subperiodic)* 18.3%. Sejumlah 180,998 sampel darah diambil dan diperiksa untuk mengesan mikrofilaria dalam darah menunjukkan peningkatan sampel (29%) berbanding sampel yang diambil pada 2010 (139,974).

• Kawalan Tifus

Pada 2011, sebanyak 13 kes tifus dilaporkan menunjukkan peningkatan 7 kes (116.7%) berbanding 6 kes tahun sebelumnya (Jadual 5). Kadar insidens adalah 0.05 kes per 100,000 penduduk.

JADUAL 5
KES TIFUS DI MALAYSIA, 2010-2011

Pembolehubah/Tahun		2010	2011	Perbezaan	% Perbezaan
Jantina	Lelaki	4	8	+4	50%
	Perempuan	2	5	+3	150%
Spesis	Tick typhus	0	0	0	0%
	Scrub typhus	4	13	+9	225%
	Endemic typhus	2	0	-2	-200%
	Mixed typhus	0	0	0	0%
Kumpulan Tempatan		2	11	+9	450%
Kumpulan Migran		4	2	-2	-50%
JUMLAH KES		6	13	+7	117%

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Kesemua 13 kes tifus dilaporkan dari Negeri Sembilan (7 kes), Selangor (2 kes), Kedah (1 kes), Pulau Pinang (1 kes), Pahang (1 kes) dan Sarawak (1 kes). Kesemua kes adalah *scrub typhus*.

Spesis utama adalah *scrub typhus* (12 kes) yang menyumbang 92.3%. Daripada 13 kes dilaporkan, 62% didapati positif melibatkan lelaki (8 kes) dan selebihnya 38% perempuan (5 kes). Sebelah (11) kes tifus dikesan di kalangan penduduk tempatan dan 2 kes dilaporkan melibatkan migran.

- **Kawalan Japanese Encephalitis (JE)**

Pada 2011, terdapat 12 kes Japanese Encephalitis (JE) yang dilaporkan di Malaysia dan bilangan kes JE yang dilaporkan meningkat sebanyak 4 kes (50.0%) berbanding dengan 8 kes pada tahun 2010. Sarawak menyumbang kepada bilangan tertinggi sebanyak 9 kes, diikuti oleh Pulau Pinang, Perak and Sabah dengan 1 kes masing-masing. Kadar insiden (IR) JE di Malaysia telah meningkat pada 2011 (IR 0.042 per 100 000 penduduk) berbanding dengan tahun 2010 (IR 0.028 per 100 000 penduduk). Kebanyakan kes JE pada tahun 2011 adalah dikalangan umur 4 hingga 18 tahun (Jadual 6).

JADUAL 6

TABURAN JAPANESE ENCEPHALITIS MENGIKUT JANTINA DAN KUMPULAN UMUR, 2011

Umur (Tahun)	Lelaki	Perempuan	Kes	%
0-4	0	1	1	8.3
5-9	3	2	5	41.7
10-14	4	0	4	33.3
15-19	2	0	2	16.7
Jumlah	9	3	12	100.0

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

- **Kawalan Chikungunya**

Pada 2011, sebanyak 30 kes Chikungunya dilaporkan menunjukkan peningkatan yang mendadak (96%) berbanding dengan tahun sebelumnya (804 cases). 86.7% kes dilaporkan dikesan melalui Pengesanan Kes Secara Pasif (*Passive Case Detection* PCD) manakala 13.3% dikesan melalui Pengesanan Kes Secara Aktif (*Active Case Detection* ACD). (Jadual 7) Tiada kes kematian disebabkan Chikungunya dilaporkan pada tahun 2011.

JADUAL 7

TABURAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT JANTINA DAN KUMPULAN UMUR, 2011

Umur (Tahun)	Lelaki	Perempuan	Kes	%
5-9	2	0	2	6.7
10-14	0	1	1	3.3
20-24	1	2	3	10.0
25-29	1	4	5	16.7
30-34	2	1	3	10.0
35-39	1	3	4	13.3
40-44	3	1	4	13.3
50-54	2	2	4	13.3
55-59	1	0	1	3.3
60-64	1	0	1	3.3
70-74	0	1	1	3.3
85-89	1	0	1	3.3
Jumlah	15	15	30	100.0

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

70 % (21 kes) daripada kes adalah dari kawasan luar bandar. Sabah melaporkan bilangan tertinggi kes pada 2011 dengan 11 kes (37.7%), diikuti oleh Johor dan Sarawak masing-masing dengan 6 kes (20.0%), Perak 4 kes (13.3%) dan Melaka, Pahang dan Selangor melaporkan 1 kes setiap satu (3.3%).

NCD: Kawalan dan Pencegahan Diabetes dan Penyakit Kardiovaskular

- **Penguatkuasaan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) pada 2011**

Apabila kesedaran meningkat tentang pertambahan kekerapan dan beban NCD dan faktor risiko NCD, KKM telah mengukuhkan program pencegahan dan kawalan NCD di Malaysia dengan menghasilkan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (NSP-NCD) 2011-2015. NSP-NCD menggunakan diabetes dan obes sebagai titik masuk dan mengandungi tujuh strategi utama:

- Pencegahan dan Penggalakkan
- Pengurusan Klinikal
- Meningkatkan Pematuhan Pesakit
- Tindakan dengan NGO-NGO, Badan Profesional dan pihak-pihak berkepentingan lain
- Pengawasan, Penyelidikan dan Pemantauan
- Membina Kapasiti
- Intervensi Dasar dan Peraturan

Dibawah Strategi Satu; Pada Disember 2011, KKM telah mula meluaskan tumpuan kepada program *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) yang sedia ada untuk denggi untuk merangkumi NCD. Dengan fokus yang baru ini, KKM pada on 15 Disember 2011 telah melantik tiga Duta Sihat 1Malaysia untuk menggalakkan Rakyat Malaysia bagi mengamalkan gaya hidup yang sihat. Tiga personaliti yang terkenal yang dilantik adalah (1) Aznil Nawawi, (2) Phoebe Yap Siok Wah, dan (3) G. Uthaya Kumar.

IMEJ 2 DUTA KESIHATAN 1MALAYSIA



YB Dato' Sri Liow Tiong Lai bersama Duta Sihat 1Malaysia, (dari kiri) Uthaya Kumar, Phoebe Yap dan Aznil Nawawi

Sumber: The Star Online

Dibawah **Strategi Satu** juga, KKM telah memperkenalkan program **Pencegahan NCD 1Malaysia (atau NCDP-1M)** pada hujung tahun 2010. NCDP-1M adalah program intervensi faktor risiko NCD, yang dikendalikan di tiga tempat yang berbeza seperti masyarakat, tempat kerja dan sekolah, dan menggunakan pengurusan berat badan sebagai titik mula. Objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan rakyat Malaysia untuk menjadi pro-aktif dalam saringan untuk faktor risiko NCD dan untuk memulakan campur tangan di kalangan mereka yang didapati berisiko, di luar suasana klinik. Pada masa ini terdapat sebanyak 220 program di seluruh Malaysia (126 berpusat di masyarakat, 52 berpusat di tempat kerja, dan 42 berpusat di sekolah), dengan seramai sekitar 8,000 peserta. Untuk tahun 2011, lebih kurang 22% peserta berjaya menurunkan berat badan, dan 69% telah memperbaiki tahap kolesterol di dalam darah. Program NCDP-1M ini juga digunakan mendapat sokongan dan untuk penyertaan aktif “JKKK” dan juga “Panel Penasihat Kesihatan” di seluruh Malaysia.

Dibawah Strategi Empat: Tindakan dengan NGO, Badan Profesional & lain-lain pihak berkepentingan; KKM telah mengendalikan Seminar Sokongan NSP-NCD Kebangsaan, yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 22 Mac 2011, yang dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan. Seminar ini dihadiri oleh lebih 70 wakil dari NGO-NGO, persatuan profesional, media dan persatuan sukan.

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (atau MySihat) pada 2011 telah meletakkan penekanan khas kepada program dan aktiviti berkaitan NCD. Sehingga August 2011, LPK telah membayar dana sebanyak RM 8.7 juta kepada 181 NGO untuk program dan aktiviti seperti berikut. Pada Disember 2011, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia telah menerbitkan beberapa modul latihan tentang pencegahan obesiti, pemakanan yang sihat, gaya hidup yang aktif dan berhenti merokok bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan NGO dalam menjalankan aktiviti.

Dibawah Strategi Lima: Pemantauan, Penyelidikan dan Pengawasan; Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) untuk faktor risiko NCD akan dijalankan setiap empat tahun bermula tahun 2011. Dahulunya, tinjauan ini diadakan setiap 10 tahun. Tambahan pula, beberapa petunjuk NCD telah dijadikan sebagai KPI KKM dan Ketua Pengarah Kesihatan.

Dibawah Strategi Enam: Pengukuhan Keupayaan; pada 29 November 2011, KKM (dibawah Bahagian Pemakanan) telah menganjurkan Seminar Peranan Media dalam Meningkatkan Taraf Pemakanan Rakyat Malaysia bagi meningkatkan peranan media dalam mempromosikan pemakanan sihat dikalangan rakyat Malaysia.

Akhir sekali, dibawah **Strategi Tujuh:** Campur tangan Dasar dan Peraturan bagi memperbaiki kesihatan murid, Kementerian Pelajaran bersetuju melaksanakan garis panduan baharu pemakanan sihat di sekolah, yang terdiri daripada tiga komponen (i) pengukuran BMI murid dua kali setahun dan melaporkan keputusan kepada ibubapa. Murid yang didapati obes pada dua kali bacaan yang berturut-turut akan di rujuk kepada kepada profesional penjagaan kesihatan; (ii) menu sihat di kantin sekolah; dan (iii) pemaparan kandungan kalori makanan yang dijual di kantin sekolah.

Lanjutan dari Mesyuarat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan yang telah diadakan pada 8 Disember 2011, KKM akan membangunkan garis panduan untuk mengawal pemasaran makanan dan minuman tidak beralkohol kepada kanak-kanak di Malaysia sebelum 2012. Ini diberi penekanan lagi oleh YB Menteri Kesihatan semasa dialog bersama ahli industri makanan dan minuman yang diadakan pada 16 Disember 2011 di Putrajaya. Semasa perjumpaan dengan ahli industri makanan dan minuman telah membuat beberapa komitmen untuk meningkatkan pengeluaran dan mempromosikan pilihan makanan yang sihat, dan memainkan peranan yang aktif dalam kerjasama di antara pelbagai sektor dengan KKM.

- **Penyertaan Malaysia Dalam Isu NCD di Peringkat Global**

Tahun 2011 telah menyaksikan NCD diletakkan di peringkat global, bukan sahaja di agenda berkaitan kesihatan, malah dalam agenda pembangunan ekonomi global. Malaysia telah menyertai secara aktif beberapa mesyuarat dan forum antarabangsa, dimana sidang kemuncaknya pada *United Nations Political Declaration on the Prevention and Control of Non-Communicable Diseases* di New York, AS.

a) *The Regional High-Level Meeting on Scaling Up Multi-Sectoral Action for Non-Communicable Disease Prevention and Control*, Seoul, Republik Korea (17-18 Mac 2011). Mesyuarat ini dihadiri oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia, yang dijemput untuk membentangkan kertas kerja di Sesi 4. Output utama mesyuarat adalah “Seoul Declaration on Non-Communicable Disease Prevention and Control in the WHO Western Pacific Region” yang akan bersinambungan kepada Mesyuarat Agung PBB Peringkat Tertinggi tentang Pencegahan dan Kawalan NCD

b) *The WHO Global Forum: Addressing the Challenge of NCDs* (27 April 2011) **dan *First Global Ministerial Conference on Healthy Lifestyles and NCD Control*** (28-29 April 2011), di Moscow, Russia. Malaysia diwakili rombongan yang diketuai Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Perjumpaan itu dihadiri oleh kesemua 192 Negara Ahli dengan lebih 600 peserta dan 92 Ahli yang diwakili oleh Menteri Kesihatan masing-masing. Output terakhir mesyuarat adalah penghasilan dokumen bertajuk “Moscow Declaration on NCDs”. Dokumen ini, bersama tujuh dokumen lain dihasilkan oleh rantau WHO berlainan sebagai hasil rundingan rantau yang diadakan sebagai proses penyediaan ke arah Mesyuarat Peringkat Tertinggi, akan disalurkan kepada Mesyuarat Agung Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Peringkat Tertinggi tentang NCD.

c) *Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-64*, Geneva, Switzerland (16-24 Mei 2011). Perwakilan dari Malaysia diketuai YBMK. Tema untuk mesyuarat kali ini adalah “Penyakit Tidak Berjangkit”. Seperti yang dipersetujui Resolusi WHA64.11, yang menyokong “Moscow Declaration on NCD”, Malaysia akan terus memberi sokongan teguh dalam persediaan Mesyuarat Agung Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Peringkat Tertinggi tentang NCD pada peringkat rantau dan antarabangsa.


d) *Mesyuarat Agung PBB Peringkat Tertinggi tentang Pencegahan Kawalan NCD*, New York, USA (19-20 September 2011). Perwakilan dari Malaysia diketuai YBMK. Mesyuarat ini merupakan peristiwa penting dalam sejarah kesihatan dan perkembangan global, dimana ia merupakan kali kedua isu berkaitan kesihatan dibincangkan pada peringkat forum sedunia. Pada mesyuarat ini, kesemua Negara Ahli sebulat suara menerima pakai Deklarasi Politik Pencegahan dan Kawalan NCD.

- **Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2011**

Pada awal 2011, YB Menteri Kesihatan mengarahkan KKM untuk menyemak semula pelaksanaan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS). Tempoh selang 10 tahun (yang dipraktikkan sebelum ini) merupakan terlalu jarang untuk mengawas perubahan dalam faktor risiko NCD di Malaysia. Bagi faktor risiko NCD, dipersetujui bahawa Malaysia akan menerima pakai metodologi WHO STEPwise, dan NHMS untuk Faktor Risiko NCD akan dijalankan setiap empat tahun, bermula 2011.

Seksyen NCD diketuai Kumpulan Kerja untuk tiga topik cth. Diabetes, Penyakit Darah Tinggi (Hipertensi) dan *Hypercholesterolaemia*. Prevalens faktor risiko penyakit tidak berjangkit (NCD) terus meningkat di Malaysia. NHMS 2011 menunjukkan prevalens diabetes di Malaysia telah meningkat 31.0% dalam jangka 5 tahun, dari 11.6% pada 2006 kepada kini 15.2%. Peningkatan ini kebanyakannya disumbangkan oleh peningkatan kadar “undiagnosed diabetes”. Prevalens “impaired fasting glucose” juga telah meningkat, dari 4.2% pada 2006 kepada 4.9% pada 2011 (Rajah 17).


RAJAH 17
PREVALENS DIABETES (≥ 18 TAHUN), NHMS III (2006) DAN NHMS 2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM


Bagi hipertensi, prevalens hanya meningkat sedikit dari 32.2% pada 2006 kepada kini 32.7%, peningkatan sebanyak 1.6%. Seperti diabetes, kira-kira 60.6% jumlah hipertensi adalah “undiagnosed hypertension” (Rajah 18). Prevalens *hypercholesterolaemia* telah meningkat sekali ganda dalam jangka masa lima tahun, dari 20.7% pada 2006 kepada prevalens kini 32.6%, peningkatan sebanyak 57.5%. Kadar “undiagnosed hypercholesterolaemia” berbanding “known hypercholesterolaemia” lebih ketara dengan 75.8% iaitu 3 daripada 4 dewasa di Malaysia dengan kolesterol tinggi didiagnosa (Rajah 19). Jurang antara yang didiagnos berbanding tidak diagnosa untuk ketiga-tiga penyakit lebih ketara dalam kumpulan umur yang lebih muda. Laporan Penuh NHMS 2011 untuk faktor risiko NCD akan diterbitkan pada suku pertama 2012.

RAJAH 18
PREVALENS HIPERTENSI (≥ 18 TAHUN), NHMS III (2006) DAN NHMS 2011




Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

RAJAH 19
PREVALENS OF HYPERCHOLESTEROLAEMIA (≥ 18 TAHUN), NHMS III (2006) DAN NHMS 2011



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

• Daftar Diabetes Kebangsaan (NDR)



Daftar Diabetes Kebangsaan (NDR) merupakan usaha oleh Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit dari Bahagian Kawalan Penyakit untuk mendapatkan data epidemiologi dan keputusan klinikal pesakit diabetes yang menerima rawatan di kemudahan penjagaan kesihatan di seluruh Malaysia.

Objektif khusus NCR adalah:

- (i) Pengumpulan data elektronik asas sosio-demografi dan hasil kesemua pesakit yang telah disahkan menghidap diabetes di Malaysia; dan
- (ii) Pengumpulan data klinikal elektronik untuk tujuan Audit Klinikal tahunan, untuk pesakit diabetes Type 2 yang disampel secara rawak di fasiliti penjagaan kesihatan yang telah ditentukan.

INC-Solution Sdn. Bhd. telah dilantik KKM untuk membangunkan aplikasi berasaskan sesawang dan membantu pemindahan teknologi bagi menggantikan sistem pendaftaran pesakit diabetes manual yang sedia ada dan aplikasi *stand-alone* Audit Klinikal Diabetes. Data dari pangkalan data "Audit of Diabetes Control and Management" (ADCM) dari CRC juga dipindahkan ke dalam aplikasi.

NDR telah aktif pada 1 Januari 2011, available at <http://ndr.moh.gov.my>. Sokongan teknikal dan pentadbiran disediakan melalui ndrsupport@moh.gov.my. Bagi implementasi fasa satu, pendaftaran pesakit untuk kesemua jenis pesakit (kecuali Diabetes Semasa Hamil, GDM) diperlukan bagi kesemua Klinik Kesihatan sahaja; tetapi, di beberapa negeri, pesakit di hospital KKM juga didaftarkan. NDR juga menyokong kemasukan data dan analisis untuk Audit Klinikal Diabetes NDR dan QA Diabetes di penjagaan primer.

• Reten Diabetes dan Diabetes QA di Penjagaan Primer, 2011

Pada 2011, terdapat 764,594 pesakit diabetes yang masih dalam rawatan "aktif" di 585 klinik kesihatan KKM yang menyediakan perkhidmatan diabetes diseluruh Malaysia. Pesakit tersebut menyumbang

kepada kedatangan sebanyak 3,123,981 di klinik kesihatan di KKM, iaitu sekitar 10% dari jumlah kedatangan pesakit luar.

Program Jaminan Kualiti (QAP) Diabetes pada peringkat penjagaan primer yang bertajuk “Kualiti Penjagaan Diabetes di Fasiliti Penjagaan Kesihatan KKM: Kawalan Glisemik” menunjukkan penurunan, dari 18.2% pada 2010 kepada 15.6% pada 2011. Salah satu faktor mungkin pelaksanaan Modul Klinikal Diabetes dalam NDR. Dibawah modul Audit Klinikal Diabetes NDR, sistem memilih secara rawak pesakit untuk diaudit dan akan menjana senarai audit untuk setiap klinik kesihatan. Kesemua 100% pesakit yang terpilih perlu diaudit, dan masalah timbul apabila klinik tidak mengemaskini status pesakit yang tiada rawatan susulan, maka, pesakit tersebut tidak mempunyai data 1 tahun yang lepas (oleh itu tiada data atau tidak lengkap). Bagi pelaksanaan 2012, penekanan diberikan bahawa semua klinik perlu mengemaskini status pesakit di dalam daftar secara berterusan.

Program Bencana Kesihatan Persekitaran – Banjir

Pada 2011, beberapa negeri di Malaysia telah dilanda banjir. Ia bermula pada awal 2011 melibatkan Terengganu dan pada penghujung 2011 melibatkan Kelantan, Pahang, Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Perlis, Perak dan Selangor. Banjir disebabkan beberapa faktor, termasuk hujan yang lebat, kesan air pasang, dan keadaan topografi yang ditambah lagi dengan paras air yang meningkat di empangan.

KKM telah menggerakkan 3,146 pasukan (1,317 pasukan perubatan dan 1,829 pasukan kesihatan) untuk pencegahan dan kawalan berkaitan banjir. Jenis penyakit yang dilaporkan di kalangan mangsa banjir adalah, 5,079 penyakit berjangkit, 8,989 penyakit tidak berjangkit dan 94 kecederaan. Empat kematian akibat banjir dilaporkan tahun lepas.

Sebanyak 81 kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) beroperasi pada 2011 dengan 243 sesi latihan dijalankan pada tiga sesi yang berturutan. KKM melaksanakan beberapa perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk memastikan kesihatan pelatih semasa berada di kem. Perkhidmatan terdiri daripada pemeriksaan risiko kesihatan di kem, perkhidmatan perubatan dan Pendidikan kesihatan tentang HIV/AIDS. Penilaian kesihatan kem PLKN merupakan aktiviti rutin bagi memastikan sanitasi kebersihan kawasan tersebut. Sebanyak 243 penilaian risiko kesihatan dijalankan pada 2011. Bilangan kem PLKN yang mendapat markah 80% semasa penilaian sebelum dan selepas sesi latihan adalah seperti ditunjukkan di Jadual 8.

JADUAL 8
PENILAIAN RISIKO KESIHATAN DI KEM PLKN PADA 2011

	Sesi 1		Sesi 2		Sesi 3	
	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
Markah >80%	29 kem (36.7%)	39 kem (49.4%)	32 kem (39%)	38 kem (46.3%)	39 kem (47.6%)	56 kem (68.4%)

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Objektif adalah untuk memastikan sanitasi dan keselamatan persekitaran di kem, disamping mengelakkan kejadian yang tidak diingini seperti kemalangan dan wabak penyakit berjangkit. Penilaian termasuk:

- Keselamatan bekalan air dan persekitaran rekreasi
- Kawalan Vektor
- Penilaian dapur kem dan dewan makan
- Keselamatan dan keselesaan bangunan

Pensampelan air untuk pengesanan leptospira dijalankan bagi memastikan keselamatan kolam untuk aktiviti pelatih.

JADUAL 9
PENSAMPELAN AIR UNTUK PENGESANAN LEPTOSPIRA DI PLKN

Leptospira	Sesi 1	Sesi 1	Sesi 1
Dikesan	32	39	19
Tidak Dikesan	41	30	46
Jumlah sampel	73	69	65

Sumber : Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

- **Wabak Penyakit di kem PLKN di Malaysia 2011**

Terdapat 31 episod wabak penyakit yang dilaporkan dari kem PLKN pada 2011. Wabak tertinggi adalah berpunca dari keracunan makanan (16 episod). Penyakit lain adalah *Influenza-Like Illness* (ILI) (7), Rubella/Campak (5), Cacar Air (1), Konjungtivitis (1) dan TRO Leptospirosis (1).

- **Depot Tahanan Imigresen**

Terdapat 13 Depot Tahanan Imigresen (DTI) di seluruh negara. KKM menyediakan penjagaan kesihatan kepada tahanan sebagai perkhidmatan pesakit luar, dengan rujukan kepada klinik kesihatan terdekat untuk rawatan lanjut. Pasukan bergerak perubatan melawat depot setiap dua minggu untuk memberikan rawatan dan rujukan jika perlu. Tambahan pula, pasukan ini menjalankan penilaian tahap kebersihan secara berkala di depot. Dari 13 DTI yang diperiksa, 8 (61.5%) didapati mempunyai kepadatan penghuni yang tinggi dan sesak.

- **Penjara**

Terdapat 29 penjara yang beroperasi pada 2011. Jabatan Kesihatan Negeri menjalankan pemeriksaan risiko kesihatan untuk penjara di negeri masing-masing untuk meningkatkan kesihatan dan keselamatan. Daripada 25 penjara yang di periksa, 8 penjara (32%) didapati mempunyai kepadatan penghuni yang tinggi dan sesak.

PERKEMBANGAN KESIHATAN KELUARGA

Perkhidmatan Penjagaan Ibu Mengandung dan Perinatal

- **Penjagaan Kesihatan Ibu Mengandung**

Jumlah anggaran ibu mengandung untuk Malaysia menurun dari 587,479 pada 2010 kepada 565,072 pada 2011 (Jadual 10). Liputan penjagaan antenatal meningkat secara mendadak dari 83.9% pada 2010 kepada 97.3% pada 2011. Peningkatan ini mungkin disebabkan oleh penambahbaikan pengumpulan data dari fasiliti bukan awam. Jumlah purata lawatan antenatal oleh ibu mengandung menurun sedikit dari 10.3 pada 2010 kepada 9.8 pada 2011. Liputan imunisasi tetanus toksoid untuk ibu mengandung meningkat dari 84.6% pada 2010 kepada 88.3% pada waktu yang sama. Liputan postnatal menurun dari 99.7% pada 2010 kepada 98% pada 2011. Kelahiran yang disambut oleh personel penjagaan kesihatan yang terlatih meningkat dari 98.6% pada 2010 kepada 99% pada 2011. Hanya 1.0% kelahiran disambut oleh personel tidak terlatih (Rajah 20).


JADUAL 10
LIPUTAN KESIHTAN IBU MENGANDUNG DI MALAYSIA, 1990, 2000, 2009-2011

	1990	2000	2009	2010	2011
Anggaran Ibu Mengandung	676,382	691,664	542,382	587,479	565,072
Liputan Penjagaan Antenatal	528,029 78.1%	517,138 74.8%	491,980 90.7%	483,136 82.2%	550,104 97.3%
Purata Lawatan Antenatal per Ibu	6.6	8.5	9.9	10.4	9.8
Liputan Imunisasi Tetanus Toksoid (dos ke 2 & Booster)	414,445 81.7%	449,608 86.8%	418,569 77.2%	432,581 84.7%	451,323 88.3%
Jumlah Kelahiran	476,196	507,900	445,051	439,221	448,886
Liputan Penjagaan Postnatal	318,953 67.0%	417,232 82.1%	420,530 94.5%	438,003 99.7%	439,927 98%

Nota: Anggaran kelahiran hidup digunakan sebagai denominator untuk liputan Tetanus Toksoid (WHO)

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM dan Bahagian Perkembangan Kesihatan Keluarga, KKM

RAJAH 20
PERATUS KELAHIRAN YANG SELAMAT DI MALAYSIA, 2011




Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

• Kematian Ibu Maternal, Perinatal and Neonatal Mortaliti

Nisbah Kematian Ibu (MMR) kekal pada 27 per 100,000 kelahiran hidup (LB) sejak 2004 (Rajah 21). Sasaran MDG 5 untuk MMR mencapai 11/100,000 LB menjelang 2015. MMR preliminari dari Jabatan Statistik menunjukkan 27.3/100,000 LB pada 2010. Sebab utama adalah embolisme obstetrik, pendarahan setelah persalinan, masalah perubatan yang berkaitan, dan penyakit tekanan darah tinggi semasa mengandung.

RAJAH 21
NISBAH KEMATIAN IBU DI MALAYSIA, 2000-2010




Nota: Maklumat untuk 2010 adalah permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Kadar kelahiran mati (stillbirth), kematian perinatal dan neonatal tidak bertambah baik sejak 2000. Kelahiran mati meningkat dari 3.9 per 1,000 jumlah kelahiran pada 2000 kepada 4.6 pada 2010 (Rajah 22). Pada tempoh waktu yang sama, kadar kematian perinatal meningkat 6.6 kepada 7.8 dan kadar kematian neonatal menurun sedikit dari 4.5 kepada 4.4. Punca utama kematian perinatal adalah 'kelahiran mati termaserat yang sifatnya normal', 'kondisi asfiksial' dan 'masalah kongenital yang membawa maut'. 'Tidak matang', 'masalah kongenital yang membawa maut' dan 'kondisi asfiksial' merupakan sebab utama kematian neonatal. Memperbaiki dan menyediakan penjagaan berkualiti semasa pra kehamilan dan sewaktu tempoh kehamilan boleh mengurangkan lagi kematian perinatal.

RAJAH 22
KADAR KEMATIAN PERINATAL DAN NEONATAL, MALAYSIA, 2000-2010



Nota: Maklumat untuk 2010 adalah permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

- **Jaundis Neonatal dan Kekurangan G6PD**

363,754 bayi baru lahir disaring untuk G6PD pada 2011 berbanding 334,244 pada 2010. Peratusan kekurangan G6PD kekal sebanyak 1.6% pada 2011 (Jadual 11).

JADUAL 11
KEKERAPAN DAN PERATUS KEKURANGAN G6PD, 2010-2011

	2010	2011
Bilangan kes yang disaring	334,244	363,754
Bilangan kekurangan G6PD	5,632	5,869
% kekurangan G6PD	1.6	1.6

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

- **Program Pencegahan dan Kawalan Talasemia**

Pada 2011, 338,739 individu disaring untuk talasemia dimana 4,859 (1.4%) didapati pembawa (Jadual 12). Kumpulan sasaran untuk saringan opportunistik adalah remaja dan golongan muda sebaiknya sebelum mereka berkahwin dan juga mereka yang ada sejarah keluarga talasemia. Saringan juga diadakan untuk ibu mengandung yang menghadapi anemia.

JADUAL 12
BILANGAN KES DISARING UNTUK TALASEMIA, 2010-2011

	Bilangan kes disaring untuk Talasemia						Pembawa Talasemia	
	Lelaki		Perempuan		Jumlah		Number	%
	≤19	>19	≤19	>19	≤19	>19		
2010	29,431		157,746		187,177		4,197	2.2
2011	18,690	41,325	30,992	247,732	49,682	289,057	4,859	1.4

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan, KKM

- **Confidential Enquiry into Maternal Deaths (CEMD)**

Satu bengkel untuk memperkenalkan konsep CEMD dikendalikan oleh WHO pada 1 hingga 4 November 2011 di Hotel Park Royal, Kuala Lumpur. Perwakilan dari Vietnam, Laos, Kemboja, DPR Korea, Papua New Guinea dan Filipina mengamati proses dan amalan pengendalian CEMD di peringkat negeri dan kebangsaan. Mereka juga membincangkan dengan pengurus dan penyelaras program tentang pengalaman dan masalah mereka dalam menubuhkan sistem yang serupa di negara masing-masing.

Data yang dikumpul dari sektor swasta telah bertambah baik menghasilkan gambaran yang lebih tepat penggunaan penjagaan kesihatan. Pengawasan dan penilaian strategi untuk menambak baik keperluan kesihatan ibu dan kanak-kanak perlu ditingkatkan bagi memastikan MDG 4 dan 5 dicapai pada 2015. Program saringan untuk talasemia perlu diperkukuhkan bagi memastikan populasi sasaran disaring.

Kesihatan Kanak-kanak

- **Kedatangan baru bayi, kanak-kanak kecil dan kanak-kanak pra-sekolah di klinik kesihatan**

Liputan bayi (kes baru 0-<1 tahun) menghadiri klinik kesihatan pada 2011 adalah 517,385 (80.29%), 777,152 (41.10%) untuk kanak-kanak kecil (kes baru 1-4 tahun) dan 183,743 (18.01%) untuk kanak-kanak pra-sekolah (kes baru 5-6 tahun). Purata lawatan ke klinik setiap bayi, kanak-kanak kecil dan

kanak-kanak pra-sekolah adalah masing-masing 7, 4 dan 2. Purata kedatangan adalah kurang dari norma sebanyak 8 kedatangan untuk bayi (0-<1 tahun), 10 kedatangan untuk kanak-kanak kecil (1-4 tahun) dan 2 kedatangan untuk kanak-kanak pra-sekolah 5-6 tahun.

- **Imunisasi Kebangsaan**

Sasaran untuk kesemua liputan imunisasi adalah > 95.0%. Pada 2011, liputan imunisasi untuk DPT dos ke 3 adalah 99.54%, Polio dos ke 3 adalah 99.53%, 99.54% untuk Hib dos ke 3, dan 97.14 untuk Hep.B dos ke 3 dan 96.04% untuk MMR.

JADUAL 13
LIPUTAN IMUNISASI KEBANGSAAN, MALAYSIA 2011

Liputan Imunisasi									
*DPT (Dos ke3)		*Polio (Dos ke3)		*Hib (Dos ke3)		*Hep. B (Dos ke3)		**MMR	
No.	%	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%
489,104	99.54	489,035	99.53	489,083	99.54	477,312	97.14	471,442	96.10

*Nota: Denominator yang digunakan *Anggaran kelahiran hidup (2011) ** Anggaran bilangan kanak-kanak 1-<2 tahun (2010)*
Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM dan Bahagian Perkembangan Kesihatan Keluarga, KKM

- **Saringan Hipotiroidisme Kongenital Kebangsaan**

Pada 2011, terdapat 116 hospital kerajaan yang menyediakan program saringan hipotiroidisme kongenital. 34 hospital swasta dilaporkan menjalankan program saringan. 143 kes dikesan, 128 dikesan oleh hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan 15 kes dikesan oleh hospital swasta.

- **Pengurusan Bersepadu Penyakit Kanak-Kanak**

Pahang, Sabah, Sarawak dan Kelantan telah melaksanakan Pengurusan Bersepadu Penyakit Kanak-Kanak (*Integrated Management of Childhood Illness, IMCI*) di klinik kesihatan dan klinik desa yang terpilih. IMCI merupakan salah satu strategi untuk mengurangkan morbiditi dan kematian di kalangan kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah. Secara keseluruhannya, 77 Klinik Kesihatan, 64 Klinik Desa dan satu Klinik Kesihatan Ibu dan Anak terlibat dalam pelaksanaan IMCI.

- **Kematian Kanak-kanak Di Bawah umur 5 Tahun**

Salah satu aktiviti dan inisiatif kearah mencapai Matlamat Pembangunan Milenium 4 (MDG 4), kesemua notifikasi Kematian Kanak-kanak di bawah umur 5 Tahun dan sistem siasatan telah dilaksanakan di semua negeri bermula Julai 2011. Notifikasi kematian ke peringkat kebangsaan dalam tempoh masa 24 jam dari kematian dan hasil siasatan perlu dikemukakan dalam tempoh masa 14 hari dari kematian. Sistem notifikasi dan siasatan ini adalah untuk kematian kanak-kanak dan bayi berumur 28 hari hingga ke <5 tahun. Kematian bayi berumur 27 hari dan ke bawah akan disiasat dalam sistem PNM yang telah mantap.

Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

- **Liputan Perkhidmatan**

Seramai 1.68 juta kanak-kanak prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah diperiksa dan disaring pada 2011. Liputan oleh Jururawat dan Pembantu Pegawai Perubatan Kesihatan Sekolah kekal melebihi 95 peratus bagi semua tahun persekolahan yang diperiksa.

- Imunisasi Kesihatan Sekolah**

Sasaran liputan vaksinasi kesihatan sekolah 2011 telah ditetapkan pada 95% dan sasaran ini tercapai pada 2011 untuk semua jenis vaksin. *Booster* DT, *Oral booster* Polio dan *booster* MMR untuk Darjah 1 adalah 96.5%, 98.2% dan 95.8%. *Booster* ATT untuk Tingkatan 3 adalah 96.6%. Perbandingan untuk liputan bagi 3 tahun terbaru ini ditunjukkan dalam Jadual 14.

JADUAL 14
PERATUSAN MURID DARJAH 1 DAN TINGKATAN 3 YANG MENDAPAT IMUNISASI, 2009-2011

TAHUN	DT BOOSTER			ORAL POLIO BOOSTER			MMR BOOSTER			ATT		
	2009	2010	2011	2009	2010	2011	2009	2010	2011	2009	2010	2011
Darjah 1	97.7	97.9	96.5	97.7	98	98.2	97.6	97.7	95.8	-	-	-
Tingkatan 3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	97.1	97.4	96.6

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

- Status Kesihatan Murid**

Masalah Ketajaman Penglihatan merupakan morbiditi tertinggi yang dikesan di kalangan murid sekolah pada 2011. Kadar pengesanan ketajaman penglihatan adalah 74.1, 59.1 dan 42.9 untuk setiap 1,000 murid Darjah 1, Darjah 6 dan Tingkatan 3 yang diperiksa. Bagi 2011, status pemakanan murid adalah seperti ditunjukkan di Jadual 15

JADUAL 15
TABURAN STATUS PEMAKANAN POPULASI SEKOLAH MENGIKUT TAHUN, 2009-2011

Status Pemakanan	Darjah 1			Darjah 6			Tingkatan 3		
	2009	2010	2011	2009	2010	2011	2009	2010	2011
Kurang Berat	11.4 %	9.7 %	7.6%	8.7 %	7.7 %	6.0%	7.5 %	6.6 %	5.2%
Berat Normal	73.4 %	80.2 %	81.2%	70.9 %	76.9 %	76.7%	74.6 %	80.9 %	81.5%
Risiko Obes	6.7 %	5.9 %	5.4%	8.8 %	9.4 %	8.9%	7.2 %	7.7 %	7.2%
Obes	6.0 %	5.9 %	5.5%	8.8 %	9.0 %	8.1%	7.1 %	6.6 %	6.0%

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Morbiditi berkaitan kebersihan diri terus menurun bagi kesemua peringkat umur yang diperiksa. Menurut perbandingan kumpulan umur, pra sekolah dan murid tahun 1 mempunyai insidens lebih tinggi jangkitan skabies, kutu rambut dan infestasi cacing. Morbiditi lain kekal rendah di kalangan murid sekolah Malaysia seperti ditunjukkan di Jadual 16.

JADUAL 16
KADAR PENGESANAN MOBIDITI LAIN DI KALANGAN MURID SEKOLAH
(PER 1,000 MURID SEKOLAH), 2011

	Pra sekolah	Darjah 1	Darjah 6	Tingkatan 3
Jangkitan mata	0.29	0.29	0.34	0.15
Jangkitan telinga	0.50	0.53	0.49	0.16
Penyakit kulit	18.66	16.31	25.42	20.66
Pucat	0.11	0.16	0.10	0.09
Goiter	0.02	0.05	0.14	0.28
Asma	10.97	8.84	8.35	6.40
Penyakit jantung	0.27	0.95	0.73	0.59
Penyakit gastrointestinal	0.06	0.14	0.19	0.29
Penyakit genitourinari	0.18	0.83	0.15	0.07
Masalah muskuloskeletal	0.19	0.36	1.03	0.18

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

• Imunisasi HPV

KKM telah memperkenalkan imunisasi HPV secara sukarela sebagai strategi pencegahan dan kawalan barah pangkal rahim (serviks) di Malaysia pada 2010 dan akan dilaksanakan sebagai sebahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah. Dijangka insiden kanser serviks di Malaysia akan menurun secara mendadak dikalangan populasi perempuan pada 20 hingga 30 tahun akan datang.

Imunisasi HPV disasarkan kepada warganegara Malaysia perempuan berumur 13 tahun yang bersekolah dan yang tidak bersekolah. Gadis Tingkatan satu yang menerima 3 dos vaksinasi di sekolah manakala mereka yang tidak bersekolah menerima vaksinasi di klinik kesihatan. Lapan negeri mula melaksanakannya pada 2010 bermula dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya diikuti oleh Kelantan, Perak, Selangor, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Negeri lain; Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mula melaksanakan kohort pada 2011 (Jadual 17).

Bagi kohort 2010, kadar penerimaan ibubapa adalah 95.9% dan ini meningkat kepada 97.6% pada 2011. Penyempurnaan menyeluruh dos ketiga adalah 97.9 pada 2010 dan meningkat kepada 98.3 pada 2011. Kesan mudarat berikutan imunisasi adalah kurang dari 1 peratus di kedua-dua kohort dan tiada kesan teruk dilaporkan pada 2010 hingga 2011.

JADUAL 17
JADUAL PELAKSANAAN IMUNISASI HPV PADA 2010 & 2011

Negeri	Tarikh Pelaksanaan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	16 Ogos 2010
Perak	23 Ogos 2010
Kelantan	24 Ogos 2011
Johor	29 Ogos 2010
Perlis	8 September 2010
Selangor	20 September 2010
Negeri Sembilan	20 September 2010
Melaka	4 Oktober 2010

Negeri	Tarikh Pelaksanaan
Kedah	3 Januari 2011
Pulau Pinang	17 Januari 2011
Terengganu	16 Januari 2011
Sarawak	17 Januari 2011
Pahang	17 Januari 2011
Wilayah Persekutuan Labuan	21 Januari 2011
Sabah	28 Januari 2011

Sumber: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Kesihatan Remaja

Pada 2011, seramai 230,638 remaja berumur 10 hingga 19 tahun disaring untuk masalah fizikal (9.8%), pemakanan (6.2%), kelakuan yang berisiko (2.4%) mental (1.7%) dan kesihatan seksual (1.2%) di klinik kesihatan di seluruh negara. Ini menyumbang kepada 4.2 % daripada jumlah populasi remaja yang disaring. Seramai 37,851 remaja telah diberi kaunseling dan 20,593 dirujuk kepada hospital atau agensi lain untuk rawatan lanjutan. Bilangan klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan remaja telah meningkat dari 661 (81.8%) kepada 734 (91%) dari 2010 ke 2011. Pada 2011, 58 sesi latihan tentang penjagaan kesihatan remaja dan kaunseling dijalankan seluruh negara melibatkan 1,544 staf penjagaan kesihatan (doktor dan paramedik).

Peratusan bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif dikalangan bayi berumur 4 bulan yang menghadiri temujanji di klinik kesihatan kerajaan telah meningkat dari 37.7% (2010) kepada 44.9% (2011) (Rajah 39).


RAJAH 39
AMALAN PENYUSUAN IBU SECARA EKSKLUSIF PADA UMUR 4 BULAN, 2009-2011



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif dikalangan bayi berumur 6 bulan yang menghadiri termujanji di klinik kesihatan juga meningkat dari 16.2% (2010) kepada 23.3% (2011) (Rajah 40).


RAJAH 40
AMALAN PENYUSUAN IBU SECARA EKSKLUSIF PADA UMUR 6 BULAN, 2009-2011



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Pada 2011, 77.6% bayi yang berumur 6 hingga 10 bulan yang menerima makanan tambahan pada masa yang sesuai berbanding 72.2% pada 2010 (Rajah 41).

RAJAH 41
AMALAN PEMBERIAN MAKANAN TAMBAHAN PADA MASA YANG SESUAI PADA 6 BULAN, 2009-2011



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2011

Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia disambut seluruh dunia pada 1-7 Ogos setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penyusuan susu ibu dikalangan ibu. Di Malaysia, sambutan ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia pada 25 Julai 2011 di Hotel Istana, Kuala Lumpur dengan tema *“Talk to Me! Breastfeeding – A 3D Experience”*.

GAMBAR 6
MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA 2011, MALAYSIA



Pelancaran majlis oleh Yang Berbahagia Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia




Peserta menghadiri sambutan

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Kod etika bagi Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan

Kod etika bagi Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan telah dilaksanakan di Malaysia sejak 1979 sebagai salah satu inisiatif oleh KKM untuk melindungi, menggalakkan dan menyokong penyusuan susu ibu. Pada 2011, sebanyak 77 bahan berkaitan makanan bayi dan produk berkaitan disemak. Daripada jumlah tersebut, 54 (70.1%) bahan diberikan kod kelulusan oleh Jawatankuasa Penapisan.

RAJAH 42
MAKLUMAT PENAPISAN BAHAN DAN PRODUK BERKAITAN PRODUK MENGGANTIKAN SUSU IBU DAN MAKANAN TAMBAHAN




Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Status Pemakanan Kanak-kanak bawah Lima Tahun di Malaysia

KKM memantau status pemakanan kanak-kanak dibawah lima tahun melalui pemantauan pemakanan dibawah Sistem Pengurusan Maklumat Kesihatan. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 43, status pemakanan kanak-kanak dibawah lima tahun terus bertambah baik tahun demi tahun. Pada 2011, peratusan kanak-kanak dengan berat badan normal meningkat dari 94.6% kepada 95.0% manakala terdapat penurunan peratusan kanak-kanak yang kekurangan berat badan secara sederhana dan teruk dari 4.7% pada 2010 kepada 4.1% pada 2011. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit peningkatan peratusan kanak-kanak yang berlebihan berat badan dari 0.8% pada 2010 kepada 0.9% pada 2011.

RAJAH 43
STATUS PEMAKANAN KANAK-KANAK DI BAWAH 5 TAHUN DI MALAYSIA, 2000-2011



Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Program Rehabilitasi untuk Kanak-Kanak Kurang Zat Makanan

Program Rehabilitasi untuk Kanak-Kanak Kurang Zat Makanan, juga dikenali sebagai Program Bakul Makanan, dijalankan untuk merehabilitasi kanak-kanak kurang zat makanan dari isi rumah yang miskin tegar. Pada 2010, KKM telah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengedarkan Bakul Makanan 1AZAM untuk merehabilitasi kanak-kanak kurang zat makanan dari isi rumah yang miskin tegar. Sebanyak 4,767 kanak-kanak kurang zat makanan menerima bakul makanan pada 2011. Daripada jumlah tersebut, 27.8% berjaya direhabilitasi (Jadual 31). Manakala, pada 2011, sebanyak 7,211 kanak-kanak dari isi rumah miskin menerima bakul makanan melalui Bakul Makanan 1AZAM dan 20.4% berjaya direhabilitasi.

JADUAL 31
BILANGAN KANAK-KANAK YANG MENERIMA BAKUL MAKANAN DALAM PROGRAM REHABILITASI UNTUK KANAK-KANAK KURANG ZAT MAKANAN DAN PERATUS YANG TELAH DIREHABILITASI, 2001-2011

Tahun	Bil. Penerima	Bil. Penerima yang Berjaya Direhabilitasi	% penerima Berjaya Direhabilitasi
2001	5,125	1,089	21.2
2002	5,021	1,020	20.3
2003	5,137	899	17.5
2004	4,986	1,054	21.1
2005	6,429	1,255	19.5
2006	5,805	1,561	26.9
2007	5,590	1,733	31.0
2008	4,793	1,871	39.0
2009	5,134	1,304	25.7
2010	4,697	1,464	31.2
2011	4,767	1,327	27.8

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Kembara Riang Ria Pemakanan di Sekolah Rendah

Sejajar dengan usaha KKM untuk memperbaiki status nutrisi murid sekolah, program 'Kembara Riang Ria Pemakanan' dilancarkan pada 21 April 2011 di Sekolah Wawasan USJ 15, Subang Jaya, Selangor.

Acara ini dilancarkan oleh YBMK, Dato' Sri Liow Tiong Lai. Objektif program adalah:

- Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran murid sekolah tentang amalan pemakanan sihat
- Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran ibubapa dan guru sekolah tentang amalan pemakanan sihat dan penyediaan makanan sihat untuk kanak-kanak
- Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran operator kantin sekolah tentang penyediaan makanan sihat untuk murid sekolah

RAJAH 7 KEMBARA RIANG RIA PEMAKANAN



Pelancaran 'Kembara Riang Ria Pemakanan' di sekolah rendah



Penerangan tentang Piramid Makanan oleh YBMK Dato' Sri Liow Tiong Lai kepada murid sekolah.

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Promosi Makanan Sihat di Pasar Raya

Promosi Makanan Sihat di Pasar Raya dilancarkan pada 8 Oktober 2011 di Giant Hypermarket Shah Alam, Selangor. Acara dirasmikan oleh YBMK, Dato' Sri Liow Tiong Lai dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).

Aktiviti utama semasa acara tersebut adalah 'Kembara Pemakanan Sihat'. Peserta dibawa kepada 5 bahagian makanan dan diberi penerangan ringkas tentang pemakanan sihat. Bahagian tersebut adalah nasi, buah-buahan dan sayur-sayuran, tenusu, ikan, lemak dan minyak masak dan juga pembacaan label.

Bahagian lain yang mengambil bahagian dalam acara ini; Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Bahagian Kesihatan Pergigian dan Bahagian Pendidikan Kesihatan. Agensi kerajaan juga menyumbang terhadap kejayaan acara ini, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Chef selebriti, Chef Zaidah dijemput untuk mengadakan demonstrasi masakan semasa acara.

RAJAH 8 KEMBARA PEMAKANAN SIHAT



Demonstrasi Masakan



Pelancaran

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Seminar Penyediaan Makanan Sihat Ketika Mesyuarat di Sektor Kerajaan

Aktiviti ini diadakan pada 7 Disember 2011 di Dewan Utama Aras 9, Blok E12, Kementerian Pendidikan dengan penyertaan wakil dari 20 Kementerian dan 13 Institusi dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Objektif seminar adalah untuk meningkatkan pengetahuan tentang prinsip penyajian makanan sihat semasa mesyuarat.

Topik yang disentuh adalah Beban Penyakit Tidak Berjangkit dan Situasi Pemakanan di Malaysia, Pelaksanaan Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat. Sesi amali penyajian makanan sihat semasa mesyuarat dijalankan serta pameran makanan tulen.

GAMBAR 9 SEMINAR PENYEDIAAN MAKANAN SIHAT



Sesi Amali




Pameran Makanan

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Perkhidmatan Kaunseling Pemakanan di Klinik Kesihatan Kerajaan

Perkhidmatan kaunseling pemakanan oleh pakar pemakanan terlatih ditawarkan kepada pesakit yang dirujuk kepada Pakar Kesihatan Keluarga atau Pegawai Perubatan di Klinik. Sebanyak 72,610 pesakit di seluruh negara diberikan kaunseling pemakanan pada 2011 terutamanya kes NCD seperti diabetes, tekanan darah tinggi, berlebihan berat badan dan obes serta kes lain seperti kurang berat badan dan anaemia.

RAJAH 43
JENIS KES DAN BILANGAN PESAKIT DIBERI KAUNSELING OLEH PAKAR PEMAKANAN, 2011



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Pusat Informasi Pemakanan dan Dapur Sihat Masyarakat

Pusat informasi pemakanan (PIP) bertindak sebagai perantara untuk penyebaran maklumat pemakanan kepada orang awam manakala kewujudan Dapur Sihat Masyarakat (DSM) adalah untuk mempertingkatkan pelaksanaan dan keberkesanan aktiviti promosi kesihatan oleh personel kesihatan. 15 PIP dan 57 DSM ditubuhkan di seluruh negara.

Pelbagai aktiviti pemakanan dan aktiviti berkaitan makanan dijalankan oleh PIP dan DSM demi kebaikan masyarakat seperti saringan status pemakanan, kaunseling pemakanan, demonstrasi masakan, percubaan resipi dan ceramah pemakanan.

Aktiviti utama dijalankan oleh Pusat Informasi Pemakanan di Putrajaya adalah saringan status pemakanan dan perkhidmatan kaunseling. Sejumlah 3602 pelanggan telah mengunjungi PIP pada 2011 termasuk pelanggan baru dan sedia ada. Kebanyakan pelanggan adalah penjawat awam dari Kompleks E, Presint 1, Putrajaya.

GAMBAR 10
PUSAT INFORMASI PEMAKANAN DAN DAPUR SIHAT MASYARAKAT



Kaunseling Pemakanan di PIP, Putrajaya



Demonstrasi Masakan di Dapur Sihet Masyarakat

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM


PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM

Pencapaian Aktiviti Pendakwaan Perundangan Kesihatan Awam

Pencapaian Aktiviti Pendakwaan dibawah Undang-undang Kesihatan Awam bagi tahun 2011, sejumlah 8,184 kes telah dihadapkan ke mahkamah dan sejumlah 2,528 kes didapati bersalah dengan jumlah denda sebanyak RM 1,715.085.00. Pecahan mengikut Akta adalah seperti berikut:


- i. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSP 1975)
 - Sejumlah 1,944 kes telah dihadapkan ke mahkamah
 - Sebanyak 609 kes didapati bersalah dibawah Seksyen 13 DDBIA 1975
 - Jumlah denda yang dikenakan adalah sebanyak RM 281,080.00
- ii. Akta Makanan 1983
 - Sejumlah 1,191 kes telah dihadapkan ke mahkamah
 - Sebanyak 1,027 kes didapati bersalah
 - Jumlah denda yang dikenakan adalah sebanyak RM 1,178,800.00
- iii. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004
 - Sejumlah 5,049 kes telah dihadapkan ke mahkamah
 - Sebanyak 892 kes didapati bersalah
 - Jumlah denda yang dikenakan adalah sebanyak RM 225,205.00

RAJAH 44
BILANGAN KES MAHKAMAH DIBAWAH PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM, 2011




Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

RAJAH 45
KUTIPAN DENDA DI BAWAH PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM, 2011



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

RAJAH 46
PENALTI DI BAWAH PERUNDANGAN KESIHATAN AWAM, 2011



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Pengeluaran Lesen Fumigasi

Dibawah Akta Hidrogen Sianid (Fumigasi) 1953 bagi tahun 2011, sebanyak 227 lesen dikeluarkan kepada 22 pemohon baru yang telah lulus peperiksaan fumigasi dan 205 kepada pemegang lesen sediaada.

Peperiksaan Fumigasi KKM

Akta Hidrogen Sianid (Fumigasi) 1953 (Disemak 1981) dan Akta Hidrogen Sianid (Fumigasi) 1953 memerlukan sesiapa yang menggunakan hidrogen sianid perlu mendapatkan lesen dari KKM. Dalam akta ini, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia boleh mengeluarkan lesen kepada sesiapa yang kompeten untuk menjalankan fumigasi menggunakan kedua-dua bahan.

Bagi memastikan tahap kompetensi operator fumigasi, kesemua pemohon baru sebagai Operator Berlesen perlu menduduki peperiksaan. Bagi 2011, peperiksaan fumigasi diadakan pada 18- 20 Julai 2011 di Stesen Kuarantin di Jabatan Pertanian, Serdang, Selangor. Seramai 40 calon menduduki peperiksaan dan 14 calon telah berjaya lulus.

GAMBAR 11
PEPERIKSAAN FUMIGASI



Calon menduduki peperiksaan bertulis mengenai peralatan fumigasi



Peperiksaan amali aspek keselamatan

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

KESIMPULAN

Sepanjang 2011, perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program pencegahan dan kawalan penyakit dan aktiviti dijalankan seperti yang dirancang. Pencapaian bagi aktiviti tersebut harus mendapat pujian, namun masih terdapat ruang untuk ditambahbaik dan diperkukuhkan lagi bagi menghadapi cabaran masa hadapan oleh pelbagai senario penyakit dan masalah kesihatan yang sentiasa berubah.

5 | Perubahan

PENGENALAN

Program Perubatan, diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), bertanggungjawab perihal berkaitan perkhidmatan perubatan yang disediakan di hospital. Program ini terdiri daripada lima bahagian; Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Akta Perubatan, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Bahagian Kejururawatan dan Bahagian Telekesihatan.

Bahagian Perkembangan Perubatan bertanggungjawab untuk penetapan dasar dan pelaksanaan, perancangan dan pembangunan perkhidmatan perubatan. Matlamat utamanya adalah untuk menyediakan perkhidmatan perubatan yang komprehensif yang menyokong penjagaan kesihatan primer, selaras dengan dasar dan piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dengan memanfaatkan teknologi yang sesuai ke arah mencapai kesihatan dan kualiti hidup penduduk yang lebih baik. Fungsi-fungsi Bahagian ini dijalankan oleh empat bahagian iaitu Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, Pembangunan Profesional Perubatan, Penjagaan Kualiti Perubatan dan Penilaian Teknologi Kesihatan.

Objektif utama Bahagian Amalan Perubatan adalah menggubal, meminda dan menguatkuasa mana-mana Akta dan Peraturan yang berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan perubatan. Ia juga menangani aduan serta isu-isu pertikaian perundangan, dan menyediakan kepakaran teknikal dalam sektor liberalisasi penjagaan kesihatan. Bahagian Amalan Perubatan dibahagikan kepada cawangan-cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Perundangan dan Globalisasi serta Aduan, Penguatkuasaan dan Medikolegal. Ia juga merupakan urusetia kepada Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Optik Malaysia, dan Lembaga Pembantu Perubatan.

Unit Telekesihatan pada mulanya ditubuhkan di bawah Bahagian Perkembangan Perubatan pada November 2000, untuk membantu pelaksanaan aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC). Pada Oktober 2004, Unit ini telah dinaiktaraf menjadi sebuah Bahagian setelah diluluskan oleh Kabinet. Bahagian Telekesihatan bertanggungjawab untuk membantu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif ICT Kesihatan di KKM. Unit-unit di bawah Bahagian Telekesihatan adalah didesain dengan spesifik untuk membolehkan Bahagian untuk menguruskan projek-projek dan sistem-sistem ICT Kesihatan.

Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu ditubuhkan pada tahun 2009 di bawah Program Perubatan, bertanggungjawab untuk pembangunan kompetensi dan profesionalisme 32 kategori kerjaya kesihatan bersekutu, untuk memastikan perkhidmatan optimal disediakan kepada pesakit dan pelanggan. Bahagian kini dibahagikan kepada empat unit iaitu Unit Pengurusan, Unit Pembangunan Profesional, Unit Kualiti dan Unit Penyelidikan & Pembangunan.

Bahagian Kejururawatan merupakan badan yang distruktur semula di bawah Program Perubatan, bertanggungjawab untuk mentadbir urus kerjaya kejururawatan di Malaysia melalui peraturan berkanun. Ini adalah untuk memastikan perkhidmatan kejururawatan dilaksanakan oleh jururawat yang berkebolehan, berkesan, cekap, mahir dan berpengetahuan tinggi untuk menyediakan penjagaan kejururawatan dan kebidanan yang selamat dan holistik. Bahagian telah mengambil langkah-langkah untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan dengan mempunyai struktur yang teratur dengan bilangan optimum kakitangan yang produktif dan berkualiti. Ini membolehkan Bahagian melaksanakan aktiviti-aktiviti dengan cekap dan berkesan dalam penyampaian perkhidmatan kejururawatan di negara ini. Bahagian telah distruktur semula kepada dua seksyen iaitu Amalan dan Pengawalseliaan.

PERKEMBANGAN PERUBATAN

PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

Perkhidmatan Pengurusan Hospital

Fungsi Perkhidmatan Pengurusan Hospital adalah untuk memudahkan penetapan dasar dan pelaksanaan yang mungkin termasuk pengurusan projek berkaitan dengan perkhidmatan pembangunan perubatan, pembangunan fasiliti, rekod perubatan, teknologi maklumat dan pembiayaan kesihatan.

- **Pembangunan Dasar dan Garispanduan**

Langkah telah diambil untuk menghasilkan dan menyemak semula sebanyak dua dasar dan garispanduan dalam usaha untuk memperbaiki perkhidmatan di hospital dan institusi pada 2011. Ia adalah Garis Panduan Penggambaran di Hospital KKM yang telah diedarkan kepada semua hospital dan institusi KKM, Rangkakerja Kepakaran dan Subkepakaran untuk Pelan Pembangunan Malaysia ke-10 yang telah muktamad dan Dasar Am Operasi Hospital yang masih dalam berjalan.

- **Teknologi Maklumat**

Dua projek ICT kesihatan yang utama, projek hospital menyeluruh, dibawah seliaan perkhidmatan Pengurusan Hospital adalah Sistem Pengurusan Pesakit (SPP), dan Projek Hospital untuk 3 Hospital (HISPRO).

- a) **SPP**

Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) yang dibangunkan tempatan dilaksanakan pada 2008. Versi awal yang dilaksanakan adalah SPP versi 2.1 dan telah dinaiktaraf kepada versi 2.5 yang menggunakan *Open Source platform*. Pencapaian 2011 termasuk penaiktarafan minor SPP versi 2.5 kepada versi 2.6, pelaksanaan di 2 hospital iaitu Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban dan Hospital Port Dickson. Sementara itu, kerjasama antara KKM dan Multimedia Development Corporation (MDeC) telah menaiktarafkan lagi SPP kepada versi 3.0 (2009-2011) dimana fasa pembangunan di siapkan pada penghujung 2011. Walaubagaimanapun, produk belum lagi diuji di lapangan. Pembangunan modul OTMS, sepenuhnya *in-house* oleh KKM masih berjalan pada 2011, dan dengan rancangan untuk diintegrasikan kemudian dengan SPP.

- b) **HISPRO**

Projek HISPRO bermula pada 9 Januari 2009 dan dirancang untuk siap dan dilaksanakan pada 8 Januari 2011. Tiga hospital yang terlibat adalah Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu (HSNZ), Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh (HOSHAS) dan Hospital Bintulu (HBTU). Proses menukarkan sebuah hospital manual, tanpa ketersediaan prasarana yang tersedia oleh bangunan lama kepada sebuah hospital IT telah dipandang ringan.

Kesemua tiga hospital menggunakan produk proprietari seperti dibawah:

- HSNZ menggunakan aplikasi Fisicien, dibangunkan oleh Strateq.
- HoSHAS juga menggunakan Fisicien, dimana pembangun adalah kerjasama antara GCS dan Strateq.
- HBTU menggunakan Profdoc, aplikasi produk dari Sweden, usaha sama pembangunan antara PJ Medica dan Peransang Jati.

Hospital Bintulu dilancarkan pada 7 Ogos 2011, diikuti oleh HSNZ pada 20 November 2011. HOSHAS masih dalam tahap fasa *Final Acceptance Test* pada penghujung 2011.

Proses perundangan pelbagai sistem yang wujud dan beroperasi dalam hospital KKM diiktiraf melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) pada Mei 2011, dipengerusikan bersama Ketua Setiausaha

dan Ketua Pengarah Kesihatan. Sistem yang diiktiraf untuk kegunaan selanjutnya, sehingga aplikasi kerajaan tersedia untuk menggantikan sistem berlesen apabila mampu. Penggunaan aplikasi berlesen menanggung perbelanjaan yang ketara setiap tahun.

Aplikasi SPP akan dinaiktaraf kepada sistem ICT kesihatan yang sepenuhnya setaraf dengan HICT srata dunia, dan akan menggantikan sistem lama di hospital KKM apabila terpakai. Sistem akan datang, SPP yang dijenamakan semula sebagai HIS@KKM milik kerajaan Malaysia, tiada fi lesen untuk penggunaan di semua hospital KKM.

- **Sistem Case-Mix**

Aplikasi Sistem Case-Mix dibangunkan oleh kontraktor yang dilantik, Formis Network Services Sdn. Bhd. (FORMIS) telah ditugaskan untuk tempoh kontrak dua tahun. Dokumen kontrak telah ditandatangani pada 25 Ogos 2010 dengan nilai kontrak sebanyak RM 3,447,778.80. Fasa pertama pelaksanaan sistem Case-Mix melibatkan Perkhidmatan Pesakit Dalam sahaja, yang telah bermula pada 5 Mei 2010 di enam hospital KKM; Hospital Kuala Lumpur, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (Klang), Hospital Tuanku Ja'afar (Seremban), Hospital Serdang, Hospital Kajang dan Hospital Tanjung Karang. Fasa 1 melibatkan perkhidmatan pesakit dalam sahaja.

Elemen keberkesanan termasuk dalam pembangunan Sistem Case-Mix Modul Klinikal, dimana maklumat klinikal yang diperlukan oleh Sistem Maklumat Rawatan Pesakit (SMRP), akan dieksport kepada pangkalan data Sistem Case-Mix. Proses kerja bermula dengan memasukkan maklumat tentang diagnosis, prosedur dan menetapkan kod untuk kedua-dua maklumat tersebut. Secara amnya, sebanyak 25 Kategori Diagnostik Utama (*Major Diagnostic Categories, MDC*) telah dibangunkan; 24 MDC untuk pesakit dalam dan 1 MDC untuk pesakit luar. Dalam kesemua 25 MDC tersebut, 966 Kumpulan Diagnosis Berkaitan (*Diagnosis-Related Groups, DRG*) telah dibangunkan.

Perluasan Fasa 2 dimulakan pada 1 November 2011 di empat hospital; Hospital Permaisuri Bainun (Ipoh), Hospital Melaka, Hospital Slim River dan Hospital Port Dickson.

- **Pembangunan dan Penggunaan Fasiliti**

Hospital KKM diklasifikasikan secara fungsi kepada lima jenis hospital; Hospital Negeri (termasuk HKL), Hospital Pakar Utama, Hospital Pakar Minor, Hospital Tanpa Pakar dan Institusi Khas Perubatan. Klasifikasi adalah berdasarkan beban kerja, bilangan katil pesakit dalam dan skop perkhidmatan yang ditawarkan; dan ini membolehkan perkembangan perkhidmatan perubatan di struktur dan dirancang dengan betul. Terdapat 132 hospital, enam institut perubatan dan satu Pusat Darah Negara pada tahun 2011 (Jadual 1 dan 2).

Dibawah perancangan Perkhidmatan Kepakaran dan Subkepakaran, Kementerian mensasarkan untuk meningkatkan kepakaran dan perkhidmatan hospital negeri dari 15 kepada 45 perkhidmatan, Hospital Pakar Utama dari 15 kepada 25 perkhidmatan, Hospital Pakar Minor dari 6 kepada 10 perkhidmatan bagi memperbaiki capaian kepada perkhidmatan pakar dan mengukuhkan tahap kualiti perkhidmatan yang disediakan kepada masyarakat. Walaubagaimanapun, perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran akan diperkukuhkan secara berfasa seiring dengan ketersediaan naiktaraf infrastruktur, belanjawan dan tenaga kerja.

Terdapat hospital dengan perkhidmatan tertier untuk Barah, Rehabilitasi, dan Wanita & Kanak-kanak yang dirancang sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (2005-2010) bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan. Pada penghujung 2011, Hospital Rehabilitasi Cheras hampir siap dan dijangka beroperasi pada Jun 2012. Institut Kanser Negara di Putrajaya, Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Kuala Lumpur masih dalam pembangunan dan pembinaan pada penghujung 2011. Hospital yang terpilih juga dirancang untuk diganti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pada penghujung 2011, Hospital Permai dan Hospital Alor Gajah telah diganti dengan hospital baru. Pada masa yang sama,

Kementerian telah menyempurnakan perolehan 2 hospital baru tambahan, Sabah Medical Centre telah dinamakan semula sebagai Hospital Queen Elizabeth II di Kota Kinabalu dan Pusat Jantung Sarawak, Samarahan di Kuching menjadi sebahagian daripada Hospital Umum Sarawak dalam usaha untuk menambahbaik infrastruktur perubatan dan meningkatkan capaian perkhidmatan pakar yang disediakan kepada penduduk tempatan.

JADUAL 1
HOSPITAL PAKAR DAN INSTITUSI KEMENTERIAN KESIHATAN, MENGIKUT JENIS, 2011

Hospital Pakar dan Institusi			
HKL + Hospital Negeri (14)	Hospital Pakar Utama (25)	Hospital Pakar Minor (25)	Institusi Perubatan Khas (6+1)
1. Hospital Kuala Lumpur	1. Hospital Putrajaya	1. Hospital Labuan	1. Institut Perubatan Respiratori, Kuala Lumpur
2. Hospital Tuanku Fauziah, Kangar	2. Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	2. Hospital Langkawi	2. *Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur
3. Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	3. Hospital Kulim	3. Hospital Kepala Batas	3. Pusat Kawalan Kusta Negara, Sungai Buloh
4. Hospital Pulau Pinang	4. Hospital Seberang Jaya	4. Hospital Bukit Mertajam	4. Hospital Bahagia, Ulu Kinta
5. Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	5. Hospital Taiping	5. Hospital Sri Manjung	5. Hospital Permai, Johor Bahru
6. Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	6. Hospital Sungai Buloh	6. Hospital Slim River	6. Hospital Mesra, Kota Kinabalu
7. Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	7. Hospital Ampang	7. Hospital Grik	7. Hospital Sentosa, Kuching
8. Hospital Melaka	8. Hospital Selayang	8. Hospital Kuala Kangsar	
9. Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	9. Hospital Serdang	9. Hospital Banting	
10. Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	10. Hospital Kajang	10. Hospital Port Dickson	
11. Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	11. Hospital Teluk Intan	11. Hospital Kluang	
12. Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	12. Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	12. Hospital Kota Tinggi	
13. Hospital Umum Sarawak, Kuching	13. Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	13. Hospital Kuala Lipis	
14. Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	14. Hospital Sultan Ismail, Pandan	14. Hospital Bentong	
	15. Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	15. Hospital Pekan	
	16. Hospital Segamat	16. Hospital Tanah Merah	
	17. Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	17. Hospital Kapit	
	18. Hospital Kemaman	18. Hospital Limbang	
	19. Hospital Kuala Krai	19. Hospital Sarikei	
	20. Hospital Sibul	20. Hospital Sri Aman	
	21. Hospital Miri	21. Hospital Datin Seri Endon	
	22. Hospital Bintulu	Lahad Datu	
	23. Hospital Duchess of Kent, Sandakan	22. Hospital Keningau	
	24. Hospital Tawau	23. Hospital Beaufort	
	25. Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu	24. Hospital Kota Marudu	
		25. Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas	

Pusat Darah Negara, tidak seperti institusi lain, tidak mempunyai katil pesakit dalam

Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

JADUAL 2
HOSPITAL BUKAN PAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN, 2011

Hospital Bukan Pakar (68)			
Kedah - Hospital Baling - Hospital Jitra - Hospital Kuala Nerang - Hospital Sik - Hospital Yan	Negeri Sembilan - Hospital Jelebu - Hospital Jempol - Hospital Tampin	Terengganu - Hospital Besut - Hospital Dungun - Hospital Hulu Terengganu - Hospital Setiu	Sabah - Hospital Beluran - Hospital Kinabatangan - Hospital Kota Belud - Hospital Kuala Penyu - Hospital Kudat - Hospital Kunak - Hospital Papar - Hospital Pitas - Hospital Ranau - Hospital Semporna - Hospital Sipitang - Hospital Tambunan - Hospital Tenom *Hospital Tuaran
Pulau Pinang - Hospital Balik Pulau - Hospital Sungai Bakap	Melaka - Hospital Alor Gajah - Hospital Jasin	Sarawak - Hospital Bau - Hospital Betong - Hospital Daro - Hospital Dalat - Hospital Kanowit - Hospital Lawas - Hospital Lundu - Hospital Marudi - Hospital Mukah - Hospital Rajah Charles Brooke Memorial, Kuching - Hospital Saratok - Hospital Serian - Hospital Simunjan	
Perak - Hospital Batu Gajah - Hospital Changkat Melintang - Hospital Kampar - Hospital Parit Buntar - Hospital Selama - Hospital Sungai Siput - Hospital Tapah	Johor - Hospital Mersing - Hospital Pontian - Hospital Tangkak - Hospital Temenggong Sri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai		
Selangor - Hospital Kuala Kubu Baru - Hospital Tanjung Karang - Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam	Pahang - Hospital Jengka - Hospital Jerantut - Hospital Muadzam Shah - Hospital Raub - Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Cameron Highlands	Kelantan - Hospital Gua Musang - Hospital Jeli - Hospital Machang - Hospital Pasir Mas - Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh - Hospital Tumpat	

*Hospital Tuaran, tidak seperti institusi lain, tidak mempunyai katil pesakit dalam
Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM Jabatan Kesihatan Negeri

Jumlah katil pesakit dalam di hospital KKM telah menurun kepada 36,148 katil pada 2011 kerana kerja naiktaraf hospital. Kemasukan hospital pada 2011 adalah 2,139,392, peningkatan sebanyak 0.41%. HKL dan Hospital Negeri menunjukkan keberkesanan operasional katil yang tersedia berbanding kumpulan hospital lain dari segi BOR dan TOI. Purata Tempoh Inapan (ALOS) dan Jumlah Hari Pesakit (TOD) lebih tinggi di HKL dan Hospital Negeri kerana hospital ini berfungsi sebagai hospital rujukan untuk pengendalian kes rumit (Jadual 4). Pintasan (kepada Hospital Negeri) oleh penduduk yang menerima perkhidmatan dari Hospital Pakar Minor dan Hospital Bukan Pakar masih berlaku seperti yang ditunjukkan oleh BOR dan TOD yang rendah dan TOI yang tinggi di hospital berkenaan. Peningkatan kehendak pesakit telah menyumbang kepada permintaan pesakit untuk penjagaan pakar dan mereka juga cenderung mencari penjagaan perubatan dari Hospital Pakar yang boleh menawarkan skop perkhidmatan yang lebih besar. Antara cara untuk mengurangkan pintasan adalah untuk meningkatkan ketersediaan perkhidmatan pakar tetap di Hospital Pakar Minor mengikut skop perkhidmatan yang diperlukan.

JADUAL 3
BILANGAN KATIL PESAKIT DALAMAN, KADAR HUNIAN KATIL DAN JUMLAH
KEMASUKAN KE HOSPITAL KKM DAN INSTITUSI, 2007 – 2010

Perkara	2008	2009	2010	2011
Bilangan Katil (Hospital dan Institusi)	37,836	38,057	37,903	36,148
Kadar Hunian Katil (%)	65.46	65.45	66.26	68.63
Jumlah Kemasukan	2,072,633	2,115,617	2,130,563	2,139,392
Jumlah Penduduk	27,730,000*	28,306,700*	28,250,500* 28,558,160**	28,964,300**

Nota:

* Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000, dilaraskan untuk penghitungan

** Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang telah dilaraskan.

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM dan Jabatan Statistik, Malaysia

JADUAL 4
PENCAPAIAN HOSPITAL KKM MENGIKUT KATEGORI FUNGSIONAL, 2010-2011

Jenis Hospital mengikut Klasifikasi Fungsional	Kadar Hunian Katil (BOR) %		Purata Tempoh Inapan (ALOS) hari		Selang masa Turn Over (TOI) hari		Jumlah Hari Pesakit (TOD) hari	
	2010	2011	2010	2011	2010	2011	2010	2011
HKL dan Hospital Negeri	71.68	79.71	4.05	4.40	1.74	1.21	3,445,004	3,574,879
Hospital Pakar Utama	67.91	75.61	3.62	2.41	1.78	1.39	2,699,376	2,679,046
Hospital Pakar Minor	58.79	53.00	3.77	3.10	2.89	3.77	703,700	733,481
Hospital Pakar	46.22	47.30	2.76	2.77	3.95	3.84	914,951	943,377
Institusi Perubatan	69.57	66.08	133.69	204.1	58.49	78.7	1,166,476	1,124,519

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Pelaksanaan Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh diteruskan di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya, sejak Ogos 2008. Sebanyak 2,452 pesakit baru menyertai skim ini, menunjukkan peningkatan sebanyak 108.5% dengan penyertaan bukan warganegara meningkat sebanyak 26.8% dari 2010. Mengikut jenis perkhidmatan, kedua-dua hospital menunjukkan kehadiran pesakit luar tertinggi (81.62%), diikuti oleh pesakit dalam (17.35%) dan pesakit luar (1.03%).


Tiga disiplin merekodkan bilangan pesakit tertinggi iaitu Obstetrik & Ginekologi, Jabatan Pembedahan dan Oftalmologi bagi kedua-dua hospital. Hasil kutipan pada 2011 dari kedua-dua hospital berjumlah sebanyak RM 5, 503,479.18, peningkatan sebanyak 71.8% dari 2010. Perkhidmatan pesakit dalam mengumpul hasil tertinggi (81.58%), diikuti oleh perkhidmatan pesakit luar (16.18%) dan perkhidmatan pesakit luar (2.24%).

• Rekod Perubatan

Pemusatan (centralization) rekod perubatan menggunakan konsep 'satu pesakit satu fail' diperkukuhkan lagi dalam ruang tersedia yang terhad. Pada 2011, 58 daripada 135 hospital yang terlibat telah selesai memusatkan rekod. 4 hospital menyusun rekod mengikut disiplin, manakala 4 lagi hospital menyusun mengikut perkhidmatan pesakit luar. Maka, hanya 50% hospital yang telah menyiapkan proses pemusatan sepenuhnya. Antara kekangan yang dihadapi adalah kekurangan ruang yang tersedia dan kekurangan kakitangan.

Hampir 250,000 permohonan laporan perubatan diterima pada 2011. Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, tempoh penyediaan laporan perubatan dipendekkan kepada empat (4) minggu di Hospital Negeri dan Hospital Pakar manakala tempoh dua (2) minggu ditetapkan kepada Hospital Bukan Pakar. Secara purata 76% rekod Hospital Negeri, 80% rekod Hospital Pakar dan 96% rekod Hospital Bukan Pakar disediakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan yang berlaku di Hospital Negeri adalah kerana pelbagai faktor tetapi faktor utama adalah kekurangan kakitangan, ruang penyimpanan yang disediakan dan peningkatan beban kerja.

RAJAH 1
PENCAPAIAN PENYEDIAAN LAPORAN PERUBATAN, 2009-2011



Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Perkhidmatan Perubatan

Perkhidmatan Perubatan adalah perkhidmatan pakar berdasarkan perubatan dalaman (*medical-based*), iaitu Perubatan Am, Dermatologi, Perubatan Respiratori, Psikiatri, Nefrologi, Radioterapi dan Onkologi, Kardiologi, Gastroenterologi, Hematologi, Hepatologi, Endokrinologi, Reumatologi, Penyakit Berjangkit, Perubatan Paliatif dan Geriatrik. Jumlah bilangan pesakit yang dirawat di klinik

pakar pelbagai disiplin perubatan meningkat sebanyak 3.49% pada 2011 berbanding 2010. Kehadiran di kebanyakan klinik menunjukkan peningkatan, Psikiatri menunjukkan peningkatan tertinggi. Jadual 5 menunjukkan jumlah bilangan pesakit yang menerima rawatan pesakit luar di klinik pakar di pelbagai disiplin perubatan pada 2010 dan 2011.

JADUAL 5
JUMLAH BILANGAN PESAKIT YANG MENERIMA RAWATAN DI KLINIK PAKAR
PERUBATAN MENGIKUT DISIPLIN, 2010-2011

Disiplin	Bilangan pesakit dilihat di klinik pakar		% +/- perbezaan antara 2010 dan 2011
	2010	2011	
Perubatan Am	871,729	914,672	4.93
Dermatologi	271,511	287,805	6.00
Perubatan Respiratori	284,831	287,920	1.08
Psikiatri	448,563	494,561	10.25
Nephrologi	226,849	196,007	-13.60
Neurologi	32,156	32,728	1.78
Radioterapi & Onkologi	66,467	71,794	8.01
Kardiologi	112,495	109,781	-2.41

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Jadual 6 menunjukkan jumlah bilangan pesakit dari pelbagai disiplin perubatan yang dirawat sebagai pesakit dalam. Pesakit dalam meningkat untuk kebanyakan kepakaran perubatan kecuali Dermatologi dan Neurologi. Peningkatan yang ketara adalah untuk disiplin Perubatan Respiratori dan Nefrologi.

JADUAL 6
JUMLAH KEMASUKAN UNTUK DISIPLIN PERUBATAN, 2010-2011

Disiplin	2010	2011	% +/- perbezaan antara 2010 dan 2011
Perubatan Am	509,220	504,087	-1.01
Dermatologi	1,060	991	-6.51
Perubatan Respiratori	7,040	8,532	21.19
Psikiatri	17,996	18,308	1.73
Nephrologi	11,771	14,005	18.98
Neurologi	4,414	4,313	-2.29
Radioterapi & Onkologi	11,574	12,688	9.63
Kardiologi	12,683	14,209	12.03

* Tidak termasuk angka dari Hospital Umum Sarawak, Kuching

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Clinical Update in Tropical Infections diadakan pada Julai 2011 agar doktor maklum tentang perkembangan terkini rawatan penyakit tropikal. Sebanyak seratus tujuh puluh pakar perubatan dalam dan pakar perubatan keluarga hadir.

Mesyuarat Teknikal Perkhidmatan Penjagaan Paliatif diadakan buat kali pertamanya selama dua hari pada November 2011. Terdapat penglibatan dari tiga fasilitator dari Australia dan India manakala peserta adalah dari hospital KKM, hospital universiti dan NGO.

Guidelines for the Management of Adults and Adolescents with HIV Infection with Antiretroviral Therapy dilancarkan pada Oktober 2011, mengariskan rejim rawatan terbaru HIV/AIDS.

Dasar Operasi Perkhidmatan Psikiatri dan Kesihatan Mental dibangunkan dan diterbitkan pada 2011, menetapkan standard perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental di Kementerian Kesihatan.

Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi (O&G)

Disiplin O&G kekal sebagai salah satu disiplin klinikal yang terbesar dan sibuk di Kementerian Kesihatan. Perkhidmatan ini menyumbang kepada penambahbaikan capaian ibu mengandung kepada penjagaan kesihatan, dengan adanya Perkhidmatan am dan pakar O&G (Perubatan Reproduksi, Perubatan Fetomaternal, Gineonkologi dan Uroginekologi), dan penyediaan penjagaan obstetrik kecemasan melalui sistem rujukan yang pantas dan berkesan dalam mengurus kelahiran yang berisiko tinggi dan rumit. Advanced O&G lanjutan sebagai sub kepakaran telah dihentikan dari pertengahan 2011 seterusnya.

Pelbagai perkhidmatan sub kepakaran telah diperkembangan dengan masa dan kini lebih senang diperolehi oleh masyarakat. Perubatan Fetomaternal tersedia di semua negeri kecuali Terengganu. Terdapat seramai 9 sub pakar yang telah diwartakan dan 7 lagi sedang menjalani latihan. Dijangka pada penghujung 2012, kesemua hospital negeri akan dapat menyediakan perkhidmatan ini. Perkhidmatan uroginekologi disediakan di 6 pusat dengan 4 sub pakar yang telah diwarta dan 8 lagi sedang menjalani latihan. Gineonkologi di sediakan di 8 pusat dengan 9 sub pakar yang telah diwarta dan 6 lagi sedang menjalani latihan. Perubatan reproduktif mempunyai 4 pusat yang menyediakan perkhidmatan ART dan 4 lagi menyediakan perkhidmatan satelit dengan 9 sub pakar yang telah diwarta dan 5 lagi sedang menjalani latihan.

Fraterniti O&G juga telah menambahbaik pelaksanaan pembedahan harian dengan lebih banyak perkhidmatan disediakan secara rawatan harian. Kesemua hospital tertier berupaya menyediakan pembedahan rawatan harian. Prosedur yang biasa ditawarkan untuk pembedahan rawatan harian adalah *endometrial sampling*, *hysteroscopy*, *laparoscopic tubal ligation*, *lap & dye*, dan lain-lain.

Kesemua hospital pakar adalah “mesra bayi” dan usaha sedang digiatkan untuk menyediakannya kepada kesemua fasiliti. Konsep bilik bersalin “mesra suami” juga diperkenalkan kepada pelbagai hospital.

Fraterniti O&G juga juga terlibat dengan 2 persidangan utama antarabangsa yang berjaya dianjurkan. Laporan Daftar Obstetrik Kebangsaan Pertama diterbitkan pada 2011. Laporan ini adalah usaha fraterniti ini untuk mendapatkan pangkalan data populasi obstetrik KKM. Oleh itu, kesemua 14 hospital negeri termasuk dalam daftar dan pelan perluasan adalah untuk melibatkan 44 hospital pakar pada penghujung 2012.

Terdapat beberapa penulisan kertas kerja dasar oleh JKKPOG untuk:

- Pengenalan jawatan registrar O&G di hospital KKM
- Penubuhan pusat Bersalin Berisiko Rendah
- Laluan kerjaya baru untuk bidan

- Buku log baru pegawai perubatan siswazah berdasarkan kecekapan Terdapat 2 garis panduan utama yang sedang dimuktamadkan, iaitu *Termination of Pregnancy* dan *Thromboprophylaxis in O&G*.

Perkhidmatan Pediatrik

2011 menyaksikan peningkatan ketara dalam beban kerja pediatrik dengan peningkatan sebanyak 46.49% pesakit dalam di seluruh negara seperti yang ditunjukkan dalam jadual. Peningkatan luar jangkaan berjumlah lebih daripada 100 peratus di Sabah mungkin mencerminkan dokumentasi yang lebih baik berbanding peningkatan mutlak. Format baru untuk menganalisa kematian dibawah lima tahun dilancarkan sebagai usaha untuk mencapai *Millennium Development Goals*.

Pakar Kanak-kanak telah ditempatkan secara bergilir di hospital perifer seperti Grik di Perak dan Keningau di Sabah. Tambahan pula perkhidmatan neurologi kanak-kanak telah diperluaskan ke Ipoh, seorang pakar neonatologi ditempatkan di HSAH Sungai Petani dan seorang pakar gastroenterologi kanak-kanak melapor diri ke Institut Pediatrik di Kuala Lumpur.

Dalam mempertingkatkan perkhidmatan neonatal fasiliti untuk menyamakan neonatal dengan ensefalopati diperkenalkan di Intstitut Pediatrik, HTAA Kuantan dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah. Perkhidmatan neonatal di Hospital Sibu juga dipertingkatkan, dengan peningkatan kapasiti ventilator NICU kepada 8 katil.

Buku log baru untuk pegawai perubatan siswazah merangkumi penilaian berdasarkan kerja diperkenalkan seluruh negara dan telah membantu mempiawaikan latihan doktor muda di seluruh negara. Sejajar matlamat kebangsaan ke arah Penunjuk Prestasi Utama (KPI), perkhidmatan pediatrik telah mencadangkan 13 KPI untuk mengawas dan menetapkan tanda aras kesemua jabatan dan pakar tetap.

JADUAL 7
JUMLAH BILANGAN PESAKIT DALAM PEDIATRIK DAN BOR, MENGIKUT NEGERI, 2009-2011

Negeri	Jumlah bilangan pesakit dalam			% +/- Perbezaan		Kadar Hunian Katil (BOR), %		
	2009	2010	2011	2009/ 2010	2010/ 2011	2009	2010	2011
Perlis	6,094	5,786	8,041	-5.05	38.97	117.39	109.47	121.93
Kedah	37,559	39,492	46,584	5.15	17.96	88.25	84.42	91.99
Pulau Pinang	21,034	22,366	27,635	6.33	23.56	74.03	80.6	81.28
Perak	28,931	28,101	50,470	-2.87	79.60	57.66	56.91	70.68
Selangor	40,026	41,326	53,054	3.25	28.38	77.55	80.38	80.98
WP KL	26,096	25,237	30,979	-3.29	22.75	82.32	85.2	91.42
WP Putrajaya	3,447	3,336	3,913	-3.22	17.30	123.41	118.1	112.61
WP Labuan	721	689	1,419	-4.44	105.95	44.97	35.73	49.71
N. Sembilan	16,242	16,665	19,862	2.6	19.18	68.31	76.31	76.02
Melaka	13,979	13,334	15,883	-4.61	19.12	108.92	101.69	95.04
Johor	29,139	30,561	59,418	4.88	94.42	58.02	58.54	62.19
Pahang	15,863	16,222	30,290	2.26	86.72	69.32	68.35	73.18
Terengganu	15,723	15,447	27,988	-1.76	81.19	75.47	65.07	75.44
Kelantan	17,127	16,768	22,433	-2.1	33.78	68.88	71.59	72.46
Sabah	19,842	20,868	44,021	5.17	110.95	57.83	58.25	60.28
Sarawak	31,651	23,225	25,925	-26.62	11.63	58.6	51.9	61.66
Jumlah	323,474	319,423	467,915	-1.25	46.49			

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

Perkhidmatan Pembedahan

Perkhidmatan (Kepakaran) Pembedahan termasuk Pembedahan Am, Ortopedik, Oftalmologi, Otorinolaringologi, Urologi, Neurosurgeri, Pembedahan Plastik, Pembedahan Kardiotorasik dan pelbagai subkepakaran lain. Pembedahan Am dan Ortopedik tersedia di hampir kesemua hospital pakar. Kepakaran pembedahan tertentu cth. Oftalmologi, dan subkepakaran cth. Pembedahan Vaskular menyediakan perkhidmatan rangkaian.

Kehadiran pesakit luar ke klinik pakar pembedahan seperti dalam Jadual 8 menunjukkan peningkatan bilangan pesakit di kesemua disiplin pembedahan. Aktiviti teras di kesemua kepakaran pembedahan adalah pembedahan yang dijalankan seperti Jadual 9. Secara keseluruhannya, terdapat pengurangan dalam bilangan pembedahan yang dijalankan pada tahun 2011 pada kedua-dua pembedahan elektif dan kecemasan berbanding tahun 2010. Bilangan pesakit dalam kesemua wad (kepakaran) pembedahan ditunjukkan dalam Jadual 10. Seperti kehadiran pesakit luar, terdapat peningkatan keseluruhan kemasukan wad pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.

JADUAL 8
BILANGAN PESAKIT LUAR DI KLINIK PEMBEDAHAN (PAKAR), 2010-2011

Disiplin	Bilangan Pesakit Luar		% +/- perbezaan antara 2010/2011
	2010	2011	
Pembedahan Am	594,159	610,384	+2.6
Ortopedik	770,150	829,472	+7.1
Oftalmologi	749,994	837,871	+10.4
Otorinolaringologi	422,638	453,655	+6.8
Urologi	106,002	117,399	+9.7
Neurosurgeri	31,634	34,931	+9.4
Pembedahan Kardiotorasik	12,206	17,344	+29.6
Pembedahan Plastik	41,135	45,653	+9.9
Pembedahan Tangan & Mikro	8,383	8,982	+6.6
Jumlah	2,736,301	2,936,713	+6.8

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

JADUAL 9
BILANGAN PEMBEDAHAN ELEKTIF DAN KECEMASAN YANG DIJALANKAN, 2009-2011

Disiplin	Bilangan pembedahan yang dijalankan					
	Elektif			Kecemasan		
	2009	2010	2011	2009	2010	2011
Pembedahan Am	97,013	82,550	78,843	219,145	209,975	214,801
Ortopedik	65,569	68,232	68,694	201,836	213,197	204,005
Oftalmologi	42,594	45,383	48,544	6,876	7,476	8,224
Otorinolaringologi	27,784	32,555	36,238	12,108	12,578	14,201
Urologi	17,067	15,876	16,785	6,106	5,076	5,747
Neurosurgeri	1,943	1,386	2,382	7,058	7,717	8,644
Pembedahan Kardiotorasik	1,295	1,147	1,201	367	462	548
Pembedahan Plastik	6,172	5,458	5,814	3,329	3,213	3,304
Pembedahan Tangan & Mikro	32,568	32,431	34,183	34,928	44,080	52,080
Jumlah	332,318	323,520	292,684	579,045	589,736	508,250

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

JADUAL 10
BILANGAN KATIL, PESAKIT DALAM DAN KADAR HUNIAN KATIL WAD PEMBEDAHAN (PAKAR), 2009-2011

Disiplin	Bilangan Katil			Bilangan pesakit dalam			Peratus (%) $\pm$ Pesakit Dalam Perbezaan Antara		Kadar Hunian Katil (BOR), %		
	2009	2010	2011	2009	2010	2011	2009/2010	2010/2011	2009	2010	2011
Pembedahan Am	3,823	3,802	3,695	234,402	233,993	230,430	- 0.17	-1.5	58.46	69.00	58.95
Ortopedik	2,794	2,763	2,849	123,555	122,736	130,469	- 0.66	5.9	68.21	69.00	70.15
Ofthalmologi	660	638	630	35,530	37,562	35,957	+ 5.72	-4.4	45.88	47.85	42.87
Otorinolaringologi	392	362	367	16,082	16,011	17,675	-0.44	9.4	49.32	49.47	52.76
Urologi	222	203	221	9,183	9,700	10,774	+5.63	9.9	69.80	67.26	68.48
Neurosurgeri	272	247	236	6,801	6,249	6,932	- 8.12	9.8	62.86	68.50	76.51
Pembedahan Kardiotorasik	68	60	72	959	892	1,088	-6.99	18.0	69.74	55.69	66.02
Pembedahan Plastik	141	122	108	2,972	2,433	3,066	- 18.14	20.0	50.72	48.56	60.92
Pembedahan Tangan & Mikro	18	18	18	463	580	488	+25.27	-18.8	40.14	40.68	33.09
Hepatopankreatocobiliari	N/A	64	N/A	N/A	3,032	N/A	N/A	N/A	N/A	70.06	N/A
Jumlah	8,390	8,279	8,196	429,947	433,188	436,879	+ 0.75	+0.84			

*Nota: N/A = maklumat tidak tersedia
 Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM*

Pencapaian Perkhidmatan Pembedahan pada 2011 termasuk:

1. Perkhidmatan Pembedahan Kardiorasik Kanak-Kanak ditubuhkan di Hospital Serdang dengan pembedahan pertama dijalankan pada 1 April 2011 sementara KKM terus menghantar pesakit kanak-kanak dengan penyakit jantung kongenital ke Narayana Hospital Bangalore, India untuk pembedahan dimana kontrak bakal tamat pada 18 Jun 2012. Perkhidmatan di HRPZ II diteruskan semula dengan pakar jemputan dari hospital lain.
2. Pusat Jantung KKM untuk Sarawak dibuka di Sarawak International Medical Centre di Kota Samarahan menggantikan pusat sebelum ini di Hospital Umum Sarawak pada Januari 2011.
3. Dasar Operasional Perkhidmatan Kardiorasik dicetak dan diedarkan kepada semua hospital pada Januari 2011.
4. Bagi meningkatkan taraf pengendalian kes trauma di hospital KKM, Kursus ATLS (milik American College of Surgeons) dibawa ke Malaysia dengan jayanya dan diteruskan pada 2011 dengan 4 kursus penyedia (provider) dan 2 kursus jurulatih dan kesemua kursus dijalankan oleh pasukan ATLS tempatan.
5. Fasiliti *Standard of Sleep* di KKM dilaksanakan pada April 2011 dan fasiliti di Hospital Serdang diperkembangkan berikutan peningkatan permintaan. Perkhidmatan ORL ditubuhkan di Hospital Seberang Jaya dengan seorang pakar tetap.
6. Perkhidmatan Pembedahan Hepatobiliari diperluaskan ke HDOK, Sandakan oleh jaringan tetap termasuk HRPZ II, Kota Bharu dan HTAA, Kuantan. Pada November 2011, pakar bedah tetap HPB ditempatkan di HSNZ, Kuala Terengganu. Perkhidmatan Pembedahan Kanak-kanak dimulakan semula di HRPB, Ipoh oleh seorang pakar bedah dari HKL. Perkhidmatan Neurosurgeri diperluaskan ke HSNZ, Kuala Terengganu dengan adanya seorang pakar bedah neuro.
7. Perkhidmatan Pengurus OT diperkukuhkan lagi dengan latihan tahunan anjuran KKM.
8. Program baru diperkenalkan pada 2011 dimana Karnival Kesihatan berjaya dianjurkan di Hospital Sarikei, Sarawak. Dua pasukan lengkap pembedahan dibawa dari Hospital Putrajaya melengkapi pasukan pembedahan dari Hospital Umum Sarawak. Bilangan prosedur pembedahan dijalankan dari 21 November sehingga 2 Disember 2011 adalah 289 kes.
9. Sehingga penghujung Disember 2011, bilangan kumulatif pembedahan implan koklea dijalankan adalah 100 dan dana tambahan telah disediakan agar program terus dijalankan pada tahun 2012.
10. Kerjasama dan sumbangan dari agensi kerajaan lain telah meningkat untuk perkhidmatan pembedahan katarak dimana klinik satelit merangkap pusat pembedahan katarak ditubuhkan di Kuala Lumpur. KKM telah meluluskan dana untuk menubuhkan dua pusat katarak bergerak di Sarawak dan Pahang. Dua lagi perkhidmatan katarak bergerak dirancang untuk Sabah dan Kedah, dibiayai oleh 1MDB. Kenderaan akan membawa peralatan dan pasukan perubatan untuk menjalankan pembedahan di hospital daerah yg dilengkapi Perkhidmatan Dewan Bedah.
11. Kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia telah wujud sejak beberapa tahun untuk perkhidmatan urologi di HKL dan diperitngkatkan lagi dengan Strategi Lautan Biru apabila pasukan Oftalmologi dari Hospital Selayang menjalankan pembedahan di Hospital Tengku Mizan.
12. Pembedahan elektif dijalankan pada hari Sabtu sejak Februari 2008 sebagai langkah

mengurangkan waktu menunggu untuk menjalani pembedahan. Ini merupakan pencapaian penting untuk Perkhidmatan (Kepakaran) Pembedahan dan Perkhidmatan Bius, selari dengan pekeling Ketua Pengarah. Pada 2011, jumlah bilangan senarai pembedahan elektif Sabtu dijalankan adalah 5,441 senarai (bilangan senarai dijalankan), peningkatan ketara dari tahun sebelumnya. Senarai pembedahan elektif dijalankan di 34 hospital dengan beban kerja tinggi pada 2011.

Perkhidmatan Anestesiologi

Perkhidmatan Anestesiologi (Bius) terdiri daripada Perkhidmatan Anestesiologi Dewan Bedah, Perkhidmatan Rawatan Rapi dan Perkhidmatan Rawatan Kesakitan. Pada 2011, terdapat 83 hospital KKM yang menyediakan Perkhidmatan Anestesiologi dengan 47 pakar tetap; peningkatan bilangan hospital yang mempunyai perkhidmatan tersebut pada 2010. Bagi hospital yang lain, perkhidmatan disediakan oleh pegawai perubatan anestesia dan pakar jemputan.

Beban kerja Perkhidmatan Anestesiologi pada 2010-2011 digambarkan pada Jadual 11. Bilangan bius yang diberikan, termasuk kesemua kaedah, menunjukkan tren yang meningkat. Ini juga dapat dilihat dari segi kehadiran di klinik bius dan klinik kesakitan kronik, dan kemasukan unit rawatan rapi.

Bagi Perkhidmatan Rawatan Rapi, terdapat 47 unit rawatan rapi am dengan 502 katil pada berbanding 2011, bebanding 486 katil pada 2010.

JADUAL 11
BEBAN KERJA PERKHIDMATAN ANESTESIOLOGI PADA 2010-2011

Perkara	2010	2011
Bilangan Anestetik yang diberikan	319,628	339,844
Bilangan kehadiran di Klinik Anestetik	52,880	61,873
Bilangan kemasukan ICU	30,089	32,621
Bilangan kehadiran di Klinik Kesakitan Kronik	6,281	7,368

Sumber: Banci Anestesiologi 2010 dan 2011, KKM

Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma

Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma telah menunjuk perkembangan pesat sejak 10 tahun kebelakangan ini; penjagaan pakar juga tersedia di hampir kesemua Hospital Pakar KKM dan skop dan tahap penjagaan kecemasan, intervensi dan pemantauan penjagaan kritikal juga telah meningkat. Pada 2011, lebih 7 juta rakyat Malaysia mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan, peningkatan sebanyak 5.4 % dari tahun sebelumnya. Jadual 12 menunjukkan jumlah bilangan kes dilihat di Jabatan Kecemasan seluruh negara. Tambahan pula, KKM mempunyai 83 Pakar Perubatan Kecemasan yang berkhidmat di hospital di seluruh negara. Penjagaan Kritikal Kecemasan dan Toksikologi telah menyertai Perubatan Bencana, Trauma dan Penjagaan Prahospital sebagai bidang perkembangan subkepakaran. Penekanan masa depan termasuk latihan lanjutan untuk jururawat, paramedik dan ahli sains kesihatan bersekutu di penjagaan kecemasan tahap tinggi.

Bidang lain yang berkembang termasuk penjagaan rawatan prahospital, dimana jumlah bilangan ambulans telah bertambah dengan mantap sejak beberapa tahun yang lalu. Perkembangan lanjut Pusat Koordinasi Perubatan Kecemasan (*Medical Emergencies Coordinating Center, MECC*), termasuk perluasan di luar Lembah Klang, penerapan sistem CAD (*Computer Aided Dispatcher*), telah membantu meningkatkan pengurusan perkhidmatan perubatan kecemasan. Hala tuju untuk Perkhidmatan Kecemasan adalah untuk mengukuhkan keupayaan tenaga kerja kecemasan di hospital pakar sedia ada, dan untuk membina keupayaan penjagaan kecemasan di hospital tanpa pakar; membolehkan penjagaan kecemasan yang lebih lancar dalam sistem kesihatan keseluruhannya.

JADUAL 12
JUMLAH BILANGAN KES DILIHAT DI JABATAN KECEMASAN, 2011

Negeri	Kehadiran mengikut Kategori Zon			Kehadiran mengikut Jenis Kes								JUMLAH	Purata Harian	
Data dari perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai kepakaran pergigian dikumpulkan melalui sistem *e-reporting* Sistem Pengurusan Maklumat Kesihatan (HIMS). Beban kerja pakar pergigian dari pelbagai bidang dicerminkan melalui nisbah bilangan pakar kepada bilangan pesakit (Jadual 7). Secara amnya, terdapat peningkatan dalam jumlah pesakit yang dilihat oleh setiap kepakaran berbanding tahun-tahun sebelumnya.

JADUAL 7
BEBAN KERJA PAKAR PERGIGIAN MENGIKUT BIDANG, 2010-2011

Bil.	Kepakaran	Beban kerja (per pesakit yang dilihat)	
		2010	2011
1	Pedodontik	1:2,979	1:3,264
2	Pembedahan Mulut/Mulut dan Maksilofasial	1:2,799	1:2,950
3	Pergigian Restoratif	1:1,244	1:1,332
4	Ortodontik	1:3,235	1:2,754
5	Periodontik	1:1,374	1:1,494
6	Patologi Mulut dan Perubatan Mulut	1:463	1:527

Sumber: Bahagian Kesihatan Pergigian, KKM

EPIDEMIOLOGI DAN PENYELIDIKAN KESIHATAN PERGIGIAN

Beberapa projek penyelidikan baru telah dimulakan pada 2011. Pada masa yang sama, projek yang masih belum disiapkan pada penghujung 2010 diteruskan pada 2011. Usaha penyelidikan tertumpu pada peringkat Kebangsaan dan Program.

Projek Penyelidikan Peringkat Kebangsaan

1. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2011-2014; Modul Permintaan Penjagaan Kesihatan

Modul Permintaan Penjagaan Kesihatan merupakan usahasama dengan Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan sebagai Penyelidik Utama modul ini. Perkara yang dimasukkan dalam modul Permintaan Penjagaan Kesihatan adalah beban penyakit, tingkahlaku kesihatan dan penggunaan penjagaan kesihatan pergigian.

Global School Health Survey Malaysia dijalankan dengan Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan sebagai Penyelidik Utama modul ini. Bahagian Kesihatan Pergigian mengambil bahagian dalam permbangunan soal selidik untuk kaji selidik aspek kesihatan pergigian berdasarkan soalan teras asal oleh WHO. Praujian dan pengumpulan data untuk kaji selidik telah dirancang untuk 2012.

2. Kajian *National Burden of Disease* (BOD)

Data dari tiga kaji selidik kebangsaan akan digunakan sebagai data kasar untuk kajian ini- *National Oral Health Survey of Preschool Children* 2005 (NOHPS 2005), *National Oral Health Survey of*

Schoolchildren 2007 (NOHSS 2007) dan *National Oral Health Survey of Adults* 2010 (NOHSA 2010). Pada 2011, bengkel pengkodan kematian diadakan disusuli oleh latihan penggunaan DisMod II untuk mengira YLD dan DALY.

3. Analisis Pembayaran Pembekal dan Perbelanjaan dalam Kesihatan

Soal selidik pengumpulan data untuk kajian tersebut dibangunkan dan di prauji. Pengumpulan data telah dijalankan di kesemua negeri. Pembersihan data dan analisis akan dibawa ke hadapan kepada 2012.

4. Projek Kerjasama “Penilaian Pesakit Diabetes ke Klinik Pergigian”

Protokol dan kelulusan etika diterima pada September and Oktober 2011 masing-masing. Pengumpulan data untuk Fasa I kajian dimulakan di negeri eksperimen (*test*) Kedah dan Negeri Sembilan dan, negeri kawalan (*control*) Johor dan Terengganu pada November/Disember. Kajian akan diteruskan sehingga 2012.

5. *National Oral Health Research Initiative* (NOHRI)

Penubuhan NOHRI dirasmikan dengan mesyuarat pertama NOHRI yang diadakan pada Mac 2011. Pihak berkepentingan dari pelbagai organisasi dalam negara yang diwakili dalam NOHRI adalah:

- Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Fakulti Pergigian, Universiti Malaya (UM)
- Fakulti Pergigian, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Fakulti Pergigian, Universiti Sains Malaysia (USM)
- Fakulti Pergigian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Fakulti Pergigian, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Fakulti Pergigian, International Medical University Malaysia (IMU)
- Fakulti Pergigian, Asian Institute of Medicine, Science & Technology (AIMST)
- Fakulti Pergigian, Malaysia Allied Health Science Academy (MAHSA)
- Kor Pergigian, Kementerian Pertahanan
- Pusat Penyelidikan dan Penyelaras Kanser Mulut (OCRCC) Universiti Malaya
- Persatuan Pergigian Malaysia (MDA)

Projek Penyelidikan Peringkat Program

1. *National Oral Health Survey of Adults* (NOHSA 2010)

Pembersihan data disiapkan pada Julai 2011 manakal analisis maklumat dan penulisan laporan untuk maklumat *unweighted* disiapkan pada Oktober 2011. Penemuan awal dibentangkan di mesyuarat berikut:

- Mesyuarat Teknikal Bahagian Kesihatan Pergigian Bil. 11/11, pada November
- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NOHSA 2010, pada Disember.
- Mesyuarat NOHRI, pada Disember.
- Mesyuarat JDPKP Bil.12/11, pada Disember.

Jawatankuasa Pemandu NOHSA Kebangsaan 2010 bersidang satu kali pada Disember 2011.

2. *National Healthcare Financing Mechanism* (NHFM)

Pembersihan data dan analisis maklumat yang telah digabungkan disiapkan pada Disember 2011. Penulisan maklumat dimulakan pada 2011 dan akan diteruskan pada 2012.

3. Kajian “Dental Practitioners’ Perception on the utilization of Dental Therapists in the


Private Dental Practice in Malaysia”

Pada 2011, pemasukan maklumat, pembersihan maklumat dan analisis telah siap. Penemuan kaji selidik dibentangkan pada Mesyuarat Teknikal Bil. 6/2011 pada Jun 2011. Persediaan manuskrip untuk penerbitan akan diteruskan pada 2012.

4. Kajian Sistem Kesihatan (HSR) untuk Kesihatan Pergigian

Pengawasan projek kajian sistem kesihatan dijalankan di peringkat negeri bermula pada 1999, dan telah diteruskan sehingga kini. Sebanyak 745 tajuk kajian sistem kesihatan dikenalpasti oleh pihak negeri dan institusi dari 1999-2011. Daripada jumlah tersebut, hanya 424 (56.9%) projek kajian yang telah berjaya disiapkan. Sebanyak 119 (16%) projek masih berterusan dan sebanyak 202 projek (27.1%) dibatalkan. Penundaan dalam penyiapan projek dan kebanyakan pembatalan mungkin disebabkan pemindahan dan keutamaan yang bercanggah oleh ahli kumpulan kajian di peringkat negeri. Projek yang masih perlu disiapkan akan diteruskan pada 2012 (Rajah 9).

RAJAH 9
STATUS PROJEK KAJIAN SISTEM KESIHATAN, 1999-2011



Sumber: Bahagian Kesihatan Pergigian, KKM

ICT PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

Sistem Maklumat Kesihatan Pergigian Klinikal (OHCIS)

Projek OHCIS dibawah Rancangan Malaysia ke-9 secara rasminya telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 22 Okt 2011 di Klinik Kesihatan Masyarakat Muar, Johor. OHCIS telah berjaya diintegrasikan dengan sistem IT lain dalam KKM. Kini ia dimiliki penuh oleh KKM dimana kesemua dokumen yang diperlukan seperti Manual Arahan, *Plan Layout Electrical and Network Point*, *Layout Plans* dan IP address telah dikemaskini, didokumentasi dan telah diserahkan pada Disember 2011.

Sistem Pengurusan Maklumat Pengamal Pergigian (DPIMS)

Projek Sistem Pengurusan Maklumat Pengamal Pergigian (DPIMS) Majlis Pergigian Malaysia (MPM) telah dibangunkan sendiri oleh Bahagian Pengurusan Maklumat. Sejak 2010, pendaftaran pengamal, pengeluaran Sijil Amalan Tahunan (APC) dan Surat Kelakuan Baik dijalankan melalui sistem di MPM oleh pihak pengurusan MPM. Bugs dalam pangkalan data 2011 diperbetulkan, isu tentang pengeluaran laporan diselesaikan bagi memastikan pengeluaran laporan MPM 2012 berjaya. Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) untuk modul Sijil Amalan Sementara (TPC) dijalankan pada 20 April 2011 dan 8 Jun 2011. Pada 17 Oktober 2011, sistem berjaya *go-live* untuk pengurusan MPM untuk permohonan

TPC. Latihan pengguna untuk 20 pengesah dari universiti (swasta dan awam) dan angkatan tentera diadakan pada 20-21 April 2011 di makmal latihan IMD.

Modul Pembayaran DPIMS

Perkhidmatan pembayaran atas talian kerajaan myBayar, MAMPU akan digunakan sebagai transaksi atas talian untuk pemohon. Ia akan go-live sebaik sahaja modul pembayaran atas talian telah bersedia disasarkan pada Februari 2012.

Laman Sesawang Bahagian Kesihatan Pergigian

Laman web Bahagian Kesihatan Pergigian (<http://ohd.moh.gov.my>) menawarkan akses kepada pelbagai maklumat, garis panduan dan risalah pergigian. Ia dikemaskini setiap minggu dan bila perlu. Berita dalam talian yang berkaitan BKP akan dipantau setiap hari. Dari jumlah 1,155 lamanweb/portal KKM, laporan oleh MDeC pada April 2011 menunjukkan lamanweb BKP mencapai 4-star rating iaitu peningkatan kedudukan dari 58 pada 2010 kepada 43 pada 2011. Majoriti pelawat adalah dari Malaysia (86.8%) diikuti oleh India, Australia, dan Singapura.

Latihan ICT

Selain latihan yang dijalankan dibawah projek ICT khusus, dua kakitangan IT dari BKP dihantar untuk latihan XOOPS (perisian untuk pembangunan laman web) dijalankan oleh IMD pada 10-11 Oktober 2011.

PROGRAM JAMINAN MUTU (QAP)

Program Jaminan Mutu (QAP) berusaha untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian bagi memastikan pesakit, keluarga dan masyarakat akan memperolehi 'matlamat optimum yang boleh dicapai'. *National Indicator Approach* (NIA) bersama dengan *District/Hospital Specific Approach* (DSA/HSA) telah digunakan dibawah QAP KKM. Petunjuk ini dikaji semula secara berkala untuk memastikan ia relevan dan bersesuaian.

National Indicator Approach (NIA)

Pada 2011, terdapat 5 petunjuk *National Indicator Approach* (NIA) yang digunakan untuk mengukur prestasi perkhidmatan kesihatan pergigian terutamanya program penjagaan primer dan masyarakat. (Jadual 8).

JADUAL 8
PETUNJUK NIA KESIHATAN PERGIGIAN YANG DIPANTAU PADA 2011

Bil	Petunjuk	Standard	Pencapaian 2011
1	Peratus pelajar sekolah rendah yang kekal dengan status kesihatan pergigian yang baik	≥ 65%	66.3%
2	Peratus pelajar sekolah menengah yang kekal dengan status kesihatan pergigian yang baik	≥ 80%	77.4%
3	Peratus pelajar sekolah berumur 16 tahun yang bebas dari gingivitis	≥ 95%	96.0%
4	Peratus <i>non-conformance of fluoride level at reticulation points</i> (Tahap < 0.4ppm)	≤ 25%	18.2%
5	Peratus <i>non-conformance of fluoride level at reticulation points</i> (Tahap > 0.6ppm)	≤ 7%	2.8%

Nota: 2011 QAP menunjukkan pencapaian 80% dengan 4 daripada 5 petunjuk NIA mencapai sasaran.

Sumber: Bahagian Kesihatan Pergigian, KKM

District Specific Approach (DSA)

Petunjuk DSA telah dibangunkan dan dipantau pada peringkat negeri. Petunjuk DSA perkhidmatan antenatal merupakan yang paling kerap digunakan oleh kesemua negeri kecuali Johor dan Sarawak. Petunjuk DSA yang seing digunakan berkaitan kanak-kanak bawah 5 tahun, prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah adalah khusus untuk negeri tertentu.

MS ISO 9001: 2000

Sehingga 2011, pertambahan sebanyak tiga negeri Perlis, Perak dan Johor yang bertukar dari dokumentasi manual kepada Sistem Pengurusan Kualiti elektronik (eQMS) yang interaktif, yang membawa jumlah sebanyak lapan negeri yang menggunakan eQMS. Di seluruh negara, sebanyak 481 klinik pergigian (89.9%) daripada 535 klinik pergigian yang mendapat pensijilan ISO. Sarawak (dengan jumlah sebanyak 11 bahagian) merupakan satu-satunya negeri yang masih memiliki pensijilan asal Pendekatan Khas Daerah (DSA).

Inovasi

Inovasi merupakan salah satu aktiviti inisiatif kualiti yang masih aktif dijalankan oleh kakitangan penjagaan kesihatan diseluruh negara. Pada 2011, sebanyak 57 projek inovasi telah disiapkan. Beberapa projek pergigian menerima anugerah pada peringkat negeri, zon dan serantau. Lima projek inovasi pergigian menjadi finalis untuk Anugerah Inovasi Kebangsaan KKM 2011.

Key Performance Indicators (KPI)

BKP terus memantau 19 KPI pada 2011. Dua KPI iaitu peratusan klinik pergigian dengan 2 atau lebih pegawai pergigian sepenuh masa yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar harian dan peratusan murid sekolah yang mempunyai kesihatan oral yang baik telah dipilih sebagai KPI Ketua Pengarah Kesihatan dan akan dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Peratusan kes kecemasan pergigian yang mendapat rawatan serta merta di hospital kerajaan menjadi salah satu KPI Menteri Kesihatan.

AMALAN PERGIGIAN PROFESIONAL**Undang-undang dan Peraturan**

Pindaan terhadap Akta Pergigian 1971 telah disiapkan dan dibentangkan kepada Majlis Pergigian Malaysia. Peraturan Pergigian baru sedang dalam persediaan dan dijadualkan siap pada 2012. Akta Fee dibawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 disemak semula. Draf akhir prosedur pergigian dan bayaran yang berkaitan diserahkan kepada Bahagian Amalan Perubatan untuk pindaan Jadual ke 13 Peraturan berkaitan Pendaftaran Hospital Swasta. Pindaan Jadual ke 7 Peraturan Pendaftaran Klinik Perubatan dan Pergigian Swasta akan menyusul.

Pendaftaran Klinik Pergigian

Pada penghujung 2011, sebanyak 1,709 klinik pergigian telah didaftarkan, dimana 102 telah didaftarkan pada 2011. Dari jumlah tersebut, 1,547 klinik pergigian masih beroperasi. Dibawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 sebanyak 1,600 klinik pergigian swasta telah didaftarkan. Walaubagaimanapun, sebahagian telah tamat perkhidmatan dan telah menarik balik pendaftaran. Maka, bilangan klinik yang beroperasi di setiap negeri tidak menggambarkan bilangan klinik yang berdaftar.

Globalisasi dan Liberalisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Pergigian

BKP telah menyertai mesyuarat Kumpulan Kerja Sektor Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan (HSSWG) untuk ASEAN Perjanjian Pengiktirafan Bersama (MRA) ASEAN. Peranan BKP termasuk memudahkan proses liberalisasi Rangkakerja Perjanjian Perkhidmatan ASEAN (AFAS) dan untuk melaporkan keputusan mesyuarat ASEAN *Joint Coordinating Committee for Dental Practitioners* (AJCCD) tentang rangka pelan hala tuju kepada mesyuarat HSSWG untuk pertimbangan selanjutnya. BKP juga menyertai mesyuarat AJCCD. Dibawah *Trans-Pacific Strategic Economic Partnership*

Agreement (TPP), jadual yang dicadangkan untuk *Negative Listing* telah disediakan dan dikemukakan kepada Bahagian Dasar & Perhubungan Antarabangsa untuk dipanjangkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

• Akreditasi Program Sarjana Muda Pergigian

Verifikasi dan validasi tahap akreditasi yang berlainan masih berjalan pada 2011. Penilaian awal dokumen pangkalan maklumat penyampai Pengajian Tinggi (HEPs) dijalankan oleh panel penilai yang dilantik dan proses akreditasi diteruskan pada 2012. Kolej Universiti SEGi telah diberikan akreditasi sementara dan kelulusan untuk memulakan program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (BDS). Lawatan pemantauan akreditasi kedua dijalankan untuk Sarjana Muda Pembelajaran Pergigian (BDS) di International Medical University (IMU), Melaka-Manipal Medical College (MMMC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Malaysian Allied Health Science Academy (MAHSA).

Lawatan akreditasi penuh telah dijalankan untuk program Sijil Pembantu Pembedahan Pergigian Kolej Antarabangsa Windfield. Lawatan akreditasi semula telah dijalankan untuk program BDS di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM)

Sebanyak 8 Memorandum Perjanjian (MoA) antara KKM dan Penyampai Pengajian Tinggi (HEPs) untuk kegunaan Kemudahan Kementerian Kesihatan Malaysia oleh pelajar mahasiswa program sarjana pergigian telah disokong pada 26 Mei 2011 yang melibatkan:

Perjanjian Utama

- i. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- ii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- iii. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- iv. International Medical University (IMU)
- v. AIMST University
- vi. Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMC)

Perjanjian Tambahan

- i. Kolej Universiti MAHSA
- ii. Kolej Pergigian Antarabangsa Penang (PIDC)

HALATUJU

2011 merupakan titik mula perjalanan melalui RMK10 (2011-2015). Setakat ini, BKP terbuka dan peka terhadap keperluan rakyat, dalam mengenalpasti, merancang, melaksana, memantau dan menilai perkhidmatan kesihatan pergigian untuk Negara. Ini terbukti menjadi cabaran kerana cabaran berterusan antara permintaan dan bekalan dalam mengekalkan akses yang saksama kepada perkhidmatan perubatan yang berkualiti.

Dalam semangat memastikan akses sejagat kepada penjagaan kesihatan pergigian, terdapat keperluan untuk memastikan pengagihan pegawai perubatan dan pakar pergigian yang lebih adil. Juga untuk mempertingkatkan lagi kualiti dan keselamatan pesakit disamping pergigian evidence-based sejajar dengan pengetahuan dan bukti terkini. Penjagaan yang berterusan (*continuity of care*) melalui perkongsian data melalui sistem penyampaian elektronik sangat diperlukan sejajar dengan Pelan Strategik ICT KKM (ISP). Bagi memastikan amalan pergigian di negara mencapai peringkat tertinggi, proses akreditasi pengajian tinggi, pindaan Akta Pergigian 1971 dan Akta dibawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 di tahun akan datang dijangka akan menyelesaikan perkara yang berkaitan.

8 | Farmasi

PENGENALAN


Program Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai barisan hadapan bagi perkhidmatan farmaseutikal negara, Program Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab memastikan semua produk-produk farmaseutikal dan kesihatan yang berada di pasaran adalah selamat, berkesan, berkualiti tinggi dan di bawah kawalan undang-undang berkaitan, serta digunakan secara rasional.

Program ini diketuai oleh seorang Pengarah Kanan yang bertanggungjawab kepada empat aktiviti utama, yaitu Pengurusan Farmasi, Pengawalseliaan Farmasi (Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, BPFK), Penguatkuasaan Farmasi dan Amalan dan Perkembangan Farmasi. Keempat-empat aktiviti utama ini memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek dan pendekatan dengan objektif yang sama, yaitu memberikan perkhidmatan profesional farmasi yang terbaik kepada umum.

TENAGA KERJA FARMASI


Tenaga kerja farmasi telah semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu untuk memenuhi keperluan negara yang semakin meningkat. Selaras dengan pertumbuhan, ahli farmasi kepada nisbah penduduk juga secara beransur-ansur meningkat. Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan tenaga kerja farmasi di Malaysia dan unjuran sehingga tahun 2020.

RAJAH 1
BILANGAN AHLI FARMASI BERDAFTAR DI MALAYSIA



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

RAJAH 2
NISBAH AHLI FARMASI KEPADA BILANGAN PENDUDUK



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Latihan Dalam Perkhidmatan

Dengan tujuan penambahbaikan yang berterusan di kalangan kakitangan, latihan juga diberikan kepada pegawai-pegawai Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan kakitangan sokongan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1
LATIHAN YANG DIANJURKAN BPF, 2009-2011

Tahun	Bilangan Latihan	Kehadiran
2009	50	2,232
2010	61	2,388
2011	74	3,159


Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI (BPF)

Aktiviti Pendispensan Dalam Hospital dan Klinik KKM

Bilangan preskripsi yang diterima menunjukkan tren yang meningkat setiap tahun (35.6% sejak tahun 2007). Ini menunjukkan peningkatan permintaan untuk penjagaan kesihatan di kemudahan KKM.

RAJAH 3
BILANGAN PRESKRIPSI PESAKIT LUAR YANG DITERIMA, 2007-2011



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

RAJAH 4
BILANGAN PRESKRIPSI PESAKIT DALAM, 2005-2011




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Perbelanjaan Ubat-ubatan KKM

Jumlah kos ubat-ubatan yang diperolehi pada tahun 2011 untuk semua hospital dan klinik Kementerian Kesihatan adalah RM 1.767.61 juta pada tahun 2011, bersamaan dengan 10.1% kenaikan daripada 2010. Ini mencerminkan peningkatan dalam bilangan preskripsi yang diterima oleh kemudahan kesihatan.

RAJAH 5
PERBELANJAAN UBAT-UBATAN KKM, 2007-2011




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia

Pekeliling mengenai kemaskini Formulari dikeluarkan selepas setiap Mesyuarat Panel Kajian Ubatan yang diadakan tiga kali setahun. Formulari yang terkini juga boleh dilihat secara talian.

RAJAH 6
BILANGAN SEMAKAN & JUMLAH UBATAN YANG TERSENARAI DALAM FORMULARI KKM, 2007-2011



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Maklumat Penting

• Tambahan Nilai Pendispensan Perkhidmatan

Sebagai satu inisiatif untuk memudahkan isi semula ubat-ubatan, untuk mengurangkan masa menunggu dan meningkatkan keselesaan pesakit, Bahagian Perkhidmatan Farmasi menggalakkan perkhidmatan pendispensan nilai tambah dalam kemudahan KKM. Perkhidmatan terbaru diperkenalkan ialah Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M)

JADUAL 2
KEMUDAHAN DENGAN SISTEM TEMUJANJI FARMASI, 2011

JENIS KEMUDAHAN	KAD TEMUJANJI	TELEFON & AMBIL	SMS & AMBIL	UBAT MELALUI POS 1MALAYSIA	LAIN-LAIN*
Klinik Kesihatan	257	121	111	9	44
Hospital	86	67	102	44	28
JUMLAH	343	188	213	53	72

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

• Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M)

Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M) adalah salah satu daripada perkhidmatan nilai tambah yang ditawarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi untuk memperbaiki sistem pembekalan ubat oleh hospital dan klinik. Melalui perkhidmatan ini, pesakit yang mempunyai masalah untuk mendapatkan susulan bekalan ubat tidak perlu datang ke hospital sebaliknya ubat akan dihantar ke rumah, pejabat pesakit atau mana-mana destinasi lain di Malaysia melalui Poslaju.

Perkhidmatan ini telah dilancarkan secara rasmi pada 23 Januari 2011 oleh Menteri Kesihatan Malaysia, YB Dato' Sri Liow Tiong Lai di Hospital Putrajaya. Satu projek perintis telah dimulakan di Hospital Putrajaya pada Oktober 2009 sebelum diperluas kepada lain-lain hospital dan klinik Kementerian Kesihatan. Sehingga Disember 2011, sebanyak 44 hospital dan 9 klinik di seluruh negara telah menyediakan perkhidmatan ini.

GAMBAR 1
MAJLIS PELANCARAN UMP1M





Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

GAMBAR 2
METERAI RASMI UMP1M



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

- **Keselamatan Pengubatan**

- a. **Pengurusan Ubatan Berisiko Tinggi**

Objektif utama dalam Garis Panduan Penggunaan Ubat-ubat *High Alert* Secara Selamat adalah untuk menjadi rujukan kepada tenaga kerja profesional penjagaan kesihatan dalam mengendalikan ubat berisiko tinggi untuk memastikan keselamatan pesakit.

- b. **Garis Panduan untuk Pesakit dengan Pengesanan Alahan Ubat**

Garis panduan ini menerangkan prosedur standard untuk rekod alahan ubat-ubatan dan penggunaan Kad Alahan Ubatan.

- c. **Kad Alahan Ubatan**

Bersempena dengan penerbitan Garis Panduan untuk Pesakit dengan Pengesanan Dadah alahan, satu kad alahan ubat yang standard telah diperkenalkan sebagai satu cara / alat untuk memberitahu pembekal penjagaan kesihatan mengenai alahan ubat yang dialami oleh pesakit.

GAMBAR 3
PENERBITAN KESELAMATAN UBAT



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

GAMBAR 4
KAD ALAHAN UBATAN

No. Siri : DAC -		Peringatan	
Kad Alahan Ubat		Sila bawa dan tunjukkan kad ini semasa mendapatkan rawatan atau bekalan ubat-ubatan (Please bring and show this card when getting medication or seeking treatment)	
Nama		Pemberitahuan: Kad ini adalah untuk makluman dan panduan sahaja. Kementerian Kesihatan Malaysia tidak bertanggungjawab atas sebarang penyalahgunaan yang melibatkan kad ini. (Disclaimer: This card is for notification and guidance only. Ministry of Health Malaysia will not hold any responsibility on any misuse of the card.)	
No. K/P			
Nama Ubat	Reaksi Alahan	Tarikh kad dikeluarkan:	
		Dikeluarkan oleh:	
		Kementerian Kesihatan Malaysia	


Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

- Label Harga Ubat Untuk Farmasi Pesakit Luar**

BPF telah mula melabelkan harga ubat-ubatan ke atas sampul surat / pakej yang dibekalkan kepada pesakit luar di semua kemudahan KKM. Ini adalah selaras dengan strategi Dasar Ubat Nasional (DUNAS) untuk memberi maklumat harga kepada tenaga kerja profesional penjagaan kesihatan dan pengguna.

Tujuan kos ubat pelabelan adalah untuk memberi kesedaran dan juga untuk meningkatkan penghargaan pengguna terhadap ubat-ubatan yang diperolehi bagi mengelakkan pembaziran.

GAMBAR 5
PELABELAN KE ATAS UBAT YANG DIBEKALKAN



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Maklumat Ubatan untuk Awam

Bermula dari Ogos 2011, orang ramai boleh membuat pertanyaan mengenai maklumat ubatan kepada Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan melalui nombor bebas tol 1800-88-6722. Ini diperkenalkan selepas PFK memulakan perkhidmatan pada tahun 2006 untuk menggalakkan penggunaan ubat secara rasional dan berkualiti.

GAMBAR 6
POSTER PROMOSI TALIAN BEBAS TOL PUSAT PANGGILAN FARMASI KEBANGSAAN



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Good Governance For Medicines (GGM)

BPF dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dengan berbesar hati menjadi jawatankuasa penganjur bagi *Good Governance for Medicines (GGM)* Mesyuarat *Inter-regional* Fasa III yang telah diadakan pada 11-15 Julai 2011 di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia.

Empat puluh (40) perwakilan antarabangsa dari 13 buah negara (Arab Saudi, Jerman, Mesir, Switzerland, Filipina, Bolivia, Jordan, Lubnan, Macedonia, Republik Moldova, Mongolia, Republik Arab Syria, dan Thailand) telah mengambil bahagian dalam bengkel ini.

Objektif bengkel ini adalah untuk menyediakan platform bagi fasa I dan fasa II negara untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam GGM mereka dan juga bagi melancarkan secara rasmi Program GGM Fasa III Malaysia. Sehingga April 2011, terdapat 12 buah negara dalam Fasa I dan Fasa II masing-masing dan Malaysia adalah salah satu di kalangan 7 negara-negara di Fasa III.


GAMBAR 7
MESYUARAT INTER-REGIONAL GOOD GOVERNANCE FOR MEDICINES FASA III I



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Pada bulan Disember 2011, Bahagian Perkhidmatan Farmasi juga telah menghasilkan dan mengedarkan dua garis panduan sebagai sebahagian daripada inisiatif GGM, seperti yang di Gambar 8.

GAMBAR 8 GARIS PANDUAN HASIL DARI INISIATIF GGM



Garis Panduan untuk Berurusan dengan Wakil Farmaseutikal dan Syarikat Pembekal untuk Kakitangan Farmasi di Kementerian Kesihatan



Garis Panduan untuk Memberi dan Menerima Hadiah untuk Penjawat Awam di bawah Program Farmasi, Kementerian Kesihatan

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2011

Konvensyen ini diadakan setiap 2 tahun dan baru-baru ini diadakan di Hotel Avillion Legacy di Melaka dari 30 Oktober hingga 2 November 2011. Selaras dengan tema "Inovasi Kreatif Penjana Transformasi Kecemerlangan Farmasi", 55 projek telah dipilih daripada 80 permohonan yang bertanding dalam empat kategori pertandingan termasuk QA Lisan, QA Poster dan KIK.

Konvensyen yang dahulunya dikenali sebagai Konvensyen Kualiti ini, telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan YBhg Dato' Seri Dr. Hasan bin Abdul Rahman dan disaksikan oleh lebih kurang 300 anggota farmasi KKM dari seluruh negara. Tiga pemenang terbaik dari setiap kategori membawa pulang trofi beserta wang tunai berjumlah RM 1000 hingga RM 2000.

GAMBAR 9
KONVENSYEN INOVASI DAN KREATIVITI FARMASI 2011



Dato' Seri KP Merasmikan
Konvensyen



Dato' Seri KP Melawat Tapak Pameran
Inovasi



Pemenang (kategori KIK)


Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Aktiviti Penguatkuasaan

• Perisikan, Operasi dan Audit Pematuhan

Nilai barang yang disita melalui serbuan, pemeriksaan dan di pintu masuk pada tahun 2011 adalah RM 30,066,168 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 27% dari tahun 2010.

RAJAH 7
JUMLAH NILAI RAMPASAN (RM) MELALUI SERBUAN, PEMERIKSAAN PREMIS DAN DI PINTU MASUK, 2008-2011



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

JADUAL 3
JUMLAH RAMPASAN MELALUI SERBUAN MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2011

Negeri	Keluaran Berdaftar		Keluaran Tak Berdaftar		Jumlah Besar	
	Bil	Nilai (RM)	Bil	Nilai (RM)	Bil	Nilai (RM)
Johor	136	1,237,335	5,968	827,539	6,104	2,064,874
Kedah	871	401,324	802	253,958	1,673	655,282
Kelantan	150	14,178	717	330,224	867	344,402
Melaka	27	28,140	598	93,156	625	121,296
N. Sembilan	96	92,978	795	79,791	891	172,769
Pahang	19	83,233	489	59,122	508	142,355
Perak	340	348,416	551	101,146	891	449,562
Perlis	3	1,204	237	25,187	240	26,391
P. Pinang	977	636,436	1,301	542,743	2,278	1,179,179
Sabah	42	707,013	2,104	802,995	2,146	1,510,008
Sarawak	397	56,461	904	735,500	1,301	791,961
Selangor	492	2,461,790	2,401	15,675,249	2,893	18,137,039
Terengganu	20	18,134	523	139,719	543	157,853
WP KL	207	731,659	1,760	956,935	1,967	1,688,594
WP Labuan	0	0	43	20,432	43	20,432
JUMLAH	3,777	6,818,301	19,193	20,643,696	22,970	27,461,997

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

• Pendakwaan

Kes telah didakwa berdasarkan empat perkara utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Terdapat 965 kes pada tahun 2011 dengan sejumlah RM 2,172,100.00 denda dikutip.

JADUAL 4
PENDAKWAAN (SELESAI) MENGIKUT AKTA DAN NEGERI, 2011

	Akta Racun 1952	Akta Racun 1952 (Bahan Psikotropik)	Akta Jualan Dadah 1952	Akta Ubat (Iklan & Jualan) 1956	Jumlah
Bil Kes	396	55	469	45	965
Kutipan Denda (RM)	640,250	183,550	1,291,500	56,800	2,172,100

Sumber: Seksyen Pendakwaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

• Pemantauan Iklan

Lembaga Iklan Ubat (LIU) telah menerbitkan 'Panduan Pengiklanan Untuk Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan' pada 2011 dan telah mengedarkan garis panduan tersebut kepada semua pihak yang berkepentingan pada bulan Julai untuk membantu pembangunan pelancongan kesihatan di negara ini.

Menyedari penggunaan *modus operandi* baru seperti menggunakan medium internet untuk membuat transaksi penjualan ubatan secara haram dan promosi ubatan secara tidak sah, BPF turut menjalankan pemantauan internet dan mendapatkan kerjasama daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk menyekat laman sesawang yang menyalahi undang-undang terutama bagi laman sesawang yang berpangkalan di luar negara.

JADUAL 5
KELULUSAN PERMOHONAN IKLAN, 2009-2011

Year	2009	2010	2011
Bilangan Permohonan	1,951	1,602	1,634
Jumlah Kelulusan	1,712	1,418	1,514
Jumlah Kelulusan secara 'Fast Track'	1,499 (87.56%)	1,327 (93.58%)	1,281 (84.61%)
Jumlah Yuran Dikutip (RM)	195,100	160,200	163,400

Sumber: LIU, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN (BPFK)

Pendaftaran Produk

Menjelang akhir tahun 2011, terdapat 44,881 produk berdaftar secara kumulatif di Malaysia (Jadual 6). Jadual 7 menunjukkan terdapat 23,580 produk dari kategori berbeza yang masih didaftarkan sehingga 31 Disember 2011.

JADUAL 6
BILANGAN KUMULATIF PRODUK YANG DIDAFTARKAN, 2007-2011

Tahun	Produk Preskripsi	Produk Bukan Preskripsi	Produk Suplemen Kesihatan#	Produk Tradisional	Produk Veterinar [^]	Jumlah
2007	11,805	9,099	-	18,199	-	39,103
2008	12,214	9,370	-	19,153	-	40,737
2009	12,626	9,683	-	20,193	-	42,502
2010	13,067	9,918	-	20,775	54	43,814
2011	13,392	9,973	168	21,242	106	44,881

Nota: [^] Permohonan pendaftaran bagi produk veterineri hanya diterima mulai Ogos 2007

Mulai 1 Januari 2011, data untuk produk suplemen kesihatan disenaraikan secara berasingan.

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

JADUAL 7
BIL PRODUK YANG MASIH BERDAFTAR SEHINGGA 31 DISEMBER 2011

Kategori Produk	Bil Produk Berdaftar
Preskripsi (A)	7,136
Bukan Preskripsi (X)	4,623
Tradisional (T)	11,688
Veterinar (H)	106
Jumlah	23,580

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

• **Garis Panduan Kawalan Regulatori Bahan Aktif Farmaseutikal (API)**

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia akan memperkenalkan kawalan wajib API sebagai sebahagian daripada keperluan dalam permohonan pendaftaran produk. Ini dilaksanakan secara prospektif mengikut garis masa secara berperingkat ditubuhkan oleh BPFK. Pelaksanaan bermula dengan penyerahan secara sukarela untuk Entiti Kimia Baru pada bulan April 2011


• **QUEST3**

QUEST3 adalah sistem penyerahan dalam talian yang telah dipertingkatkan bagi pengguna berikut untuk menjalankan urus niaga dalam talian secara selamat ke atas pendaftaran produk, permohonan perubahan, pensampelan pemasaran, pembaharuan produk dan urus niaga lain seperti pelesenan. Sistem baru ini menggabungkan modul baru bagi urus niaga yang sebelum ini dilakukan secara manual seperti permohonan pendaftaran produk Untuk Eksport Sahaja, pembaharuan atau perubahan Notifikasi Kosmetik, Laporan Kesan sampingan Ubat (ADR dan laporan SUSAR untuk produk dalam ujian klinikal. Sistem QUEST3 akan menggantikan sistem QUEST2 dan akan dilancarkan secara berperingkat.

Pasca Pendaftaran Produk

Bagi memastikan produk berdaftar di pasaran tempatan mengekalkan komplians terhadap keselamatan, efikasi dan kualiti produk, pengawasan produk berdaftar di pasaran dijalankan sebagai sebahagian daripada proses regulatori. Jumlah laporan kesan advers ubat (ADR) yang diterima telah menunjukkan peningkatan setiap tahun. Ini berkemungkinan hasil dari promosi pelaporan ADR melalui bengkel dan ceramah yang dijalankan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2011, 9,385 laporan ADR telah diterima oleh Program Pemantauan Kesan Advers Ubat Malaysia (Rajah 8), ini menunjukkan peningkatan sebanyak 24.6% berbanding tahun 2010.


RAJAH 8
BILANGAN LAPORAN KESAN ADVERS UBAT (ADR), 2007-2011



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Berdasarkan keputusan pengujian makmal untuk sampel produk yang diambil, 82 kelompok produk dikenakan tindakan Panggil Balik Tahap III (dalam masa 30 hari) disebabkan oleh masalah kualiti. Tindakan panggil balik tersebut melibatkan 26 (31.7%) produk preskripsi, 20 (24.4%) produk bukan preskripsi, 5 (6.1%) produk suplemen kesihatan, 19 (23.2%) produk tradisional dan 12 (14.6%) produk kosmetik (Rajah 9).

RAJAH 9
BILANGAN (PERATUS) PRODUK YANG DIKENAKAN TINDAKAN PANGGIL BALIK TAHAP III*, 2011




*Nota: *Produk yang dikenakan Tindakan Panggil Balik selain dari risiko kesihatan dan substandard Produk tersebut harus melalui sekatan dalam masa 30 hari ataupun seperti yang ditetapkan.*

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Kawalan Kualiti

Sampel yang akan diuji telah diterima daripada sampel pendaftaran, pengawasan sampel, sampel aduan produk dan aktiviti penguatkuasaan. Sebanyak 53,121 ujian telah dijalankan ke atas 3,027 sampel yang diterima pada tahun 2011 (Rajah 10).

RAJAH 10
STATISTIK PENGUJIAN SAMPEL, 2007-2011




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Pematuhan & Pelesenan

Pada tahun 2011, 255 lesen pengilang dan 375 lesen pengimport telah dikeluarkan. Bagi lesen pemborong pula, 1,037 lesen telah dikeluarkan termasuk lesen pemborong untuk produk yang mengandungi racun berjadual dan lesen pemborong untuk produk bukan racun, ubat tradisional dan kosmetik (Rajah 11).

RAJAH 11
LESEN-LESEN YANG DIKELUARKAN BPFK 2007-2011



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

• Garis Panduan Amalan Edaran Baik (GDP)

Garis Panduan ini digunakan sebagai standard untuk menjustifikasi status dan sebagai asas bagi pemeriksaan kemudahan di mana semua pengeluar, pemborong dan pengimport dikehendaki menerima pakai prosedur pengedaran dan pengurusan stor yang betul. Prosedur ini termasuk pengurusan kakitangan, premis, kemudahan, dan dokumenatri prosedur yang mengekalkan keselamatan, keberkesanan dan kualiti bahan atau produk atau kosmetik.

Ini menunjukkan bahawa lesen pemborong adalah pada kedudukan yang tertinggi yang dikeluarkan oleh BPFK, diikuti dengan lesen import dan lesen pengilang

Program

Selain daripada aktiviti-aktiviti utama yang dinyatakan di atas, BPF juga terlibat dalam beberapa peristiwa-peristiwa penting yang berkaitan dengan pembangunan program (Jadual 8).

JADUAL 8
PROGRAM PENTING FARMASI, 2011

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	DIANJURKAN OLEH, PENGANJUR
<i>The International Conference on Harmonisation-Global Cooperation Group (ICH-GCG) ASEAN Training Workshop on ICH Guidelines Q5C</i>	30-31 Mei 2011	Hotel One World, Petaling Jaya, Selangor	Dr. Tajuddin Akasah, Timbalan Pengarah, NPCB
<i>The 15th ASEAN Consultative Committee Meeting for Standards and Quality on Traditional Medicines and Health Supplements Product Working Group</i>	30th Jun - 1st Julai 2011	Hotel The Grand Dorsett, Subang, Selangor	NPCB
<i>WHO Training Workshop on the Quality Assessment of Active Pharmaceutical Ingredients (API) & Awareness Seminar on Regulatory Control of API</i>	29-30 September 2011 & 1st Oktober 2011	BPFK & Hotel Cititel Mid Valley, Kuala Lumpur	Mdm. Siti Aida Abdullah, Timbalan Pengarah Pendaftaran Produk, BPFK
<i>WHO Consultative Meeting on Combating Substandard / Spurious / Falsely-labeled / Falsified / Counterfeit (SSFFC) Medicines and Building Global Capacity for Surveillance and Monitoring of SSFFC</i>	3-5 Oktober 2011	Hotel The Royale Chulan, Kuala Lumpur	Mr. Mohd Hatta Ahmad, Pengarah Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi
<i>Mutual Joint Visit by the Organisation for Economic Cooperation's and Development (OECD) Good Laboratory Practice (GLP) Working Group to National Pharmaceutical Control Bureau</i>	14-19 November 2011	BPFK & Pusat teknologi dan Penyelidikan Persekutaran (ETRC), SIRIM Berhad, Shah Alam	

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

HALA TUJU

Program Farmasi berdedikasi dan komited dalam usaha untuk merealisasikan misinya untuk menyampaikan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal yang lebih baik kepada negara itu. Dengan peningkatan jumlah ahli farmasi, kami memandang ke hadapan untuk mempunyai pengkhususan ahli farmasi dalam bidang-bidang tertentu penjagaan kesihatan. Oleh itu, ia akan meningkatkan kesan perkhidmatan penjagaan kesihatan ke arah penjagaan pesakit.

9 | Kualiti & Keselamatan Makanan

PENGENALAN

Dengan pertambahan permintaan untuk keselamatan makanan, samada untuk pengguna tempatan atau eksport, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkukuhkan kawalan keselamatan makanan di Malaysia melalui penaiktarafan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) sebagai program baru yang diketuai oleh Pengarah Kanan mulai 1 Julai 2010. BKMM sebagai Pihak Berkuasa Kecekapan untuk keselamatan makanan di Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan makanan sepanjang rantai pembekal makanan bagi melindungi orang awam dari kemudaratan kesihatan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan melalui Akta Makanan 1983 dan pengawalan serta Akta Juruanalisis Makanan 2011.

Di bawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, dua (2) bahagian ditubuhkan, iaitu Bahagian Perancangan, Perkembangan Dasar dan Standard Codex dan Bahagian Pematuhan dan Pembangunan Industri. Di bawah Bahagian ini, terdapat lapan (8) Cawangan iaitu Komunikasi dan Kepenggunaan, Polisi & Penyelidikan, Standard & Codex, Surveilans & Makmal, Industri Domestik, Pematuhan Domestik, Import dan Eksport.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

CAWANGAN DASAR DAN PENYELIDIKAN

Cawangan dasar dan penyelidikan bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal aktiviti berkaitan dasar, kualiti dan inovasi, mengaturselia projek, pembangunan sumber manusia dan memantau pembangunan, penyelenggaraan dan aplikasi sistem maklumat. Ia juga bertanggungjawab untuk penyelenggaraan maklumat teknikal di laman sesawang bahagian.

i. Aktiviti yang dijalankan dibawah Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK)

MKMPK merupakan badan penasihat kebangsaan tertinggi yang menyediakan nasihat berkaitan keselamatan makanan dan pemakanan di Malaysia. Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan dan terdiri daripada 48 ahli termasuk 16 Ketua Setiausaha dan 25 Ketua Pengarah pelbagai kementerian dan agensi dan pertubuhan bukan kerajaan. Penubuhan MKMPK diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 21 Mac 2001 dengan objektif untuk memastikan kesihatan pengguna dijamin dengan mengukuhkan keselamatan makanan pada semua peringkat dalam rantai bekalan makanan dalam Negara dan untuk memastikan rakyat Malaysia mencapai status optimum pemakanan.

Mesyuarat MKMPK ke-10 diadakan pada 8 Disember 2011 dan dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan. Ia dihadiri oleh Ketua Setiausaha Menteri / wakil, Ketua Pengarah Kesihatan / wakil dari agensi yang berkaitan, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan badan profesional yang diwakili oleh presiden / wakil Persatuan masing-masing. Sebanyak 21 isu, dua (2) kertas cadangan dan tujuh (7) kertas maklumat dibentangkan pada mesyuarat.

- ii. **Aktiviti melibatkan Bidang Keberhasilan Utama Area (KRA) / Petunjuk Prestasi Utama (KPI)**
Pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Area (KRA) juga merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Timbalan Menteri Kesihatan untuk 2011 seperti di Jadual 1.

JADUAL 1
PENCAPAIAN KRA, 2011

Petunjuk	Sasaran	Sebenar
Peratusan keracunan makanan di sekolah	<2.3 %	1.35 %
Percentage keracunan makanan di Pusat Latihan Khidmat Negara	<10.0 %	12.35 %
Bilangan premis eksport yang mematuhi syarat negara import	35	36
Bilangan premis makanan yang bersih	96 %	97 %
Peratusan yang mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985.	>96 %	97 %

Sumber: Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

KPI Ketua Pengarah Kesihatan termasuk dua (2) KPI yang dipantau sepanjang 2011 seperti di Jadual 2.

JADUAL 2
PENCAPAIAN KPI KPK, 2011

Petunjuk	Sasaran	Sebenar
Bilangan syarikat yang diiktiraf dengan HACCP yang melibatkan kes keracunan makanan.	< 2.5	0%
Meningkatkan bilangan premis eksport ikan dan produk ikan yang mematuhi syarat negara import	> 50	65

Sumber: Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

iii. Inovasi

Pada 2011, 16 kumpulan makmal inovasi dibentuk dan beberapa projek inovasi dicadangkan untuk menyertai pertandingan.

Makmal Inovasi Kumpulan 1 dari BKKM menang Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia dan Latihan Institusi 2011 yang diadakan pada 14 Julai 2011. Inovasi "Preliminary Audit under Analysis Hazard Certification Scheme and Critical Control Points (HACCP)" menang tempat pertama dalam Kategori Pengurusan, manakala "1Malaysia Food Safety Scheme (SK1M)" menang tempat kedua dalam Kategori Teknikal.

iv. Aktiviti melibatkan penyelidikan dan pengawasan

Projek yang dijalankan diklasifikasi kepada dua (2) kategori; Projek Kebangsaan yang meliputi seluruh negara dan Projek Khusus yang bertumpu kepada negeri tertentu atau isu dan melibatkan tinjauan atau analisis dijalankan dengan kerjasama antara Bahagian dan institut pengajian tinggi. Sebanyak 32 projek Kebangsaan dan Khusus telah dijalankan semasa 2011. Seksyen ini juga bertanggungjawab untuk mengawas projek seperti *Malaysian Total Diet Study* (MTDS) dan projek penyelidikan dengan agensi kerajaan seperti Bahagian Pemakanan & *National Institutes of Health* disamping kerjasama *ad hoc* dari semasa ke semasa.

Persidangan Keselamatan Makanan 2011 diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 6-8 Disember 2011 dimana 20 kertas kerja pengawasan keselamatan makanan dan projek penyelidikan yang dijalankan menggunakan dana Program BKKM dibentangkan.

Persidangan tersebut memberi peluang untuk membentangkan dan berkongsi hasil penyelidikan, pendedahan tentang perkembangan terbaru dalam bidang keselamatan makanan selain pengetahuan mendalam yang diperolehi melalui kerja yang dijalankan dalam projek pengawasan serta mengambil bahagian dalam sesi pembangunan.

v. Aktiviti melibatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Aktiviti melibatkan perkembangan, penambahbaikan, penyelenggaraan dan pembudayaan ICT telah dijalankan dengan tatacara selaras untuk menyokong Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, dimana dua (2) sistem aplikasi; the *Food Safety System for Malaysia (FoSIM) Domestic* dan *Official Food Control Management System for Export to European Union (FExOC)* dan dibangunkan sepenuhnya pada 18 Julai 2011 dan 13 Disember 2011 masing-masing.

vi. Pembangunan dan Penyelenggaraan laman sesawang BKKM

Laman sesawang rasmi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan BKKM yang boleh dicapai di <http://fsq.moh.gov.my> dilancarkan pada Julai 2011. Ciri yang lebih baik laman sesawang ini termasuk nama paparan dan rentangan BKKM yang lebih jelas di atas laman sesawang, maklumat dipaparkan dalam kumpulan seperti mengenal BKKM, aktiviti dan perkhidmatan, media, soalan lazim ditanya, pautan, garispanduan, perundangan, direktori ahli, hubungi kami, pengumuman, berita aktiviti, kenyataan media, paparan khas (industri, orang awam dan kakitangan BKKM) dan lain-lain. Laman web rasmi BKKM diberikan *4-star rating* semasa penilaian laman sesawang Kementerian Kesihatan.

RUMUSAN

Pada 2011, Cawangan Dasar dan Penyelidikan mengendalikan Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan ke 10 dan pelancaran laman sesawang rasmi BKKM, menjalankan 32 projek penyelidikan, membangunkan dua (2) sistem aplikasi ICT baru dan membentuk 16 kumpulan makmal inovasi BKKM.

BAHAGIAN INDUSTRI DOMESTIK

Program dan aktiviti berkaitan dengan jaminan keselamatan makanan, amalan kebersihan yang baik dan penilaian pematuan dibangunkan, dilaksanakan dan diawas untuk meningkatkan lagi keselamatan makanan di sektor makanan yang berkaitan bagi mengurangkan kontaminasi makanan dan kejadian keracunan makanan di negara.

PERKHIDMATAN MAKANAN


Program dan aktiviti dijalankan bagi meningkatkan amalan kebersihan yang baik yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan makanan yang berkaitan.

- **Program Latihan Pengendali Makanan**

Objektif program ini adalah untuk memberikan pengetahuan amalan kebersihan yang baik dalam pengendalian makanan termasuk kebersihan premis makanan kepada semua pengendali makanan bagi memastikan penyediaan makanan yang selamat yang akan mengumbang kepada pengurangan kejadian keracunan makanan di negara.

Rajah 1 menunjukkan bilangan pengendali makanan yang dilatih oleh Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) mengikut negeri pada 2011. Pada 2011, sebanyak 126,905 pengendali makanan dilatih oleh SLPM yang diiktiraf oleh KKM. Sejak penubuhan program ini pada 1996, sebanyak 684,960 pengendali makanan telah dilatih dimana 163 SLPM dengan 420 pelatih telah diiktiraf oleh KKM untuk mengendalikan Kursus Latihan Pengendali Makanan.

RAJAH 1
BILANGAN PENGENDALI MAKANAN DILATIH OLEH SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI
MAKANAN MENGIKUT NEGERI, 2011



Sumber: Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan dilancarkan pada 15 Jun 2011 oleh Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. Dokumen ini memberi panduan kepada SLPM dan jurulatih mengendalikan Kursus Latihan Pengendali Makanan dan kepada pegawai KKM yang menjalankan pengawasan dan audit SLPM. Ia juga menggariskan tindakan yang perlu diambil terhadap SLPM atau jurulatih yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh KKM.

GAMBAR 1
PROGRAM PELANCARAN GARIS PANDUAN SKIM AKREDITASI PROGRAM LATIHAN
PENGENDALI MAKANAN, 15 JUN 2011, PUTRAJAYA



Sumber: Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

- **Program Pemeriksaan Sendiri (KENDIRI) di Sekolah**

Program Pemeriksaan Sendiri (KENDIRI) berdasarkan konsep tanggungjawab bersama dikalangan pihak berkepentingan yang berkaitan bagi memastikan kebersihan premis makanan yang berkaitan. Program KENDIRI telah dilaksanakan di sekolah sejak 2008 bagi mengurangkan kejadian keracunan makanan yang disebabkan oleh makanan yang disediakan di kantin sekolah dan asrama. Melalui program ini, pengendali kantin sekolah dan asrama diberi kuasa untuk menjalankan penilaian sendiri keatas kebersihan premis dan keadaan dipantau di pelbagai peringkat, iaitu, secara langsung oleh pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KKM. Dengan pelaksanaan program KENDIRI, terdapat pengurangan 14% dalam bilangan sekolah yang mengalami episod keracunan makanan, iaitu 157 sekolah pada 2010 kepada 135 sekolah pada 2011.

- **Program Pemeriksaan Sendiri (KENDIRI) di Kem Latihan Khidmat Negara**

Melalui pelaksanaan program KENDIRI di sekolah, didapati bahawa ia merupakan alat yang berkesan dalam pencegahan keracunan makanan, maka ia diperluaskan kepada dapur di Kem Latihan Khidmat Negara pada 2010.

(b) Lawatan Kerja

Bahagian ini menyelaras lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia ke beberapa negara luar bagi mempertingkatkan kerjasama kesihatan. Antara lawatan kerja yang diadakan pada 2011 adalah:

(i) Bangladesh dan Republik India

Yang Berbahagia Menteri Kesihatan Malaysia dan delegasi melawat Dhaka, Bangladesh dan New Delhi, India pada 2 – 6 Mac 2011. Tujuan lawatan adalah untuk merasmikan Seminar dan Pameran Penjagaan Kesihatan Malaysia di Dhaka, Bangladesh dan untuk menjalin kerjasama yang lebih erat dalam bidang farmaseutikal, pelancongan kesihatan, pembangunan sumber manusia dan perubatan tradisional antara Malaysia dan Bangladesh. Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga melawat Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Keluarga India bagi membincangkan kerjasama kesihatan yang berterusan antara Malaysia dan Republik India.

(ii) Austria

Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia dan delegasi melawat Vienna, Austria pada 24-26 April 2011. Tujuan lawatan adalah untuk mempromosikan kerjasama antara pihak berkuasa regulatori farmaseutikal Malaysia dan Austria. Semasa lawatan isu akses pasaran kepada pasaran Austria untuk syarikat farmaseutikal generik Malaysia dibincangkan.

(iii) United Kingdom, Switzerland dan Jerman

BDHA juga menyelaras lawatan Yang Berhormat Menteri Kesihatan ke United Kingdom, Switzerland dan Jerman pada 12 - 24 Mei 2011. Tujuan lawatan adalah untuk meningkatkan kerjasama dan perdagangan dalam sektor farmaseutikal dan peralatan perubatan. Pada masa yang sama, KKM juga mempromosikan pelancongan kesihatan kepada tiga-tiga negara tersebut.

(c) Perdagangan Antarbangsa dan Kesihatan**(i) Perjanjian Kerjasama Perkongsian (PCA) Pertama antara Malaysia dan Kesatuan Eropah****Perjanjian Kerjasama Perkongsian (PCA) Kedua antara Malaysia dan Kesatuan Eropah**

BDHA mewakili KKM pada rundingan pertama PCA yang diadakan di Kuala Lumpur pada 21 – 22 Februari 2011. Rundingan PCA kedua diadakan pada 30 Jun - 1 Julai 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC), Putrajaya. Semasa rundingan, kerjasama yang mungkin kesihatan yang membawa faedah bersama untuk Malaysia dan Kesatuan Eropah telah dikenalpasti.

(ii) Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Perdagangan Kesembilan bagi Kumpulan Pakar Perkhidmatan– Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA) Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Perdagangan Kesepuluh bagi Kumpulan Pakar Perkhidmatan – Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA)

BDHA mewakili KKM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Perdagangan (TNC) Kesembilan pada 4 – 8 Julai 2011 di Kuala Lumpur. Rundingan yang melibatkan KKM adalah:

- (a) Pergerakan *Natural Persons*;
- (b) Akses Pasaran; dan
- (c) Teks Bab Perkhidmatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Perdagangan (TNC) Kesepuluh tentang Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA) diadakan pada 21 – 24 November 2011 di Canberra, Australia. Sesi kesepuluh merupakan sesi rundingan muktamad dan MAFTA akan diterima pakai oleh kedua-dua Kerajaan pada tahun 2012.

(iii) Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah yang ke-2 (MEUFTA) pada 1-4 Mac 2011

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah yang ke-3 (MEUFTA) pada 10-14 Mei 2011

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah yang ke-4 (MEUFTA) pada 12 – 15 Julai 2011

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah yang ke-5 (MEUFTA) pada 18 – 21 October 2011

Pada tahun 2011, BDHA mewakili KKM dalam Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA) di empat sesi rundingan yang diadakan di Kuala Lumpur dan Brussels berselang-seli. KKM terlibat dalam perkara yang berkaitan dengan:

- (a) *Market Access to Goods;*
- (b) *Sanitary and Phytosanitary Measures;*
- (c) *Intellectual Property Rights (IPR);* dan
- (d) *Technical Barriers to Trade (TBT).*

(iv) Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pertama Malaysia dan Pertubuhan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA)

BDHA juga mewakili KKM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pertama Malaysia-EFTA pada 28 Jun 2011 di Kuala Lumpur. Antara bidang berkepentingan yang berkenaan dengan KKM adalah kerjasama dalam bidang:

- (a) Peralatan Perubatan; dan
- (b) Farmaseutikal.

(d) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

Sepanjang 2011, BDHA menyelaraskan penempatan 21 pakar perunding WHO dan 12 fellow WHO dalam pelbagai institusi di Malaysia. Tambahan pula, BDHA juga menyelaraskan dan memproses permohonan dari 173 peserta dan 11 penasihat jangka masa pendek dan 3 pemerhati yang terdiri daripada golongan profesional Malaysia untuk menghadiri 141 mesyuarat/ bengkel/ lawatan sambil belajar ke luar negara di bawah tajaan WHO.

Promosi dan Pembangunan Industri Penjagaan Kesihatan

BDHA bekerja rapat dengan agensi kerajaan lain dan sektor swasta untuk mempromosi dan membangunkan industri penjagaan kesihatan tempatan. Agensi kerajaan ini termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensinya iaitu Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA); Kementerian Pelancongan dan agensinya iaitu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) dan juga Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, BDHA juga berkolaborasi dengan sektor swasta, iaitu Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (MSQH), Organisasi Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI), Persatuan Farmaseutikal Malaysia (PhAMA), Persatuan Peralatan Perubatan Malaysia (MMDA) dan Persatuan Industri Perubatan Malaysia Medical Industries (AMMI).

Sepanjang 2011, BDHA telah menyokong industri penjagaan kesihatan dengan mengadakan 2 kursus dan juga mengambil bahagian dalam 1 acara tempatan dan 2 acara antarabangsa. BDHA juga melibatkan pihak berkepentingan industri penjagaan kesihatan dalam pelbagai dialog formal dan tidak formal. Data dan maklumat berkaitan industri penjagaan kesihatan dikumpulkan dan BDHA juga memberi maklum balas terhadap lebih 50 pertanyaan berkaitan industri dari beberapa pihak berkepentingan.

(a) Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

(i) **APHM Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa 2011 pada 6-8 Julai 2011 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur**

Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia merasmikan Pembukaan (i) APHM Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa 2011 yang ke-19 yang diadakan pada 6-8 Julai 2011. 44 syarikat berkaitan dengan penjagaan kesihatan mengambil bahagian dalam pameran tersebut dan memenuhi 106 ruang pameran. BDHA juga menyelaraskan penyertaan KKM dalam pameran, mengambil 8 gerai dengan kerjasama Biro Kawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Biro Peranti Perubatan, Pusat Penyelidikan Klinikal, Bahagian Pendidikan Kesihatan, Majlis Pelancongan Jagaan kesihatan Malaysia, Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari, lembaga Promosi kesihatan Malaysia dan Pejabat Pengurusan Penyampaian. Bahagian/ Agensi KKM telah berjaya menunjukkan dan menyebarkan maklumat perkhidmatan kepada pelawat. Sejumlah 2000 pelawat termasuk 620 delegasi Persidangan menghadiri pameran 3 hari tersebut.

(ii) **Menganjurkan *Incoming Buying Mission* sempena Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa APHM 2011 pada 4-7 Julai 2011 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur**

Sejajar dengan usaha berterusan untuk mempromosikan sektor penjagaan kesihatan, BDHA dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) menganjurkan *Incoming Buying Mission* (IBM) pada 4 hingga 7 Julai 2011. 16 peserta dari Brazil, Kanada, India, Filipina, Arab Saudi, Arabia, Ukraine, United Kingdom dan Vietnam menyertai IBM. Sebanyak 91 mesyuarat perniagaan antara 16 pembeli dan 21 syarikat tempatan diadakan pada 6 Julai 2011. Urusan perdagangan dianggarkan berjumlah RM131.5 juta disempurnakan untuk peralatan perubatan pakai buang, farmaseutikal, antiseptik, disinfektan. Sempentara itu, rundingan masih berjalan untuk urus niaga yang berpotensi dianggarkan sebanyak RM437.2 juta.

(b) Peralatan Perubatan

(i) **MEDICA 2011, 16-19 November 2011, Dusseldorf, Jerman**

BDHA menerajui penyertaan KKM dalam MEDICA 2011 bersama-sama MATRADE, MIDA dan PEMANDU. MEDICA merupakan pameran perdagangan peralatan perubatan terbesar di dunia sejak 1968. Pada 2011, 4,571 peserta pameran dari 62 negara menyertai MEDICA 2011 memenuhi 17 dewan pameran yang digunakan. Semasa pameran 4 hari tersebut, 134,500 pengunjung dicatat dengan penyertaan dari 100 buah negara.

Terdapat 33 syarikat Malaysia yang menyertai acara tersebut. 16 daripadanya merupakan pengeluar sarung tangan getah (Top Glove, Adventa Health, Hartalega, Karex Industries, Smart Glove Corporation, Kossan, Latexx Manufacturing & Supermax Glove Manufacturing). Produk lain yang dipamerkan merupakan kateter, implan ortopedik, tiub dan perabot hospital.

Delegasi Malaysia ke MEDICA 2011 diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan. Pavilion Malaysia menjadi tuan rumah kepada 11 organisasi dan 260 pertanyaan berkenaan sebut harga produk, senarai pengeluaran peralatan perubatan tempatan lain, maklumat produk dan yang lain juga direkod.

(c) Farmaseutikal

(i) Bengkel Amalan Baik Kawal Selia (GRP)

Satu bengkel tentang Amalan Baik Kawal Selia (GRP) telah berjaya diadakan pada 27 Julai 2011 di Institut KWSP, Kajang Selangor. Seramai 32 pegawai pentadbiran KKM dari pelbagai bahagian menyertai bengkel ini. Program ini diadakan dengan kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Standard Malaysia (DSM). Kursus ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan pelaksanaan Amalan Baik Kawal Selia (GRP), yang akan membantu Malaysia membangunkan peraturan teknikal yang konsisten dengan Perjanjian World Trade Organisation (WTO) dan *Technical Barriers to Trade* (TBT). Usaha ini telah dicerminkan dalam komitmen KKM kearah sektor penjagaan kesihatan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi.

(ii) Cphl Worldwide 2011, Messe Frankfurt, Jerman (25-27 Oktober 2011)

Cphl Worldwide merupakan acara prangkaian (networking) farmaseutikal terbesar dengan penyertaan 28,500 peserta dari 140 negara di Messe Frankfurt, Jerman pada 24-27 Oktober 2011. Acara ini menghimpunkan pengeluaran dan produk dengan bakal pelanggan dan juga peluang untuk mengikuti perkembangan industri terkini semasa Konferens Pra Pameran dan pembentangan peserta pameran di Sudut Syarahan (Speakers Corner). KKM dan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan mengambil bahagian dalam pameran ini dengan kerjasama MIDA dan MATRADE. Terdapat 5 syarikat yang mengambil bahagian dalam pameran tersebut secara bersendirian:

- (a) CCM Pharmaceuticals Sdn Bhd;
- (b) Hovid Berhad;
- (c) Pharmaniaga Marketing Sdn Bhd;
- (d) Royce Pharma Manufacturing Sdn Bhd; and
- (e) Symbiotica Specialty Ingredients Sdn. Bhd.

Kontra Pharma Sdn Bhd dan YSP Southeast Sdn Bhd juga menghadiri acara tersebut sebagai delegasi. Syarikat farmaseutikal terbesar Pharmaniaga Berhad menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) dengan Modern Industrial Investment Holding Group Co. Ltd. dan E-Healthline untuk projek usahasama (JV) di Timur Tengah semasa acara tersebut. MoC akan melihat ketiga-tiga pihak meneroka kemungkinan untuk mewujudkan sebuah JV untuk mereka, merangka, mengendalikan dan mengurus kompleks farmaseutikal di Arab Saudi. Modern Industrial, sebuah syarikat pemegang berpusat di Riyadh, yang bersekutu Dengan Modern Chemicals Company Ltd., iaitu sebuah syarikat yang berpengalaman dalam pembangunan, pembiayaan, pembangunan dan pengendalian pelbagai fasiliti pembuatan di Arab Saudi. E-Healthline merupakan sebuah syarikat yang bertapak di AS yang menyediakan sistem pengurusan maklumat penjagaan kesihatan bersepadu. Syarikat ini juga menyediakan penyelesaian teknologi maklumat lain yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan, yang beroperasi di serata dunia.

Ruang pameran KKM di acara mendapat sokongan yang memberangsangkan dengan kehadiran lebih daripada 300 pengunjung, 50 pertanyaan dan 10 mesyuarat perniagaan diadakan.

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Penjagaan Kesihatan

BDHA terus berkerja rapat dengan PEMANDU berikutan penubuhan Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO) untuk NKEA penjagaan kesihatan dalam BDHA pada September 2010. DMO menyediakan laporan kemajuan mingguan Projek Permulaan (EPP) kepada PEMANDU dengan bantuan daripada pemilik EPP masing-masing. Ini telah membenarkan pengawasan rapi perkembangan projek termasuk mengenalpasti masalah di peringkat awal.

DMO juga membantu penyampaian EPP dan Peluang Perniagaan dengan menyediakan bantuan yang diperlukan kepada pemilik EPP, sebagai contoh menyediakan data yang berkaitan sepertimana yang dimohon oleh pemilik. Kajian Perkhidmatan Radiologi di 39 hospital kerajaan berjaya dijalankan bagi membantu perlaksanaan EPP Perkhidmatan Nexus Diagnostik.

(a) NKEA Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NKEA Penjagaan Kesihatan

Sebanyak 10 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NKEA Penjagaan Kesihatan diadakan pada 2011. Dalam mesyuarat untuk penyelesaian masalah isu dan cabaran berkaitan pelaksanaan EPP dibincangkan dan diselesaikan. Mesyuarat tersebut diketuai bersama oleh Ketua Menteri NKEA Penjagaan Kesihatan iaitu Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala, Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU dan Menteri dari Jabatan Perdana Menteri. Ahli mesyuarat termasuk pemilik EPP dan juga pihak berkepentingan dari agensi kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan.

(b) Makmal Peranti Perubatan, Julai 2011

Peralatan Perubatan dikenalpasti sebagai Peluang Perniagaan dalam Makmal yang diadakan pada 2010. Apabila potensi yang dikenalpasti dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan mewujudkan peluang pekerjaan, makmal 4 minggu tentang Peralatan Perubatan diadakan pada Julai 2011. Ia diadakan di Pulau Pinang dan diketuai oleh KKM dan dibantu oleh PEMANDU. Terdapat penyertaan dari 60 wakil dari sektor swasta dan awam. Pegawai dari BDHA terlibat secara aktif dalam makmal ini.

Pada rumusan makmal, 7EPP dikenalpasti dan ditambah kepada 6 EPP yang sedia ada. EPP baru adalah:

- (i) **EPP7:** Menceburi pasaran In-Vitro Diagnostics (IVD) yang pesat membangun melalui usaha sama akademik-industri;
- (ii) **EPP 8:** Menghasilkan generasi baru *single use devices* (SUD);
- (iii) **EPP 9:** Membina hab kontrak pembuatan peranti perubatan bernilai tinggi;
- (iv) **EPP 10:** Menghasilkan juara/jaguh peranti klinikal Malaysia
- (v) **EPP 11:** Mengatur kontrak rangkaian bekalan perkilangan;
- (vi) **EPP 12:** Hab pembaikpulihan peralatan perubatan; dan
- (vii) **EPP 13:** Membina kelompok perkakas dan perabot perubatan.

Sebuah majlis *Sign Off* EPP Peralatan Perubatan diadakan pada 29 September 2011 dimana Menteri Kesihatan mengumumkan projek diatas.

(c) Menyebarkan Maklumat Bidang Ekonomi Utama Negara Penjagaan Kesihatan

DMO menjalankan Sesi Taklimat NKEA Penjagaan Kesihatan di Selangor, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Johor dan Perak. Objektif sesi taklimat adalah untuk memberikan maklumat dan penerangan tentang NKEA Penjagaan Kesihatan kepada Pegawai Atasan Jabatan Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital.

(d) Pencapaian tahun 2011 (Jadual 1)

JADUAL 1
PENCAPAIAN BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA, 2011

KPI	Sasaran 2011	Pencapaian Sebenar
NKEA : Keseluruhan		
1. GNI (USD juta)	4,734	3,082
2. Jawatan diwujudkan	26,686	18,059
3. Pelaburan Swasta (USD juta)	990	1,025
NKEA : EPP		
1. Mandating private insurance for foreign workers (Healthcare EPP#1)		
1.1 Percentage of foreign workers with health insurance.	80% (1.205 juta)	117% (1.408)
2. Creating a supportive ecosystem to grow clinical research (Healthcare Epp#2)		
2.1 Number of research conducted.	260	321
3. Pursuing generivs export oppurtunities (Healthcare EPP#3)		
3.1 Export growth of pharmaceutical product.	15% (RM610 juta)	12% (RM594 juta)
4. Reinvigorating health travel through better customer experience, proactive alliances and niche marketing (Healtcare EPP#4).		
4.1 Revenue generated from healthcare travel (RM mil).	431	511
5. Creating diagnostic services in MoH hospitals.		
5.1 Survey on radiology services in MoH hospitals.	Semua hospital KKM dengan pakar radiologi	39 hospital
5.2 Pilot project on Diagnostic Services Nexus (DSN)	Menjelang 31 Julai 2011	95%
6. Developing a Health metropolis (Healthcare EPP#6)		
6.1 Construction of the Health Metroolis to begin in Q4 2011	Q4 2011	95%

Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

RUMUSAN

Sepanjang tahun 2011, aktiviti Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa dijalankan seperti yang telah dirancang. BDHA akan terus memainkan peranan sebagai tumpuan utama Kementerian dalam pelbagai bidang tanggungjawabnya dan akan berusaha untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam sasaran kerja tahunan.

11 | Perundangan Kesihatan

PENGENALAN

Tanggungjawab Pejabat Penasihat Undang-undang (Pejabat ini) termasuk:

- (a) menyediakan nasihat undang-undang kepada semua bahagian, jabatan dan agensi di bawah KKM;
- (b) memformulasi dan menyemak semula undang-undang, peraturan, prosiding dan lain-lain dokumen undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan KKM;
- (c) memformulasi dan menyemak semula perjanjian dan kontrak dan menyertai rundingan bagi pihak KKM; dan
- (d) mendakwa kesalahan jenayah dibawah KKM.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Jumlah dan skop kerja undang-undang yang dikendalikan Pejabat ini kebanyakannya bergantung kepada tuntutan KKM. Dalam hal ini, Pejabat ini memainkan peranan penting dalam kejayaan pelaksanaan pelbagai dasar baru kepada akta. Antara pencapaian Jabatan ini bagi tahun 2011 adalah pewartaan Akta Penganalisa Makanan 2011 [Akta 727], sebuah Akta untuk menubuhkan Majlis Penganalisa Makanan Malaysia. Tambahan pula, Akta ini juga menyediakan pendaftaran individu yang bekerja sebagai penganalisa makanan dan untuk menyelaras amalan penganalisa makanan dan perkara-perkara yang berkaitan. Akta ini telah diwartakan pada 2 Jun 2011 tetapi belum dikuatkuasakan.

Selain itu, terdapat juga beberapa rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2011 yang belum diwartakan, iaitu Rang Undang-undang Peranti Perubatan dan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan. Pelbagai pindaan dan pewartaan dilakukan keatas legislasi subsidiari berkaitan kesihatan seperti, Peraturan-peraturan Fasiliti dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Kesalahan yang boleh dikompaun) 2011, Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Borang Notis) (Pindaan) 2011, Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2011, Perintah Pendaftaran Pegawai Farmasi (Pindaan Jadual Pertama) 2011 dan notifikasi-notifikasi lain.

HALA TUJU

Pejabat ini telah menghadapi dan menangani pelbagai cabaran dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab dalam menjalankan tugas dalam menyediakan bantuan kepada KKM. Walaubagaimanapun, Pejabat ini tetap komited dalam memberikan perkhidmatan perundangan yang baik di samping mengekalkan kepentingan KKM sebagai tujuan utamanya.

12 | Audit Dalam

PENGENALAN

Cawangan Audit Dalaman (CAD) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah ditubuhkan pada Mei 1980, dibawah Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979 dan kemudiannya Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004. CAD bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian.

Fungsi utama CAD ialah untuk membantu KKM mencapai objektifnya melalui penilaian yang sistematik dan berterusan; memastikan keberkesanan proses kawalan dalaman dan tadbir urus yang baik selaras dengan undang-undang dan peraturan kerajaan.

PENCAPAIAN

Pada 2011, CAD menjalankan empat jenis audit iaitu audit kewangan, audit prestasi, audit susulan dan audit khas. Memorandum Perancangan Audit telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha KKM pada Januari 2011. CAD berjaya melaksanakan 186 audit seperti Jadual 1.

JADUAL 1
PENCAPAIAN CAD PADA 2011

Program/Aktiviti	Pencapaian
Audit Kewangan	142 PTJ
Audit Prestasi	7 Topik
Audit Khas	27 Kes
Audit Susulan	10 PTJ

Nota: PTJ – Pusat Tanggungjawab

Sumber: Cawangan Audit Dalaman, KKM

Audit Kewangan

Audit kewangan menekankan kepatuhan dengan peraturan dan prosedur sedia ada yang merangkumi aktiviti dari kawalan pengurusan sehingga kawalan bajet, kawalan penerimaan dan juga pengurusan asset dan stor. Dengan menjalankan audit kewangan, ia membantu ketua jabatan mencapai penambahbaikan yang dikehendaki pada skala yang lebih luas.

Pada 2011, CAD telah menjalankan 142 audit kewangan di pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) di peringkat ibu pejabat dan negeri. Antara isu paling lazim dalam audit kewangan adalah :

- Pengagihan kuasa yang tidak sesuai
- Ketiadaan pemeriksaan mengejut
- Kurang kawalan penerimaan
- Sewa / pajakan hartanah Kementerian yang tidak dikendalikan dengan baik
- Kawalan bajet yang tidak memuaskan seperti belanjawan melebihi peruntukan dan belanjawan tanpa peruntukan
- Kelewatan dalam pembayaran pembekal kerana dokumen sokongan tidak lengkap atau tidak wujud
- Perolehan dan penilaian tender, sebut harga atau penganugerahan langsung yang tidak betul
- Pendaftaran aset dan inventori yang tidak lengkap
- Aset yang diperolehi tidak digunakan secara optimum
- Aset tidak ditanda atau dilabel sebagai harta kerajaan
- Kurang kawalan atas penggunaan kenderaan kerajaan

Audit Prestasi

Audit prestasi menilai pencapaian operasi aktiviti/program KKM dari aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan belanjawan atau pelan perbelanjaan Kementerian. Audit prestasi melibatkan perancangan, pelaksanaan dan pengawasan serta penilaian impak yang mungkin memberi maklumbalas berguna dan mekanisma pembedaan.

Pada 2011, CAD menjalankan 7 audit prestasi yang merangkumi topik seperti berikut:-

- Audit Sistem Informasi Tabung Darah
- Audit pengurusan Sisa Klinikal di Hospital
- Audit perkhidmatan Doktor Udara di Sabah
- Audit pengurusan pembayaran biasiswa kepada pelatih Anggota Sains Kesihatan Bersekutu
- Audit pengurusan Stor Kesihatan di Hospital KKM
- Audit pembayaran Facility Engineering Maintenance Services (FEMS) kepada syarikat konsesi
- Audit pembayaran Bio-Medicals Engineering Maintenance Services (BEMS) kepada syarikat konsesi

Audit Khas/Siasatan

Audit khas/siasatan dijalankan berdasarkan arahan daripada laporan Menteri Kesihatan, Ketua Setiausaha, dan Ketua Pengarah, SPRM dan Ketua Audit Negara keatas ketidakpatuhan dan kelemahan kawalan dalaman, keadaan yang mencurigakan atau aduan, kecuriahan yang berat seperti rasuah/penyalahgunaan kuasa. CAD menjalankan 27 audit khas/siasatan sepanjang 2011 bagi memastikan accountability and good governance.

Audit Susulan

Audit susulan dijalankan keatas 10 Pusat Tanggungjawab bagi memastikan tindakan susulan diambil berkaitan perihal yang telah di laporan audit. Ini bagi memastikan tindakan pembedaan telah diambil oleh jabatan, dimana kewujudan mekanisma sistem kawalan dalaman boleh mengurangkan atau mencegah kejadian tersebut.

Ceramah/Nasihat

Bagi meningkatkan pengetahuan dan ? dikalangan juruaudit, CAD juga membantu Pusat Tanggungjawab dengan memberi ceramah dan nasihat tentang pengurusan kewangan berdasarkan penemuan audit. Sebanyak 21 ceramah disampaikan oleh pegawai CAD pada 2011.

INOVASI CAD

Sistem Pengawasan Pencapaian Pengurusan Kewangan (3PK System) merupakan aplikasi komputer yang dibangunkan oleh CAD bagi membantu Kementerian mengawal dan menilai prestasi kewangan setiap PTJ dan KKM secara keseluruhannya. Sistem ini dibangunkan pada 2007 dan pertama kali digunakan pada 2008 di mana setiap PTJ perlu menilai sendiri tahap pengurusan kewangan masing-masing. Prestasi pengurusan kewangan yang dinilai bagi tahun 2011 oleh 491 PTJ ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2
PENCAPAIAN PTJ PADA 2011

Status	Setengah Tahun Pertama		Setengah Tahun Kedua	
	Bil PTJ	%	Bil PTJ	%
Cemerlang (90 – 100%)	388	81.8	380	80.68
Baik (70 – 89%)	66	14.0	88	18.68
Memuaskan (50 – 69%)	0	0	1	0.21
Kurang Memuaskan (0 – 49%)	1	0.2	0	0
Tidak Disahkan	9	1.9	2	0.42
Tidak Lengkap	10	2.1	0	0
Jumlah	474	100	471*	100

*Nota: * Perbezaan PTJ bagi pertengahan tahun pertama dan kedua aladalah seperti berikut:*

- i) Pengurangan bilangan PTJ*
 - Pejabat Kesihatan Pergigian Labuan
 - Kolej Kejururawatan Ipoh
 - Kolej Kejururawatan Taiping
 - Malaysian Healthcare Travel Council
- ii) Pertambahan bilangan PTJ*
 - Hospital Queen Elizabeth II

Sumber: Cawangan Audit Dalam, KKM

HALA TUJU

CAD komited dalam membantu KKM mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dengan cara yang ekonomikal dan berkesan. Oleh itu, CAD telah menjalankan analisis risiko proaktif keatas pengurusan kewangan serta program/aktiviti KKM, sejajar dengan aspirasi dan keperluan pihak berkepentingan KKM.

Hala tuju CAD adalah seperti berikut:

- Menjalankan audit kewangan di setiap PTJ sekali dalam masa 3 atau 4 tahun
- Menjalankan audit ICT bagi menilai keberkesanan kawalan IT, penggunaan pengguna, pembangunan sistem, tatacara pembangunan sistem serta tatacara pelaksanaan IT.
- To perform ICT audit in order to evaluate the effectiveness of IT controls, user's utilization, system development practices as well as IT implementation practices.
- Tambahan pula, CAD bercadang untuk memverifikasikan baucher pembayaran yang dibuat untuk peralatan yang dibekalkan, kerja yang dijalankan dan perkhidmatan yang diberikan berdasarkan skop asal serta memastikan kesemua bauchar disokong sewajarnya.

KESIMPULAN

CAD KKM berjaya melaksanakan program/aktivitinya seperti yang dirancang. Dengan komitmen dan kerjasama penuh dari bahagian lain, CAD yakin bahawa KKM boleh mempertingkatkan kewangan dan program/aktiviti/projek. KKM perlu mengorak langkah untuk mengambil langkah-langkah pembetulan bagi menangani isu dan memperbaiki kelemahan yang dilaporkan oleh CAD bagi mengelakkan ia berlaku lagi di masa hadapan.

13 | Peristiwa Penting

PERISTIWA PENTING 2011

11 Januari 2011

Mesyuarat Pasukan Petugas Pengawalan Eksport Ikan dan Hasil Ikan Bil 1/2011 yang telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan & YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di Bilik Gerakan, Aras 4, Blok E7, Kompleks E, Putrajaya.

20 Januari 2011

Perasmian Klinik 1 Malaysia Taman Ketiau oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Hj. Aman, Ketua Menteri Sabah di Taman Ketiau, Putatan, Sabah.

23 Januari 2011

Majlis Pelancaran Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1 Malaysia (UMP1M) oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Hospital Putrajaya.

5 Februari 2011

Majlis Penyampaian Cenderahati Kepada Pesakit Unit Hemodialisis oleh YB Dato' Seri Abdullah Bin Md Zin, Ahli Parlimen Besut, di Unit Hemodialisis, Hospital Besut, Terengganu.

12 Februari 2011

Pelancaran Klinik Bergerak & Ambulans Klinik Kesihatan Daerah Penampang oleh YB Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri di Klinik Kesihatan Penampang, Sabah.

21-25 Februari 2011

Mesyuarat 22nd Session of the Codex Committee on Fats and Oils oleh Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd Ismail Merican, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Hotel Shang-Ri La, Pulau Pinang.

10 Mac 2011

Kempen Kesedaran Kesihatan Anjuran bersama Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Ahli Lembaga Pelawat & Pejabat Daerah Kuala Penyu, oleh YBrs. Encik Dirih @ Sebastian Anjim, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat di Stesen Kelapa, Tanjung Aru Menumbuk, Sabah.

12 Mac 2011

Jom Ganyang Aedes oleh YB Datuk Edward Yong Oui Fah, Pembantu Menteri Kerajaan tempatan dan Perumahan Negeri Sabah di Taman Teluk Villa, Sabah.

16 Mac 2011

Hari Kanser Sedunia oleh YB Dato' Dr. A. Rahman B. Mokhtar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Perpaduan Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu, di Dewan Bahagian Teknologi Pendidikan Marang, Terengganu.

25 Mac 2011

Sambutan Maulidul Rasul & Festival Kesenian Islam Peringkat Hospital Kuala Penyu oleh YB Dato' Seri Panglima Hj. Lajim Bin Hj. Ukim, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan Sah Bandar Makang, Kuala Penyu, Sabah.

28 Mac – 8 April

Lawatan Pemeriksaan *United States Food and Drug Administration Country Assessment for Malaysia – Animal Drug Residues in Aquaculture Products* oleh YBhg Puan Noraini bt. Dato' Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan, KKM di Malaysia.

30 Mac 2011

Majlis Anugerah Kantin Sekolah Bersih 2010 Peringkat Kebangsaan oleh YB Dato' Seri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

10 April 2011

Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Peringkat Kebangsaan oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Auditorium Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah (RTM Pahang), Kuantan, Pahang.

21 April 2011

Pelancaran Kembara Riang Ria Pemakanan di Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan oleh YB. Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Kompleks Sekolah Wawasan USJ 15, Subang Jaya, Selangor.

3 Mei 2011

Hari Kesihatan Sedunia Dan Penyakit Kronik (Jantung), Hipertensi Dan (Diabetes) oleh YAB Dato' Seri Hj. Ahmad Bin Said, Menteri Besar Terengganu, di Dataran Stesen Bas, Setiu, Terengganu.

9-12 Mei 2011

Perasmian Asia Pacific *Malaria Elimination Network* Ke – 3 (APMEN III) oleh YB Datuk Rosnah Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Shangri La Hotel Resort and Spa Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah

18 Mei 2011

Perasmian Klinik Jom Sihat Sukarelawan Komuniti (NCDP1M) oleh YB Senator Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, di Dataran Blok 5 & 6, Tmn Bukit Angkasa, Kuala Lumpur.

18 Mei 2011

Majlis Pertukaran *Letter Of Intent* Dalam Bidang Keselamatan Dan Kualiti Makanan Di Antara Kerajaan Malaysia Dengan University Of Maryland, Amerika Syarikat oleh YBhg. Puan Noraini Dato' Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Di New York, Amerika Syarikat.

30-31 Mei 2011

Latihan Bengkel *International Conference on Harmonisation-Global Cooperation Group* (ICH-GCG) ASEAN untuk Garis Panduan ICH Q5C oleh Dr. Tajuddin Akasah, Timbalan Pengarah Regulatori Farmasi, Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, di Hotel One World, Petaling Jaya, Selangor.

5 Jun 2011

Majlis Perasmian Sambutan Hari Tanpa Tembakau Peringkat Kebangsaan oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Persiaran Jalan Kota, Bandar Hilir, Melaka.

15 Jun 2011

Seminar Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan oleh YBhg Puan Noraini bt. Dato'Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, di Auditorium Kompleks E, Putrajaya

16 Jun 2011

Karnival Riang Ria Oleh YB Dato' Dr. A. Rahman B. Mokhtar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu, di Pasar Raya Giant, Terengganu.

16 Jun 2011

Majlis Perasmian Sambutan Hari Denggi ASEAN 2011 dan Pelancaran Semula COMBI Peringkat Kebangsaan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri di HGH Convention Centre, SJK (C) Sentul, K.Lumpur.

18 Jun 2011

Kempen Kesedaran Kesihatan Periodontium Dan Pemfluoridaan Air di Negeri Sabah oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah di Palm Square, Centre Point, Kota Kinabalu, Sabah.

18 Jun 2011

Program "Kembara Riang-Ria Pemakanan Peringkat Negeri Sabah oleh YB Datuk Tawfiq Dsp Abu Bakar Titingan, Pembantu Menteri Kewangan, Sabah di Sek. Kebangsaan Muhibbah Raya, Tawau, Sabah.

18 Jun 2011

Sambutan Hari Ulang Tahun Kelab Warga Emas, Klinik Kesihatan Penampang oleh YB Donald Peter Mojuntin, Pembantu Menteri Kewangan Sabah di Klinik Kesihatan Penampang.

20 Jun 2011

Pelancaran Perkhidmatan Pergigian Udara di bawah Perkhidmatan Kesihatan Udara, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah oleh YBhg. YBhg. Dr. Mohd Yusof Bin Hj. Ibrahim Pengarah Kesihatan Negeri Sabah di Layang-Layang Aerospace, Kota Kinabalu, Sabah.

21 Jun 2011

Majlis Dialog Antara Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia Dengan Persatuan/ Kesatuan Sekerja Kementerian oleh YBhg Datuk Kamarul Zaman Md. Isa, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan Serbaguna, Aras 8, Kompleks E7, Kementerian Kesihatan Malaysia.

24 Jun 2011

Forum Perdana Ehwal Islam (Pendermaan Organ Dan Amalan Cara Hidup Sihat) oleh YB Datuk Rosnah bt. Hj. Abd. Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Auditorium Kompleks E, Putrajaya

25 Jun 2011

Seminar Nusantara oleh YBhg. Dato' Dr. Hasan Abdul Rahman, Ketua Pengarah Kesihatan di Hotel Vistana, Kuala Lumpur.

1 Julai 2011

Program Kesihatan dan Pemulihan Dalam Komuniti (OKU) oleh YBhg. Dato' Lai Kong Fah, Bendahari Panel Penasihat, Klinik Kesihatan Pantai di Pejabat Kesihatan Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

1 Julai 2011

Majlis Anugerah Media 2011 oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

7 Julai 2011

Majlis Perasmian Penutup Konvensyen Kelab Doktor Muda Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4 oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan di TaHa D'Mutiara, Kompleks Tabung Haji Bayan Lepas, Pulau Pinang.

11-15 Julai 2011

Perasmian Mesyuarat Serantau Fasa III *Good Governance For Medicines* oleh YBhg Dato' Sri Dr. Hasan Bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

16 Julai 2011

Hari Denggi Asean oleh YAB Dato' Seri Hj. Ahmad Bin Said, Menteri Besar Terengganu, di Dewan Sivik, Pasir Panjang, Kuala Terengganu, Terengganu.

16 Julai 2011

"2nd Penampang 10,000 Steps *Walk For Your Health*" oleh YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Kompleks Sukan Penampang, Sabah.

17 Julai 2011

1ST *International Conference On Homeopathy 2011* (iCHOM) oleh YBhg. Dato' Dr. Maimunah A. Hamid, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

22 Julai 2011

Seminar Pendidikan Fatwa -"Merokok Adalah Haram" oleh YBhg. Tuan Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM di Auditorium Ibnu Sina, Masjid Putra, Putrajaya.

25 Julai 2011

Pelancaran Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia Peringkat Kebangsaan 2011 oleh YB Datuk Rosnah Abd. Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

30 Julai 2011

Majlis Penghargaan Kesihatan dan Kecergasan Dalam Komuniti Tmn Bukit Angkasa (NCDP1M) oleh Y.B Senator Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, di Dataran Blok 5 & 6, Tmn Bukit Angkasa, Kuala Lumpur

1 Ogos 2011

Perasmian Jalur Gemilang Sempena Hari Kemerdekaan Tahun 2012 oleh YBhg. Dr. Mohd Yusof Bin Hj. Ibrahim, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, di Luar Dewan , Bhg Pergigian, Bangunan Persatuan India, Kota Kinabalu, Sabah.

4 Ogos 2011

Pelancaran Sudut Minda Sihat oleh YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye di SM St. Michael, Penampang, Sabah.

10 September 2011

Majlis Penganugerahan Sijil HACCP Kepada Syarikat QQ Food Industry oleh YB Dato' Seri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia, di Kampung Cheras Baru.

23 September 2011

Majlis Pelancaran Program Siswa Sihat 1Malaysia Zon Utara oleh YB Datuk Rosnah bt. Hj. Abd. Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

29 September 2011

Dialog Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Industri Sarang Burung Walit Berhubung Isu Pengeksportan Sarang Burung Walit ke China oleh YBhg Puan Noraini bt. Dato'Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, di Auditorium Kompleks D, Putrajaya.

30 September 2011

Majlis Konvokesyen Institut Latihan KKM Peringkat Negeri Sabah oleh YB Datuk Rosnah bt. Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, di Dewan KDCA, Penampang, Sabah.

3-5 Oktober 2011

Perasmian Mesyuarat WHO *Consultative Meeting on Combating Substandard / Spurious / Falsely-labelled / Falsified / Counterfeit (SSFFC) Medicines and Building Global Capacity for Surveillance and Monitoring of SSFFC* oleh En. Mohd Hatta Ahmad, Pengarah Penguatkuasa Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

8 Oktober 2011

Majlis Pelancaran Program Siswa Sihat 1Malaysia Zon Tengah oleh YB Datuk Rosnah bt. Hj. Abd Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

8 Oktober 2011

Pelancaran Promosi Pemakanan Sihat di Pasar Raya oleh YB Dato' Seri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Pasar Raya Giant, Seksyen 3, Shah Alam, Selangor.

10-12 Oktober 2011

National Oral Health Research Conference 2011 oleh YBhg. Dato' Dr. Maimunah bt Abdul Hamid, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor.

10-13 Oktober 2011

ASEAN Workshop on Food Consumption Data & Exposure Assessment for the Project on Strengthening ASEAN Risk Assessment Capacities: Food Consumption Data oleh YBhg Puan Noraini bt. Dato'Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, di Hotel Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur.

16 Oktober 2011

Sambutan Minggu Kesedaran Pendermaan Organ oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

22 Oktober 2011

Pelancaran *Oral Health Clinical Information System (OHCIS)* oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Klinik Kesihatan Maharani, Muar, Johor

22 Oktober 2011

Sambutan Hari Mental Sedunia Peringkat Kuala Penyu oleh YB Dato' Seri Panglima Hj. Lajim b. Hj. Ukim, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan Sah Bandar Makang, Kuala Penyu, Sabah.

22-23 Oktober 2011

Hari Kesihatan Pergigian Sedunia 2011-2012 dan Pelancaran National Oral Health Plan 2011-2020 oleh YB Datuk Rosnah bt Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan di Tropicana City Mall.

23 Oktober 2011

Majlis Perasmian penutup Konvensyen COMBI Kebangsaan 2011 oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Hotel Holiday Villa, Subang.

23 Oktober 2011

Program Bicara Hati Sempena Minggu Kesedaran Pendermaan Organ oleh YB Datuk Rosnah bt. Hj. Abd Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Auditorium Mutiara, Institut Pengurusan Kesihatan, Kuala Lumpur.

28 Oktober 2011

Program Cakna Kesihatan Peringkat Negeri Terengganu 2011, Oleh YB Datuk Rosnah bt. Abd. Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan, di Kampung Pasir Nering, Kuala Berang, Terengganu.

28 Oktober 2011

Majlis Pelancaran Program Siswa Sihat 1Malaysia Zon Timur oleh YB Datuk Rosnah bt. Hj. Abd. Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu.

30 Oktober – 2 November 2011

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti 2011 oleh Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Hasan Bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, *Avillion Legacy Hotel, Melaka*.

31 Oktober – 4 November 2011

Latihan Analisis Dioxin/PCBs Dalam Makanan Tajaan *European Union DG SANCO (EU DG SANCO)* oleh YBhg Puan Noraini bt. Dato'Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, di Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Selangor.

6-8 November 2011

3rd Asian Chief Dental Officers Meeting 2011 (Urusetia tetap program saintifik) oleh Nguyen Thi Kim Tien, Menteri Kesihatan Vietnam di Hanoi, Vietnam.

10 November 2011

Program Kesihatan Pergigian Bersama Kanak-Kanak Keperluan Khas Pusat Dalam Komuniti, Peringkat Negeri Terengganu 'Healthy Mouth For All' oleh YB Dato' Dr. A. Rahman B. Mokhtar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu, di Dewan Sivik Seberang Takir, Kuala Terengganu, Terengganu.

11-13 November 2011

1st Sabah Pharmacy Scientific Conference oleh YBhg. Dr. Mohd Yusof Bin Hj. Ibrahim, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah di Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu, Sabah.

12 November 2011

Majlis Pelancaran Program Siswa Sihat 1Malaysia Zon Sabah oleh YB Datuk Rosnah bt. Hj. Abd Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia di Universiti Malaysia Sabah, Sabah.

14-18 November 2011

Latihan Analisis Logam Berat Dalam Makanan Tajaan *European Union DG-SANCO (EU DG SANCO)* oleh YBhg Puan Noraini bt. Dato'Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, di Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan, Selangor.

14-18 November 2011

Minggu Inovasi & Kreativiti Hospital Sipitang & Majlis Malam Mesra Warga Hospital Sipitang Oleh YB. Hj Ahmad Bin Hj. Bujang, Ahli Dewan Undangan Negeri Sindumin, Di Dewan Masyarakat Daerah Sipitang, Sabah

15 November 2011

Sambutan Hari Kesihatan Pergigian Sedunia Peringkat Negeri Terengganu 'Jom Cakna Mulut' Oleh YB Datuk Za'abar Bin Datuk Haji Mohd Adib, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Terengganu, di Dewan Majlis Perbandaran Dungun, Terengganu.

14-17 November 2011

Persidangan Penguatkuasa Farmasi Kebangsaan 2011 oleh En. Mohd Hatta Ahmad, Pengarah Penguatkuasa Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, di Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan.

17 November 2011

Majlis Perasmian Klinik Kesihatan Putrajaya Dan Pusat Komuniti Kesihatan Mental, Presint 11 oleh YB Dato' Seri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia, di Klinik Kesihatan Putrajaya Dan Pusat Komuniti Kesihatan Mental, Presint 11, Putrajaya.

19-22 November 2011

Basic Microbiology Risk Assessment In Food Safety oleh YBhg Puan Noraini bt. Dato'Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, di Bilik Latihan, BKKM Presint 3, Putrajaya.

20 November 2011

Hari Jantung Sedunia Peringkat Negeri Sabah oleh YB Datuk Donald Peter Mojuntin, Pembantu Menteri Kewangan Sabah di Megalong Mall, Penampang, Sabah.

25 November 2011

Hari Kanak-Kanak Sedunia Dan Sambutan Baby IVF Oleh YB Datuk Rosnah Bt. Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia Di PGMC Aras 4, Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak, Kota Kinabalu, Sabah.

29 November 2011

Seminar Peranan Media Dalam Meningkatkan Taraf Pemakanan Rakyat oleh YBhg. Datuk Kamarul Zaman Md Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia di Institut Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

6-8 Disember 2011

Persidangan Keselamatan Makanan 2011 oleh YBhg Puan Noraini bt. Dato'Othman, Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

8 Disember 2011

Mesyuarat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK) Ke-10 oleh YB Dato' Seri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia, di Dewan Serbaguna, Aras 8 Blok E7, Parcel E, Putrajaya.

10 Disember 2011

Sambutan Hari Aids Sedunia oleh Dr. Lokman Hakim b. Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) di Dewan Sekolah Menengah Yu Yuan, Sandakan, Sabah.

16 Disember 2011

Majlis Dialog Menteri Kesihatan Bersama Industri Makanan oleh YB Dato' Seri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia di Bilik Gerakan, Aras 4, Blok E7, Kompleks E, Kementerian Kesihatan Malaysia.